



**PEMBANGUNAN  
PAHANG  
1961 - 1965**

3776



Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Al-Mu'tasim Billah Sultan Abdullah, D.M.N., D.K. (Brunei), D.K. (Johore), G.C.M.G.



**J**IKA kita kenangkan sa-muda keadaan di-masa 5 tahun yang lampau, dan kita bandingkan pula keadaan itu dengan sekarang, kita tentu berasa megah dan sukachita kerana di-dalam masa yang sa-bagitu singkat sa-lepas mencapai Kemerdekaan, kita telah pun mendapat kejayaan yang besar di-dalam segi pembangunan dan mempertinggikan taraf hidup Ra'ayat di-luar bandar. Daripada kandungan Buku Kemajuan ini, nyata-lah bahawa kemajuan yang besar itu telah di-perolehi hanya melalui perdampingan yang rapat dan bersa-fahaman yang erat di-antara Kerajaan dan Ra'ayat.

Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua yang berakhir pada tahun ini telah mendatangkan sangat banyak perubahan kapada Negeri ini. Oleh kerana kemajuan yang telah tercapai itu, maka Negeri Pahang tiada-lah boleh di-katakan sa-buah negeri yang ketinggalan lagi jika di-bandingkan dengan negeri2 yang lain. Perubahan yang sangat berkesan itu hanya telah di-perolehi daripada kezamanan dan ketekunan Pegawai2 Kerajaan tentang menjalankan kewajipan2 mereka dan kerana Wakil2 Ra'ayat pula sentiasa berdampingan rapat dengan ra'ayat. Kapada Jawatan Kuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri dan Jawatan2 Kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah saya mengucapkan sa-tinggi2 tahniah, kerana dengan usaha mereka itu-lah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar telah berjalan dengan baik dan terator-nya.

Buku Kemajuan ini sa-sunggoh-nya telah menchatetkan satu sejarah baharu bagi Negeri Pahang, dan daripada buku ini, nyata-lah jika sa-saorang itu berkehendakkan kejayaan dan sedia pada berusaha maka kejayaan itu tentu akan di-perolehi-nya. Saya perchaya kemajuan chemerlang yang di-perolehi di-dalam masa 5 tahun yang lepas itu akan mengadakan dan memberi peranggang kapada kita sekalian untuk bekerja dengan lebih giat dan tekun lagi bagi menyayakan Ranchangan Pertama Malaysia yang mempunyai chita2 dan hemah yang lebih besar lagi daripada ranchangan kita yang lepas itu. Saya juga berharap kejayaan yang telah di-perolehi itu akan di-judikan satu chabaran kapada kita bagi mendapatkan perubahan dan kemajuan yang lebih besar lagi di-dalam masa 5 tahun yang akan datang ini kelak.

Sa-bagui sa-buah negara yang muda dan ingin kapada kemajuan. Kerajaan ada-lah sentiasa berusaha bagi mengadakan kemudahan2 untuk ra'ayat negeri ini dengan tujuan hendak menambahkan lagi mata penchurian dan juga meninggikan taraf hidup mereka sekalian. Saya berharap dan berseru kapada Ra'ayat di-luar bandar sekalian supaya memberi kerjasama yang penoh kapada Kerajaan dengan menchurahkan tenaga mereka untuk mencapai kemajuan yang mereka itu kehendki. Jika sokongan dan kerjasama itu di-beri oleh Ra'ayat dengan sa-penoh2-nya, saya yakin Kerajaan bersama2 dengan Ra'ayat-nya tentu sa-kali akan dapat membenu Negara Malaysia yang lebeh ma'amor, tegoh dan berbahagia lagi.

(TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN)  
Timbalan Perdana Menteri,  
Malaysia, Kuala Lumpur.







**D**ENGAN perasaan bangga dan penuh kegembiraan, saya dengan beberapa sukacita-nya membentangkan Buku Kemajuan Negeri Pahang Tahun 1961-1965 ini. Buku ini dengan jelas-nya mencherminkan kemajuan dan perubahan besar yang telah di-perolehi di-dalam Negeri ini, mahu pun dari siri mengadakan perkhidmatan2 kemasharkatan bahkan juga dari sudut memperbaikki dan mempertinggikan taraf hidup ra'ayat sekalian. Kejayaan yang di-chapai itu ada-lah satu perkara yang tidak dapat di-nafikan, dan juga telah di-akui oleh beberapa negara terutama-nya negara2 yang baharu muncul merdeka seperti kita ini.

Di-dalam zaman kemerdekaan, kita sentiasa menghadapi berbagai2 perchubaan dan chabaran. Kerajaan ada-lah sentiasa chuba membentok masharifikat baharu yang memberi Ra'ayat kehidupan yang ma'amor, aman dan bahagia. Untuk melaksanakan chita2 itu Kerajaan telah pun melancharkan Ranchangan Pembangunan Negara. Dengan penuh semangat dan keazaman, ranchangan ini telah di-laksanakan dengan jaya-nya. Pada masa sekarang ra'ayat, terutama sa-kali ra'ayat di-kawasan luar bandar telah pun merasakan naemar dan faedah2-nya. Mereka semua berasa bangga di-dalam kehidupan mereka yang baharu itu.

Kemajuan yang kita chapai sa-takat ini tidak-lah memadai. Malahan kita akan terus berusaha dan berikhitar sa-hingga terbit satu Negara yang sentiasa ma'amor dan bahagia.

Dengan sifat sa-bagi Menteri Besar Negeri ini dan juga Pengurusan Jawatan Kuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri, saya mengambil petuah di-sini menguchapkan berbanyak2 terima kaseh khas-nya kapada ahli2 Jawatan Kuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri dan Jawatan2 Kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah, dan kapada semua pegawai2 Kerajaan 'am-nya kerana telah menchurahkan usaha, tenaga dan titek peloh mereka bagi menjayakan ranchangan2 pembangunan di-dalam masa lima tahun yang lampau itu. Kejayaan yang menujukkan itu tentu tinggal sa-bagai impian sahaja jika kita tidak mempunyai pentadbiran yang tersusun dan pegawai2 yang jujur bagi menyelenggarakannya. Saya yakin mereka itu akan bertugas dengan penuh keazaman dan ketekunan lagi apabila melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama kelak.

Saya juga terhutang budi kepada Ra'ayat Negeri ini kerana telah memberikan sambutan yang istimewa dan sentiasa berpegang tegoh di-sisi Kerajaan di-dalam semua usaha2 yang di-jalankan bagi kemajuan Negeri ini. Dengan perasaan bersetujuan yang rapat itu maka Kerajaan sentiasa dapat mengetahui hasrat2 dan kehendak2 Ra'ayat sekalian dan so-terus-nya boleh mengambil tindakan yang sa-patu2-nya bagi memenuhi harapan2 mereka itu. Dengan keperchayaan dan sokongan yang penuh itu, saya yakin Negeri ini akan bertambah2 maju dan ma'amor lagi pada masa yang akan datang.

Saya juga suka menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Kerajaan Pusat terutama-nya kapada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana berbagai2 bantuan yang telah di-beri-nya untuk menjayakan Ranchangan Pembangunan di-dalam Negeri ini.

Akhir-nya, bagi pehak Kerajaan dan Ra'ayat Negeri ini, saya tiada juga lupa melafaz dan menchatitkan perasaan terhutang budi dan uchapan terima kaseh yang tidak terhingga kapada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana perhatian dan pimpinan istimewa yang sentiasa di-berikan oleh-nya kapada Negeri ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "DATO' PENTARA RAJA YAHAYA BIN HAJI MOHD. SEH." followed by a stylized signature.

(DATO' PENTARA RAJA YAHAYA BIN HAJI MOHD. SEH.)

J.M.N., J.P., P.J.K.,  
Menteri Besar,  
Pahang.



## Kata Pengantar

**B**UKU Kemajuan Negeri Pahang Lima Tahun 1961-1965 ini, yang mengandungi segala kenyataan2 dan keterangan2 serta gambar2 dari Kampung2 membawa ka-Mukim2 hingga-lah ka-bandar2 dalam semua Daerah Negeri Pahang, pada hakikatnya telah dapat menjelaskan semua faktor2 yang menjadi asas menuju kemahiran yang abadi mengenai kehidupan ra'ayat dan Kemajuan Negeri Pahang di-masa depan khususnya, sasudah mendapat Kemerdekaan dalam lengkongan Negara Malaysia, ada-lah jelas dan nyata.

Dan, buku ini akan menjadi salah satu daripada bahan kajian yang penting dan berguna dalam zaman mazmor akan datang.

Mengingat semula sajenak, keadaan dan suasana sa-belumnya gerakan Raksasa Pembangunan Luar Bandar dilancharkan pada tahun 1961 dan sa-telah selesai ranchangan tersebut pada tahun 1965, maka bolehlah dikatakan dengan tegasnya bahawa kesempurnaan peringkat pertama daripada pelaksanaan itu telah meletakan Negeri Pahang ini "DI-AMBANG MA'MOR", sesuai dengan chongan kata Negeri Pahang ia-lah: "DARUL MA'MOR".

Buku ini yang tebal-nya lebuh 400 muka mengandungi berbagai2 aspek peranan dan tanggongjawab yang di-jalankan oleh tiap2 jabatan Kerajaan Negeri dan Pusat, Badan2 Perusahaan dan lain2 yang merupakan tenaga dinamik dalam kegiatan di-lapangan masing2, henar2 telah melaksanakan ka-hendak arahan Buku Merah Pembangunan Luar Bandar saperti yang di-arahkan oleh "BAPA PEMBANGUNAN" Y.A.B. Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein Al-Haj, Timbalan Perdana Menteri Malaysia/Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, telah di-jayakan dengan sa-penuhnya.

Manakala hasrat dan kewajipan ra'ayat Negeri Pahang dan Wakil2 Ra'ayat yang di-pilih dari semua peringkat yang menggembeling sama dalam proses pembangunan ini ikut serta memberi sumbangan dan sambutan, serta do'a rastu agar hasrat dan tujuan tersebut menjadi kenyataan sa-bagai idaman yang ditunggu2 telah tiba; dan kini telah berada "DI-AMBANG MA'MOR".

Berdasarkan kejayaan2 di atas dan kenyataan2 yang di-terakan di-dalam buku ini, maka tidak shak lagi bahawa lanjutan kegiatan dan azam membangun lebuh pesat ka-dalam ranchangan Malaysia yang pertama bagi Negeri Pahang dan ra'ayat seluruhnya sedang melangkah maju lagi ka-hadapan menuju kemahiran yang abadi.

Saya tidak bermaksud untuk membuat ulasan yang begitu panjang dalam memperkatakan kelahiran Buku Pembangunan Negeri Pahang Lima Tahun yang pertama ini, hanya menyerahturunkan untuk renongan dan sambutan semua pehak dan gedongan—menoleh ka-belakang dan merenong jauh ka-hadapan—ka-punchak bahagia yang penoh "MA'MOR".

Chukop rasa-nya dengan kata2 amanah dan uchapan yang di-paparkan di-dalam Buku ini oleh Bapa Pembangunan Negara, Y.A.B. Tun Abdul Razak Al-Haj, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, dan juga oleh Y.A.B. Dato' Yahaya bin Haji Mohd. Seh, J.M.N., P.J.K., I.P., Menteri Besar Pahang, sa-bagai sifat-nya Ke-tua Kerajaan Negeri dan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri Pahang, yang membuat uchapan dan seruan khas dalam keluaran buku Pembangunan Negeri Pahang yang pertama ini.

# **Di-Ambang Ma'mor**

*Bagaimana pun saya tidak lupa menguchap setinggi2 terimakaseh dan penghargaan yang tidak dapat di-nilaikan dalam usaha menerbitkan Buku Pembangunan ini kapada rakan2 dan sahabat2 saya yang melahirkan penerbitan dan perangkaan yang bersejarah ini; mereka2 itu ia-lah Y.B. Enche' Ibrahim bin Arshad, Pegawai Kemajuan Negeri, Pahang, Pegawai Penerangan Negeri, Pahang, Enche' Abdul Rahman bin Ismail, P.I.K., Enche Nasir bin Haji Mat Piah (Setiausaha) dan Enche' Ahmad Saifuddin bin A. Rahman dari Pejabat Penerangan Negeri, Pahang.*

*Begitu juga kapada Enche' Abd. Aziz bin Ismail, Enche' Sa'd bin Walad dan Y.M. Raja Alias, ketiga2nya bekas Pegawai Kemajuan Negeri Pahang, dan Enche' Sa'd bin Din, bekas Pegawai Penerangan Negeri, Pahang, yang mana beliau2 tersebut telah bersama2 mengkaji dan memikirkan tentang Buku ini sahingga di-lahirkan mereka telah bererdar dari Negeri Pahang.*

*Tidak juga ketinggalan kapada lain2 Pegawai sama ada Ketua2 Jabatan Kerajaan Pusat maupun Ketua2 Pejabat Kerajaan Negeri Pahang, termasuk Pegawai2 Daerah yang telah bertukar ganti, kerana sumbangan mereka sungat di-junjong tinggi dan di-hargai sa-bagi tenaga yang bersama membangun Kemajuan Pahang ini.*

*Manakala kapada semua Wakil2 Ra'ayat di-peringkat Negeri dan Parlimen menjadi tenaga yang utama dalam mendorong Kemajuan ini untuk faedah dan kepentingan ra'ayat, walaupun ada di-antara-nya yang sudah pergi dahulu tetapi bakti mereka telah di-sambong oleh rakan2 ganti-nya yang ada sekarang.*

*Dan dalam proses yang akhir penerbitan Buku Pembangunan ini kita mendapat banyak bantuan dan pertudongan kerjasama yang anjur baik daripada Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan Malaysia. Bagi pehak Kerajaan Negeri Pahang, sumbangan itu di-uchapkan ribuan terimakaseh dan senantiasa di-harapkan kerjasama dalam hal sa-umpama ini akan selalu di-dapat dengan mudah-nya, kerana Jawatankuasa Penerangan dan Seranta Negeri ini mempunyai pengertian dan hubungan yang rapat dalam tugas dan kewajipan-nya, dengan Jabatan tersebut.*

*Pada akhirnya saya tidak lupa juga menguchap sa-tinggi2 terimakaseh kepada mana2 pehak dan siapa sajanya yang menyumbangkan antara gambar2 dan lain2 yang di-terakam di-dalam Buku ini kerana telah di-abadikan dan menyertakan tiap2 perkara yang berkenaan di-dalamnya.*

*Mudah2an saja, pada masa akan datang—menjelang lima tahun lagi; Pembangunan Malaysia Yang Pertama, maka dapat pula kita mengeluarkan penerbitan dan chatitan Pembangunan Kemajuan Negeri Pahang yang ke-dua, yang lebih menghairahkan sesuai pula dengan masa dan keadaan pada waktu itu.*

*Penutup, kira-nya di-dalam keluaran Buku ini di-dapatih beberapa ke-kurangan dan kekhilafan yang tidak di-sengajakan maka saya memohon maaf juga.*

**"MAJU RA'AYAT MA'MOR-LAH NEGARA"**

*Terimakaseh dan hormat;  
dari saya,*

*(KHAIRUDDIN KAWI, A.M.N.)*

*Pengurus,*

*Jawatankuasa Penerangan dan Seranta,  
Negeri Pahang.*



## *pertanian*

---

**D**I-DALAM Ranchangan pertanian-nya, Kerajaan menumpukan usaha-nya kapada satu tujuan sahaja ia itu, **MENINGGIKAN PENDAPATAN PETANI DARI KEBUN MASING2.**

Bagi mencapai matalamat ini dua perkara telah di-jalankan ia itu:—

- (1) Membaiki pendirian perkhidmatan Perkembangan Pertanian.
- (2) Mengadakan beberapa Ranchangan bagi Petani2.

### **Membaiki Pendirian Perkhidmatan Pertanian**

Di-antara tahun 1961 hingga 1965 beberapa perkara dalam Perkhidmatan Perkembangan telah dapat di-adakan seperti berikut:—


- (a) Bagi menyenangkan petani2 membuat hubongan, 18 buah Pejabat2 Kechil serta dengan pegawai2-nya sekali telah dapat di-adakan di-kampong2 dalam Negeri ini.
- (b) 3 buah Kereta Penerangan telah di-adakan. Kereta2 ini melawat kampong2 untuk memberi penerangan dan tunjok ajar hal ehwal bertanam kapada petani2.



*Menchantom beneh rambutan.*

- (c) 2 buah Pusat Latehan Pertanian di-Temerloh dan di-Raub telah di-adakan untuk melatih petani2 berchuchok tanam mengikut chara2 yang baik.
- (d) 1 buah Pusat Latehan Perjenteraan Pertanian telah di-adakan di-Paya Besar untuk melatih petani2 dalam bahagian jentera pertanian.
- (e) 6 buah Pusat Pertanian telah di-adakan di-beberapa daerah Negeri ini untuk menunjukkan berbagai2 tanaman dan mengeluarkan beneh pokok yang baik.
- (f) Beberapa banyak petak pertunjukan membaja kelapa, padi dan buah2an telah di-adakan di-serata Negeri ini.
- (g) Bilangan Pegawai2 telah di-tambah daripada 46 orang kepada 76 orang bagi menjalankan pekerjaan di-kmpong2.
- (h) Perbelanjaan tahunan telah di-tambah daripada \$400,000 sa-tahun, dalam 1957 ka-\$700,000 sa-tahun dalam tahun 1965.
- (i) Peruntukan yang telah di-belanjakan bagi membaiki perkhidmatan Perkembangan ini ia-lah \$720,000.





DYMM Sultan Pahang telah berangkat ke Pusat Pertanian Paya Besar, Kuantan untuk meresmikan pembukaan Panteran Pertanian bagi tahun 1964. Gambar menunjukkan baginda sedang menyaksikan buah-buahan yang dipamerkan itu.

## Ranchangan2 bagi Petani2

Dengan bertambah baiknya Perkhidmatan Perkembangan Pertanian itu kejayaan telah dapat di-chapai di-dalam Ranchangan yang saperti berikut:—

### Tanaman

#### Getah

Daripada tapak2 semaihan getah anak baka baik dan semaihan mata baka baik di-pusat2 pertanian telah di-keluarkan:—

- (i) 8,600,000 anak getah baka baik,
- (ii) 390,000 ela kayu mata tunas getah baka baik.

Keluaran anak2 getah dan kayu mata tunas sebanyak itu ada-lah berma'ana lebih kurang 54,000 ekar tanah telah di-tanam dengan getah baka yang baik dan yang boleh memberi pekebun2 getah hasil yang tinggi.

*Pegawai Pengembang dari Jabatan Pertanian memimpin peladang2 chara menggunakan baja tahi lembu.*



## Kelapa

Bagi membaiki tanaman kelapa dalam Negeri ini langkah yang telah di-jalankan ia-lah saperti berikut.

- (i) Mengeluarkan bineh2 kelapa yang baik. 46,000 bineh2 kelapa telah di-ke-luarkan dari tapak2 semaiian kelapa kapada tanah2 ranchangan kelapa dan orang2 bersa-orangan. Dengan pengeluaran bineh2 kelapa sebanyak itu sa-jumlah 900 ekar kebun kelapa telah di-tanam dengan kelapa2 yang baik.
- (ii) Mengadakan petak2 pertunjukan membaja. 15 petak membaja kelapa telah di-adakan di-beberapa tempat di-pantai timor untuk petani melihat dan me-ngambil tauladan.
- (iii) Menggalakan pengeluaran kelapa kering yang baik. 7 buah salai kelapa telah di-dirikan di-kawasan kelapa di-pantai timor untuk mengajar pekebun2 kelapa membuat kelapa kering yang baik. Banyak pekebun2 kelapa telah pun mendirikan salai2 kelapa mereka sendiri.





Petani2 Negeri Pahang ada-lah berpeluang mendapatkan latehan Perjenteraan Pertanian di-Pusat Latehan Paya Besar, Kuantan. Pelajaran yang di-perolehi dari pada Pusat Latehan ini ia-lah pelajaran asas termasuklah Penggunaan jentera2 dan perkakas2 pertanian, menjaga dan membaiki jentera2 dan sa-bagai-nya.



Penanaman Jambu Gajus telah di-laksanakan di-Ge-beng yang bertanah Beris.

## **Jambu Gajus**

Memandang kapada hasil yang besar di-dapati oleh Negeri India dan Afrika Timor daripada Jambu Gajus, tanaman Jambu Gajus dengan sechara besaran2 di-tanah pasir 'beris' telah di-mulakan, sa-hingga hujong tahun 1965 di-jangka semua-nya 810 ekar akan di-tanam dengan Jambu Gajus.

Mengikut Ranchangan bertanam Jambu Gajus ini 500 ekar akan di-tanam pada tiap2 tahun sa-hingga jumlah tanaman ini menjadi 2,000 ekar. Sa-telah tanaman ini berjaya dan pemasaran-nya dapat di-selanggarakan, kawasan itu akan di-bahagi2kan kapada orang kampong.



## Tebu

Tanaman ini ia-lah satu tanaman yang di-ambil perhatian berat kerana tebu ini boleh di-dapati gula.

Di-dalam Negeri Pahang ini dua rombongan pakar2 daripada Taiwan dan Australia telah datang memereksa kawasan2 yang di-fikirkan boleh di-tanam dengan tebu. Mereka itu juga telah mengkaji berbagai2 perkara seperti hawa, hujan dan musim. Hasil daripada kajian ini belum di-terbitkan lagi.

Satu daripada soalan yang berat berkeraaan tebu ia-lah mengenai jenis-nya. Sung-goh pun tebu yang ada di-Negeri ini hidup dengan subor dan mengandungi gula yang banyak jika di-bandangkan dengan tebu2 di-Negeri2 yang lain, tetapi tebu di-Negeri ini kurang mengeluarkan anak sa-telah tebu2 yang besar dari satu2 rumpun itu di-tebang. Ini ada-lah berma'ana yang tebu itu terpaksa di-tanam sa-mula dan ini akan memakan belanja yang besar. Bagi mengatasi soalan ini dua jenis tebu dari Taiwan telah di-tanam untuk perchubaan. Sa-takat ini kedua2 jenis tebu itu nampaknya ada-lah mengeluarkan tebu yang banyak pada tiap2 rumpun.

Kawasan yang di-chadangkan untuk tanaman tebu dan yang telah di-pereksa ber-jumlah lebuh kurag 180,000 ekar.

*Pisang Tali sedang di-biakkan di-Pusat Pertanian,  
Kampong Awah untuk perkembangan.*



## **Pisang Tali**

Untuk menggalakan tanaman yang lain daripad getah, sa-jenis pohon pisang yang boleh di-perbuat tali daripada batang-nya, telah di-tanam di-Pusat Pertanian, Kampong Awah dan Bukit Goh. Tanaman ini ia-lah semaiian untuk mengeluarkan bineh pisang tali itu. Sa-jumlah 10 ekar semaiian telah di-sediakan dan pekerjaan bertanam 15 ekar lagi sedang di-jalankan.

Daripada semaiian2 ini boleh di-dapati bineh chukop untuk 500 ekar pisang tali. Ranchangan bertanam pisang tali ini telah di-masukan ka-dalam Ranchangan 5 Tahun Malaysia Yang Pertama. Ada-lah di-ketahui ada pasaran bagi pisang tali dan pendapatan daripada-nya pun tinggi. Tanaman ini juga ada di-perchayai sangat sesuai bagi pekebun2 kecil.



## **Padi**

Negeri Pahang mempunyai 40,000 ekar tanah padi yang biasa di-tanam. Boleh di-katakan semua padi yang di-dapat ada-lah di-gunakan untuk makanan penanam2 padi itu sendiri. Kawasan2 padi yang besar seperti yang di-dapat di-Negeri2 lain dalam Tanah Melayu ini tiada di-dapat di-Negeri Pahang ini.

Bagi menambahkan hasil pendapatan dari tanaman ini akhir2 seperti berikut telah di-jalankan:—

- (i) Menggalakan penggunaan Baja.
- (ii) Menggalakan penggunaan beneh baik.
- (iii) Menggalakan chara2 yang baik dalam ruangan bertanam padi.
- (iv) Menggalakan menchegah musoh.
- (v) Menggalakan memuleh kawasan2 padi yang tertinggal.
- (vi) Menggalakan tanaman luar musim.

## **Bantuan Baja Padi**

Di-antara 1961-1965, penanam2 padi telah di-beri bantuan 10-40% daripada harga baja2 padi bagi bendang2 mereka. Baja2-nya ia-lah:—


- (i) Baja Semaian—di-guna waktu menyemai.
- (ii) Baja Champoran—di-guna waktu bertanam.
- (iii) Baja Urea—di-guna sa-telah padi di-tanam 4-6 minggu.

Penanam2 padi telah menyambut baik bantuan baja padi ini dan telah pun menggunakan baja2 ini sa-banyak seperti berikut:—

Jenis Baja	Tahun 1963 (paun)	Tahun 1964 (paun)	Tahun 1965 (paun) Sept.	Jumlah (paun)
Baja Semaian	1,725	11,200	4,001	16,926
Baja Champoran	44,025	175,840	106,848	326,713
Baja Urea	14,674	36,000	3,084	53,758

Pergunaan baja padi sa-banyak ini ada-lah berma'ana ia-itu:—

- (i) 2,115 ekar padi telah menggunakan baja sa-waktu padi itu di-semai.
- (ii) 1,896 ekar padi telah menggunakan baja masa bertanam.
- (iii) 960 ekar padi telah di-baja sa-telah di-tanam.



Petani2 sedang mengikuti kursus chara2 menggunakan jentera membajak sawah.

## Menggalakan Chara2 Yang Baik Dalam Ruangan Bertanam Padi

Bagi menunjok ajar penanam2 padi chara2 bertanam padi dan menjaga padi dengan baik beberapa perjumpaan dan pertunjukan telah di-adakan di-serata Negeri ini. Perjumpaan2 dan pertunjukan2 itu telah di-jalankan oleh Penolong Muda Pertanian dengan bersendirian atau menerusi kereta2 penerangan atau tayangan filem berkenaan tanaman padi.

129 petak2 pertunjukan padi telah di-adakan di-serata kawasan padi di-Negeri ini. Petak2 ini telah menunjukkan chara2 menyemai, menanam, membaja, menakong ayer, merumput dan menchegah musoh. Usaha menggalakan petani mengubah chara menyediakan tanah mereka dengan tenggala jentera telah mendapat sambutan yang baik. Chara2 megetam padi telah juga dapat banyak di-ubah daripada menuai kapada pergunaan sabit dan tong banting.

## Menchegah Musoh2 Padi

3 orang Penolong Muda Pertanian yang telah di-beri latehan khas berkenaan chara2 mechegah musoh telah di-tempatkan di-Kuantan, Temerloh dan Lipis. Pegawai2 ini telah bekerja dengan giat-nya dan telah melawat banyak kawasan2 padi untuk menunjok ajaran chara2 menchegah musoh padi seperti serangga dan tikus. Beribu2 petani telah menghadziri lawatan2 ini. Pegawai2 itu telah juga banyak kali membuat lawatan ka-kampong untuk mengawal serangan2 musoh padi yang telah berlaku.

Rachun2 yang telah di-bagikan kapada penanam padi ada-lah saperti berikut:—

Zinc Phosphide (Rachun Tikus)	389 lbs.
Pestex (Rachun Serangga)	16½ gallons.
Dieldrex (Rachun Serangga)	433½ "
D.D.T. 25% (Rachun Serangga)	44½ "
Agrocide	101½ lbs. "

Perkakas penyembor telah juga di-pinjamkan kapada penanam2 padi bagi menye-makan rachun serangga itu.

Semayan padi berbatas.



## Memulehkan Kawasan2 Padi Yang Tertinggal

Kawasan padi yang biasa di-tinggalkan tidak bertanam berjumlah +20,000 ekar. Bagi membaiki keadaan ini, akhtiar telah di-jalankan di-Kuantan dan Pekan bagi menggalakan penanam padi bertanam di-kawasan2 itu. Lebih kurang 350 ekar telah dapat ditanam. Kawasan2 ini ia-lah:—

(i) Paya Sepat ...	...	...	...	...	...	200	ekar
(ii) Paya Tebat ...	...	...	...	...	...	50	"
(iii) Endau ...	...	...	...	...	...	50	"
(iv) Tikam Buroh ...	...	...	...	...	...	50	"
JUMLAH:—						350	"

## Tanaman Luar Musim

Tanaman padi luar musim telah di-jalankan di-Paya Kangsar, Dong dan Pahang Tua. Oleh sebab kurang sambutan daripada penanam padi di-tempat2 itu tanaman ini tiada dapat di-teruskan sa-telah berjalan sa-kali. Tanaman padi luar musim ada berjalan dengan sadikit2 di-Temau dan Dong. Hasil pendapatan dari tanaman ini ada-lah memuaskan.

Tanaman luar musim dengan jagong ada-lah sentiasa berjalan sa-tiap tahun di beberapa kawasan di-Raub, Bentong, Lipis dan Pekan. Jumlah tanaman ini ada-lah lebih kurang 100 ekar pada tiap2 tahun.





Petani modern.

### Galakan Menggunakan Beneh Baik.

Satu daripada chara2 meninggikan hasil padi ia-lah dengan menggunakan beneh padi yang baik. Beneh2 padi di-galakan ia-lah padi2 jenis Serendah Kuning 60, Malinja dan Mashuri.

Tempat2 mengeluarkan beneh2 padi ini ia-lah Pusat2 Ujian Padi, Paya Kangsar, Dong, Pahang Tua dan tanah2 penanam2 padi dengan sechara kontrek. Beneh2 padi telah juga di-beli menerus Jabatan2 Pertanian, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang. Lebih kurang 20,000 gantang beneh2 padi baik ini telah di-bahagikan kapada penanam2 padi dalam masa 5 tahun yang lalu. Dengan ini ada-lah di-anggarkan bahawa 5,000 ekar tanah bendang akan bertanam padi jenis yang baik dan mengeluarkan hasil yang tinggi.

Peladang2 di-ajar bagaimana membanchoh dan menggunakan rachun2 serangga.



## Buah2an

Pekerjaan yang telah di-jalankan dalam bahagian buah2an ia-lah:—

- (i) Menggalakan peladang membaiki atau bertanam sa-mula kebun buah2an mereka.
- (ii) Menggalakan tanaman buah2an yang padat di-tanam baharu.
- (iii) Menggalakan peladang2 bertanam pokok buah2an dengan bantuan beneh2 pokok.
- (iv) Menggalakan tanaman Limau Manis.
- (v) Bantuan tanaman buah2an di-Pulau Tioman.

Sambutan bagi Ranchangan2 ini sangat-lah baik.



## Membaiki Tanamam Semula Kebun Buah2an

Di-bawah Ranchangan ini peladang telah di-beri bantuan benih, baja, kawat pagar, rachun serangga, rachun lalang. Bantuan ini ia-lah bantuan2 barang sahaja dan di-hadkan kapada \$100.00 pada satu ekar. Tambahan bantuan lebuh daripada ini ada-lah di-beri sa-kira di-dapati peserta2 Ranchangan ini bekerja bersunggoh2 hendak membaiki kebun mereka.

720 kawasan brsamaan 1,222 ekar telah di-luluskan di-bawah Ranchangan ini bagi tahun 1964. Daripada 1,222 ekar ini 331 ekar telah siap di-baiki. Bantuan2 yang telah di-beri di-bawah Ranchangan ini termasoklah benda yang berikut:—

Rambutan	...	...	...	...	...	11,572
Durian	...	...	...	...	...	2,009
Lain buah2an	...	...	...	...	...	3,535
Baja—C.I.R.P.	...	...	...	...	...	8,898 paun
Mixture 'M'	...	...	...	...	...	1,240 "
Mixture 'X'	...	...	...	...	...	8,654 "
Mixture 'Y'	...	...	...	...	...	16,581 "
Nitrophoska	...	...	...	...	...	640 "
Tahi Kelawar	...	...	...	...	...	560 "
Kawat pagar	...	...	...	...	...	810 gulong
Rachun2 lalang	...	...	...	...	...	6,058 paun
Rachun2 serangga	...	...	...	...	...	5 gallon
Penyembor	...	...	...	...	...	29 biji
Changkul	...	...	...	...	...	4
Assam Ford	...	...	...	...	...	4
Tajak	...	...	...	...	...	1
Pisau dan guting pokok	...	...	...	...	...	2



Tanah yang telah di-bajak di-sediakan untuk tanaman Melikai di-Kampung Ubai, Kuantan.

Ahli2 Persatuan Peladang, Kampung Kerayong bergotong royong menyediakan tanah bagi tanaman sayur2an.



*Melikai telah di-tanam dan penjagaan-nya  
berjalan terus chara gotong royong.*





Sa-buah kebun Limau di-Kuantan.

Limau salah satu jenis buah2an yang menarik perhatian petani.

## Tanaman Baharu Yang Padat

Tanaman buah2an sejara besar2an atau tanaman padat telah juga di-galakan. Tujuan-nya ia-lah mengadakan kawasan buah2an yang tertentu dalam Negeri ini. Dua kawasan telah di-selenggarakan di-bawah Ranchangan ini:—

### (a) Kampong Padang, Kuantan-68 ekar.

46 ekar tanah telah penoh di-tanam dengan pokok2 buah2an. Tanah2 ini ada-lah di-bahagikan dengan 2 ekar pada satu lot. Tanaman yang ada itu ada-lah di-jaga dengan baik dan hidup dengan baik. Jumlah pokok yang telah di-beri kapada Ranchangan ini ia-lah:—

Rambutan	...	...	...	...	...	1,146	pokok
Durian	...	...	...	...	...	489	"
Chempedak	...	...	...	...	...	61	"

### (b) Sungai Kerpai, Pontian-30 ekar.

Ranchangan ini telah di-mulakan dalam pertengahan tahun 1964. Kawasan ini ia-lah kawasan Pantai Timor yang mengandungi tanah yang kurang baik, tetapi di-perchayai boleh di-tanam dengan pokok buah2an sa-kira jagaan-nya baik. Ranchangan ini ia-lah Ranchangan perchubaan yang di-jalankan oleh ahli2 Persatuan Peladang Pontian. Bantuan yang di-beri ia-lah beneh2 pokok saperti berikut:—

Limau Langkat	...	...	...	...	...	1,162	pokok
Rambutan	...	...	...	...	...	200	"

Rachangan ini ada-lah berjalan dengan baik dan pokok buah2an yang telah di-tanam itu ada-lah hidup dengan baik.



## **Tanaman Buah2an Lain Daripada Ranchangan2 Yang Tetap**

Memandangkan kapada keadaan tanah perkampungan yang di-dapati di-merata tempat di-Negeri ini, satu dasar baharu telah di-mulakan bagi membaiki keadaan ini. Dasar ini bertujuan supaya petani2 boleh mendapat mata pencaharian yang penolos daripada tanah kampong mereka itu. Kerajaan telah memberi bantuan beneh, baja, rachun rumput dan serangga, dan lain2-nya dengan sa-chukup-nya supaya apabila buah2an yang di-tanam itu memberi hasil kelak mereka itu boleh hidup dengan sempurna daripada hasil buah2an itu.

Oleh kerana tanah kampong yang sa-macham ini sangat-lah banyak, tidak-lah dapat semua-nya di-beri layanan serentak. Pekerjaan ini telah di-utamakan di-tanah2 kampong yang berhampiran dengan pejabat2 kecil Penolong Muda Pertanian, Pusat2 Pertanian dan tanah2 kampong di-tepi jalan raya.

### **Pulau Tioman**

Memandangkan kekurangan zat2 makanan terutama sa-kali vitamin bagi pendudok2 pulau itu, pokok2 buahan telah di-beri kapada pendudok di-Tekuk, Juara, Mukut dan lain2-nya. Pokok2 itu ia-lah:—

Rambutan	...	...	...	...	...	100	pokok
Durian	...	...	...	...	...	100	"
Limau	...	...	...	...	...	230	"
Jambu Bangkok	...	...	...	...	...	50	"

Pokok ini di-bahagikan sa-banyak 10 pokok pada tiap2 keluarga. Pokok2 itu ada-lah hidup dengan baik-nya. Pembahagian pokok2 ini akan di-teruskan pada masa kehadapan.

### **Galakan Tanaman Limau Manis**

Tanaman Limau Manis telah di-galakan di-dua kawasan ia-itu:—

#### **(i) Pantai Timor**

Di-Kawasan Pantai di-dapati beberapa tempat yang bertanam dengan limau manis. Keadaan kehidupan pohon2 itu subor. Bagi meluaskan tanaman ini usaha telah di-jalankan menggalakkan petani bertanam limau manis. Bantuan beneh dan lain2-nya ada-lah di-beri. Petani2 yang berusaha bertanam limau manis ini ia-lah di-Rompin, Janglau, Kampong Soi dan Kempadang. Lebih kurang 4.000 beneh limau telah di-bahagikan kapada mereka.

Di-Tanah Merah, Kuantan, pekerjaan bertanam 100 ekar limau di-atas tanah pasir 'beris' sedang di-jalankan.

#### **(ii) Ranchangan Limau di-Cameron Highlands**

Ada-lah di-perchayai bahawa limau manis ia-lah satu tanaman yang boleh di-galakan di-kawasan2 Ringlet dan Bertam Valley. Tauladan ini telah pun di-dapati di-kawasan2 ini di-mana ada beberapa banyak limau jenis Soochow yang telah hidup dengan subor dan sudah pun berubah dengan baik-nya.

Satu Ranchangan bertanam limau telah pun di-mulakan untuk Orang Asli. 32 ekar sedang di-uruskan di-bawah Ranchangan Luar Bandar. Pejabat ini telah mengirimkan sa-banyak 5.000 pokok limau chula dan langkat untuk di-tanam dalam Ranchangan ini dan di-kebun kepunyaan petani2 di-situ.

## Beneh2 Pokok Buah2an

Bagi menemui kemandek2 beneh pokok untuk Ranchangan2 Buah2an, pekerjaan mengeluarkan beneh pokok baka baik telah di-jalankan dengan hebatnya di-Pusat2 Pertanian, Pekan, Bukit Goh, Temerloh dan Lipis.

Satu chara baharu yang telah di-dapati bagi mengeluarkan beneh pokok2 baka baik ini ia-lah dengan 'Chantuman Hijau' atau 'Green Budding'. Dengan chara 'Chantuman Hijau' ini beneh2 pokok boleh di-keluar dengan separoh masa daripada tarikh lama. Ini ada-lah membenarkan lebeh banyak beneh pokok2 dapat di-adakan dan dengan perbelanjaan yang lebeh murah lagi. "Chantuman Hijau" ini telah di-jalankan pada pokok rambutan dan durian. Akhiria sedang di-jalan untuk menggunakan teknik ini pada pokok chempedak dan mangga. Sa-takat ini "Chantuman Hijau" pada pokok chempedak dan mangga itu nampak2-nya boleh berjaya.

Beneh2 pokok yang dapat di-sediakan oleh Pusat2 Pertanian dan tapak2 semai yang lain ia-lah saperti berikut:

Rambutan	...	...	...	...	...	49,963	pokok
Durian	...	...	...	...	...	17,739	"
Chempedak	...	...	...	...	...	6,727	"
Jambu Gajus	...	...	...	...	...	36,568	"
Kelapa	...	...	...	...	...	45,420	"
Lain (Manggis, Mangga, Duku)	...	...	...	...	...	13,174	"
JUMLAH						169,591	"

Sa-lain daripada ini 28,500 beneh limau telah di-beli dari Endau, Jerantut dan Trengganu.

## Sayor2an dan Pohon2 Makanan

Petani2 telah di-galakan bertanam sayor2, jagong, ubi keledek terutama sa-kali untuk makanan sendiri. Mereka itu telah juga di-galakan bertanam temikai dan kachang goreng untuk jualan.

## Sayor2an

Beneh2 sayoran saperti terong, limau, kachang panjang dan chabai telah banyak di-bahagikan kapada orang2 kampong. Merca2 itu di-beri beneh2 yang telah di-semai. Tanaman sayor ini telah dapat di-galakan di-Janda Baik, Pulau Tioman, Serandu, Tanjong Medang, Serengkam, Ulu Luit, Ubai, Gebeng dan di-kampung orang asli, Kampung Che' Lemar, Sungai Lembing. Baja dan rachun2 serangga telah juga di-beri.

## Keledek

Dua jenis keledek (Beltsville dan Serdang) yang berisi dalam masa 100 hari dan yang memberi hasil yang baik telah di-tanam di-Pusat2 Pertanian Temerloh, Bukit Goh, Paya Besar dan Janglau. Beneh2 keledek ini sedang di-biakan untuk di-bahagi kapada petani2. Beneh2 telah juga dapat di-beri kepada petani2 di-Kampung Soi.

## **Jagong**

Galakan tanaman jagong sa-bagai tanaman luar musim di-tanah bendang telah d-apat di-jayakan di-Ulu Dong, Lipis, Batu Talam dan Pahang Tua. Persatuan<sup>2</sup> Peladang telah juga bertanam jagong dan dalam tahun 1964, mereka telah bertanam sa-jumlah 205 ekar. Lebih kurang 10,000 tongkol beneh jagong telah di-bahagikan kepada petani dalam tahun 1964 dan 1965 ini. 3 jenis jagong dari Australia telah di-tanam di-Paya Besar untuk perhatian. 2 jenis daripada-nya telah mengeluarkan hasil yang sangat baik.

## **Temikai**

Dalam tahun 1964 Persatuan<sup>2</sup> Peladang di-kampung Hijrah, Kempadang, Ubai, Kuala Penor, Kampung Soi, Batu Hitam, Gebeng dan Endau telah di-galakan bertanam temikai. Bantuan baja, beneh, rachun serangga dan pada tempat-nya bantuan tenggala telah di-beri. Di-Ubai lebih kurang 35 ekar temikai telah di-tanam oleh persatuan di-situ dengan menggunakan jentera-nya sendiri. 270 ekar telah dapat di-tanam dan ada-lah di-taksirkan bahawa pendapatan mereka itu ia-lah 7,500 pikul, atau +30 pikul pada satu ekar. Dengan harga temikai itu di-antara 7-20 sen satu kati, pendapatan mereka ia-lah lebih kurang \$400.00 satu ekar.

7 jenis temikai dari Australia dan Taiwan telah di-chuba di-tanam di-Pusat Pertanian, Paya Besar, di-Ubai dan di-Gebeng. 3 jenis, ia-itu Candy Red, Black Boy dan Early Yates mempunyai harapan yang baik bagi di-kembangkan dalam Negeri ini. Kebagus-an temikai dari Australia itu ia-lah buah2-nya tentu manis.

## **Kachang Tanah**

Kachang Tanah ini sangat sesuai di atas tanah yang gembor. Oleh itu tanaman-nya telah di-galakan di-Rompin, Janglau dan di-Ubai. Kerana Peladang<sup>2</sup> di-Ubai itu bersunggoh2 berkerja berchuchok tanam, 10 pikul beneh kachang tanah itu telah di-bahagi kapada mereka. Kachang itu telah berbauah dan memberi harapan yang besar kapada petani2 di-situ mendapat hasil yang baik. Kachang tanah telah juga di-tanam di-Paya Besar. Tetapi pendapatan-nya ia-lah 5 pikul pada satu ekar. Tanaman kachang tanah ini di-Pusat Pertanian, Paya Kangsar telah mengeluarkan hasil sa-banyak 14 pikul pada satu ekar.

## Pemereksaan Tanah

Sa-belum satu2 Ranchangan tanah di-buka, Jabatan Pertanian ada-lah di-tugaskan memeriksa keadaan tanah sama ada tanah itu sesuai atau tidak bagi tanaman yang di-chadangkan itu.

Tanah yang telah di-pereksa untuk Ranchangan Tanaman Getah Baharu (New Block Planting Scheme), Pinggiran, Berkawal dan Ranchangan Taliayer ia-lah saperti berikut:

**T a h u n**

<b>Daerah</b>	<b>1961</b>	<b>1962</b>	<b>1963</b>	<b>1964/65</b>	<b>Jumlah</b>
Pekan	14,850	4,300	1,559	7,674	28,333 ekar
Jerantut	2,690	2,981	2,515	1,492	9,678 "
Temerloh	2,395	8,670	6,807	6,465	24,337 "
Lipis	3,785	2,972	1,222	3,370	11,349 "
Kuantan	700	2,438	8,540	5,698	17,376 "
Raub	600	2,941	2,510	3,887	9,938 "
Bentong	2,510	3,130	4,400	3,985	14,025 "
<b>JUMLAH</b>	<b>27,530</b>	<b>27,432</b>	<b>27,553</b>	<b>33,106</b>	<b>115,621 "</b>

Bagi pemereksaan tanah yang di-jalankan oleh Ahli Kajibumi 'Sukarelawan Amerika, Pakar Ranchangan Colombo, Canada dan New Zealand', serta sa-orang ahli Kajibumi, Ibu Pejabat Pertanian, Kuala Lumpur, banyak kawasan besar telah di-pereksa. Kawasan ini termasok-lah kawasan Tiga Segi Jengka, Ulu Lepar, Tasek Bera, Kampong Aur,, Sungai Lembing, Cameron Highlands, Lipis dan lain2-nya. Tujuan pemereksaan ini ia-lah hendak mengetahui keadaan2 tanah di-Negeri Pahang ini supaya Ranchangan2 jalan raya dan sa-bagai-nya dapat di-buat dengan terator mengikut kehendak ekonomik.

## Pendidekan Pertanian

Salah satu ikhtiar penyampaikan ilmu pertanian kapada peladang2 ia-lah dengan pendidekan yang bertujuan hendak mengubah tabiat mereka melalui pengetahuan, kebolehuan dan sikap, supaya peladang2 dapat mengeluarkan penghasilan yang mengutongkan dari ladang2-nya yang menjadi puncha untuk meninggikan taraf hidup mereka. Pada garis kasar-nya, pendidekan pertanian yang di-usahakan oleh Jabatan ini ada-lah menerusi saluran2 seperti berikut:—

## Pusat2 Latehan Pertanian

Tujuan mengadakan Pusat2 Latehan Pertanian ia-lah melatih peladang2 supaya mereka itu dapat membawaikan keadaan kebun2 mereka itu sendiri. Kursus2 yang di-jalankan ia-lah di-antara 7-14 hari dan terbuka kapada semua peladang termasok Orang2 Asli. Pelateh2 yang mengambil kursus2 itu ada-lah di-beri tempat kediaman dan makan di-Pusat2 Latehan itu. Mereka itu juga di-beri sadikit wang kochek untuk belanja hari2.

Pelajaran2 yang di-beri termasok-lah:—

- (i) Asas Pertanian.
- (ii) Pelajaran bersangkutan dengan tanaman saperti sayoran2, buah2an, kelapa, padi, jagong, kachang tanah dan lain2-nya.
- (iii) Merchantum pokok dan membuat anak balot pokok.
- (iv) Membaiza dan jenis2 baja untuk berbagai pokok.
- (v) Menchegah musoh dan rachun2 menchegah musoh.
- (vi) Kira2.
- (vii) Pentadbiran Persatuan2 Peladang.

Tahun 1961 hanya ada satu sahaja Pusat Latehan Pertanian, ia-itu di-Pekan. Di-bawah Ranchangan 5 Tahun yang Kedua, dua buah lagi Pusat2 Latehan Pertanian telah di-adakan di-Temerloh dan di-Gali, Raub. Bilangan kursus yang telah di-jalankan ia-lah 91 dan pelateh yang hadzir 1,814 orang saperti berikut:—

T a h u n

	1961	1962	1963	1964	1965	Jumlah
Bilangan kursus	11	15	24	25	18	91
Bilangan Pelateh (orang)	193	210	485	441	485	1,814

## **Pusat Latehan Perjenteraan Pertanian**

Di-Negeri Pahang banyak peladang2 yang mempunyai jentera2 pertanian, sama ada jentera besar empat roda, jentera kecil dua roda, pump ayer, kilang padi dan lain2-nya. Bagi membaiki perusahaan perjenteraan mereka itu, sa-buah Pusat Latehan Perjenteraan Pertanian telah di-adakan di-Paya Besar, Kuantan. Pelajaran yang di-beri kapada mereka itu ia-lah pelajaran asas (basic knowledge) dan termasok-lah:—

- (i) Penggunaan jentera2 dan perkakas2 pertanian.
- (ii) Menjaga jentera2.
- (iii) Membaiki jentera2.
- (iv) Welding (arc welding dan oxyacetylene welding).
- (v) Pertanian dan jentera.
- (vi) Persimpangan alat2.
- (vii) Menjaga keselamatan diri dalam penggunaan jentera.
- (viii) Menyimpan kira2.

Oleh sebab banyak perkara yang hendak di-pelajari itu kursus ini mengambil masa yang panjang sa-kira-nya semua pelajaran yang di-sebutkan itu di-jalankan pada satu masa. Dari itu pelajaran itu di-bahagikan kapada beberapa kursus yang mengambil masa di-antara 1-2 bulan. Bagi menamatni semua pelajaran itu masa 7 bulan ada-lah di-kehendaki.

Pusat Latehan Perjenteraan Pertanian ini baharu sahaja di-mulakan. 3 kursus mengandungi 44 orang telah dapat di-jalankan.

## **Perkhidmatan Kereta Penerangan**

3 buah Kereta Penerangan Pertanian telah di-adakan. Kereta2 ini telah melawat ka-kampung2 di-serata Negeri Pahang untuk mengembangkan pengetahuan2 pertanian ka-pada orang2 kampong. Pekerjaan yang telah di-jalankan termasok-lah:—

- (i) Memberi Penerangan Projek2 atau Ranchangan2 Pertanian untuk peladang.
- (ii) Membuat pertunjukan (demonstrasi) menchegah musoh.
- (iii) Membuat pertunjukan bertanam pokok, membaja, memileh beneh, seperti beneh padi dan lain2.
- (iv) Menjawab soalan2 daripada peladang dalam masaalah2 pertanian yang di-hadapi oleh mereka itu.
- (v) Membuat tayangan gambar2 pertanian dari Negeri2 luar sa-bagi chontoh.

Sa-benar-nya kereta2 Penerangan Pertanian ini ada-lah memberi manfa'at yang besar kapa-da peladang2 kerana hanya sa-bahagian yang kecil sahaja dapat menghadziri kursus 'di-Pusat2 Latehan Pertanian.


## **Lawatan2**

Lawatan ka-sa-suatu tempat ada-lah satu daya untuk mengubah tabiat sa-sa-orang kerana ilham kapada perubahan biasa-nya timbul hasil dari penglihatan. Beberapa rombongan lawatan telah di-ator dan sa-ramai 120 orang petani2 telah mendapat kesempatan melawat kawasan2 yang telah maju di-Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Trengganu dan 200 petani2 telah di-beri kesempatan melawat beberapa projek kemajuan dalam negeri. Tempat2 yang di-lawat itu mengandungi berbagai2 perusahaan pertanian yang telah maju dan yang telah di-jalankan oleh petani yang tiada berlainan keadaan-nya dengan petani2 di-Negeri Pahang ini.

Perusahaan2 yang di-lawati itu termasok-lah:—

- (i) Tanaman padi musim biasa dan tanaman padi dua kali satu tahun di-Province Wellesley, Kedah dan Perlis.
- (ii) Tanaman luar musim dengan sayor2an, jagong, tembakau, kachang tanah dan lain2-nya di-Tanjong Karang, Selangor.
- (iii) Tanaman buah2an seperti tanaman limau di-Kedah dan Trengganu.
- (iv) Pergunaan jentera di-Perak dan Province Wellesley dalam tanaman padi.

*Petani2 sedang mengikuti Kursus Pertanian an-  
joran Pejabat Pertanian Negeri Pahang.*



## **Risalah2**

Risalah2 dan Warta ada-lah merupakan bahan2 bacaan yang berguna. Sa-banyak 50,000 naskah risalah aneka jenis pokok tumbuhan, dan di-samping itu sa-banyak 20,000 naskah Warta Pertanian telah di-keluarkan dan di-edarkan kepada petani2 dengan perchuma. Penerangan berbagai jenis tanaman boleh di-dapati daripada Warta2 Pertanian. Ini ada-lah berma'ana bahawa peladang boleh menyimpan Warta2 Pertanian sa-bagai satu 'Kutubkhanah' dari mana mereka boleh mendapat pengetahuan sa-kira-nya mereka itu menhadapi satu2 masaalah pertanian.

## **Persatuan Peladang**

Persatuan Peladang mengambil peranan penting dalam usaha pendidekan pertanian. Dengan tertuboh-nya persatuan2 peladang, chara penglaksanaan kerja yang terator dan sempurna dapat di-jalankan oleh petani2 melalui tunjuk ajar sama ada yang di-sampaikan oleh pegawai dari jabatan2 Kerajaan mahu pun yang di-usahakan sendiri oleh pemimpin2 peladang sa-tempat.

Ikhtiar mengadakan kursus, cheramah, pameran dan pertandingan2 yang di-jalankan sediri oleh Persatuan2 Peladang ada-lah menunjukkan satu langkah ka-hadapan dalam ke-majuan pertanian.

48 buah Persatuan2 Peladang telah di-daftarkan sa-hingga akhir tahun, dan pem-bahagian2-nya mengikut daerah2 ada-lah saperti berikut:—

Bil.	Kuantan	Pekan	Temerloh	Bentong	Raub	Lipis	Jerantut	Jumlah
Persatuan	8	13	8	1	5	4	9	46
Ahli	406	662	332	30	415	177	447	2,469

Keselurohan bentuk Persatuan2 Peladang dalam Negeri ini ada-lah saperti berikut:—

- 1 Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri (telah tertuboh dan sedang dalam process pendaftaran).
- 3 Persekutuan Persatuan2 Peladang, Peringkat Kawasan (1 telah berdaftar dan 2 telah di-tubohkan).
- 48 Persatuan2 Peladang—2,469 ahli (telah berdaftar).
- 11 Persatuan2 Peladang—sa-ramai 337 ahli (telah di-tubohkan; 2 dari-nya sedang dalam process pendaftaran).

## Perjenteraan

Lembaga Kemajuan Penanam2 Padi Pahang, telah mengeluarkan sa-jumlah \$119,762.00 wang pinjaman bagi membantu peladang2 persa-orang dan Persatuan2 Peladan bagi memajukan perusahaan padi dalam negeri. Di-antara pembahagian pinjaman wang tersebut sa-jumlah \$114,344.50 khusus untuk membeli jentera2 dan alat perjenteraan seperti berikut:-

10 buah Jentera Trektor Sedang (4 roda)	\$ 91,453.00
10 pasang cage wheel	
10 buah Rotovator	
10 buah harrow	
4 buah jentera2 kechil dan peralatan-nya	
4 buah kilang padi	13,891.50 9,000.00 <hr/> \$114,344.50

4 buah jentera2 Ferguson (1 Ferguson 65 dan 2 Ferguson dan 1 Fordson) baharu, telah di-terima dari Kerajaan Persekutuan dan telah di-gunakan bagi membantu petani2 di-kawasan2 yang memerlukan bantuan perjenteraan. Sa-jumlah \$2,179.00 sewa trektor telah di-kutip dari petani2 dan di-jadikan hasil negara dalam tahun 1964.

Banyak peladang di-serata Negeri Pahang ini telah menggunakan jentera untog megerjakan tanah mereka terutama sa-kali tanah benda. Tempat2 yang banyak menggunakan jentera ia-lah Ulu Gali, Dong, Lipis, Janda Baik, Karak, Simpang Pelangai, Bukit Segumpal, Ubai, Penor, Rompin, Pahang Tua dan Langgar. Di-Pahang Tua dan Langgar, penanam padi telah membayar sa-banyak +\$8,000.00 sa-bagi tempahan sewa jentera. Tempahan ini ia-lah bayaran sa-paroh harga dari penanam2 padi sa-banyak \$20.00 pada satu ekar dan bantuan Kerajaan \$20.00 pada satu ekar.



## **Pameran2 Pertanian**

Pameran Pertanian Negeri Pahang tahun 1964 telah di-adakan di-Pusat Pertanian Paya Besar, Kuantan. Pembukaan Pameran ini telah di-resmikan oleh D.Y.M.M. Sultan Pahang. Di-antara lain2 achara termasok-lah:—

- (i) Pertandingan Padi,
- (ii) Pertandingan Buah2an dan Saylor2an,
- (iii) Pertandingan Perjenteraan Pertanian,
- (iv) Pertandingan Putera Puteri Padi.

Dalam tahun 1965, Pameran Pertanian Negeri Pahang telah di-adakan di-Pusat Pertanian, Bukit Ubi, Kuantan dan pembukaan-nya telah di-resmikan oleh D.Y.M.M. Pemangku Raja. Di-dalam kedua Pameran ini petani2 dari seluroh Negeri Pahang, Pejabat2 Kerajaan dan Saudagar2 turut sama mengambil bahagian.

Satu Pameran Menyambut Tahun Buah2an telah di-adakan di-Temerloh dalam tahun 1964. Dalam Pameran ini berbagai2 jenis buah2an telah di-adakan untuk bertanding dan pertunjukan. Tujuan Pameran ini ia-lah menggalakkan anak2 Negeri memakan buah2an yang di-keluar oleh Negeri ini daripada memakan buah2an yang datang dari luar Negeri.

Persatuan Peladang Ulu Gali telah mengadakan 'Hari Jagong' dalam tahun 1964 kerana menyambut kejayaan mereka menanam Jagong sa-bagai tanaman luar musim. Pembukaan 'Hari Jagong' ini telah di-resmikan oleh Y.A.B. Menteri Besar Pahang. Persatuan Peladang Kampung Tat, Jerantut telah juga mengadakan pameran pertanian dalam tahun 1964.

Kejayaan Pameran2 Pertanian ini menunjukkan bahawa peladang telah mula berasa megah dan gumbira hendak menunjukkan kebolehan mereka mengeluarkan hasil pertanian yang lebuh baik daripada masa2 yang lampau.

### **PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 1961-65**

Perkara	Perbelanjaan
1. Menambah Perkhidmatan Lanjutan Pertanian	\$500,000
2. Ranchangan Bantuan Baja Padi	20,000
3. Penyediaan Beneh2	80,000
4. Bantuan kerana Tanaman Padi Dua Kali sa-tahun dan Tanaman Luar Musim	24,620
5. Ranchangan Pembibakan dan Pembahagian Beneh2 Padi	46,270
6. Ranchangan Pemolehan Pokok2 Buah2an	87,024
JUMLAH	<u>\$757,914</u>

*Chontoh rumah yang berkembang dengan pejabat di-bawah Ranchangan Lima Tahun yang Kedua, bagi Penolong Muda Pertanian yang di-tempatkan di-kampung2.*

## ***kesehatan dan perubatan***

---


**K**ESEHATAN ra'ayat dan penduduk2 negeri itu ada-lah menjadi asas bagi kema'moran dan kemajuan sa-buah Negara. Jika ra'ayat sehat, maka sudah tentu-lah Negara-nya kuat dan sehat serta banyak-lah kemajuan dan kema'amoran akan tercapai.

Dengan terlanchar-nya Ranchangan Pembangunan Luar Bandar di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua maka berbagai2 Ranchangan Kesehatan dan Perubatan telah dapat di-jayakan terutama sa-kali Ranchangan2 Kesehatan bagi penduduk2 luar bandar.

Langkah2 mengawas dan mengawal merebak-nya penyakit2 yang berjangkit seperti penyakit chachar, wabak taon, dan lain2 lagi telah di-jalankan dengan sunggoh2-nya.

Usaha2 mengembangkan dan menyampaikan Perkhidmatan Perubatan dan Kesehatan ka-kawasan luar bandar telah mencapai kejayaan dan chara2 Kerajaan melancharkan Ranchangan2 Kesehatan Luar Bandar-nya telah mengagumkan pelawat2 dari luar negeri yang pernah datang membuat lawatan ka-Negeri Pahang ini.

*Kerajaan telah juga melancarkan Ranchangan Perkhidmatan Pergigian dalam Negeri Pahang. Sa-orang Doktor Pergigian sedang memerekas dan merawat gigi sa-orang kanak2 sekolah.*



## Ranchangan Latehan

Di-samping membina bangunan2 seperti Pusat2 Kesehatan, Chawangan2 Pusat Kesehatan dan Rumah2 Bidan dan Kelinik, Kerajaan juga telah mengambil langkah yang rapi bagi mengadakan ranchangan2 latehan bagi mengeluarkan jururawat2, bidan2 dan kakitangan2 perubatan dan kesihatan yang terlaluh untuk berkhidmat di-ranchangan yang telah di-laksanakan itu. Ini ada-lah satu ranchangan yang mustahak oleh kerana perkhidmatan perubatan dan kesihatan itu tidak akan dapat memberi apa2 faedah dan kebaikan kapada penduduk2 di-luar bandar melainkan segala ranchangan2 kesehatan yang di-bina di-kampung2 itu di-anggotai oleh pegawai2 yang terlaluh dan chekab.

Di-Pahang ini bagi melaksana ranchangan latehan ini, Kerajaan telah membina 2 Pusat Latehan Perbidanan yang chukop dengan asrama dan kelengkapan yang lain yang bertempat di-Kuantan dan Bentong. Ranchangan pembinaan pusat2 latehan ini telah menelan belanja sa-banyak \$343,700/-.



Di-masa yang lampau sa-belownya Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini dilancharkan, maka kemudahan2 perubatan dan kesihatan ini hanya-lah di-tumpukan di-bandar sahaja. Dengan itu maka di-dapati-lah keadaan kesehatan pendudok2 luar bandar jauh beza-nya dengan keadaan kesehatan orang2 di-dalam bandar. Dan ini juga ada-lah salah satu dari faktor yang menyebabkan pendudok2 luar bandar itu tidak bagitu maju dan juga di-dapati banyak anak2 kecil yang baharu lahir meninggal dunia.

Oleh itu bagi mengatasi segala masalah dan kesulitan itu, maka Kerajaan di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar telah meyusun dan mengatorkan Ranchangan2 Kesehatan-nya dengan membawa segali kemudahan dan perkhidmatan dan kesehatan ka-luar bandar. Sa-lain dari mendirikan Pusat2 Kesehatan dan Chawangan Pusat Kesehatan Luar Bandar di-luar bandar, Kerajaan juga ada-lah mendirikan banyak Rumah2 Bidan Kelinik di-kampung2 jauh dari bandar.

Dalam Ranchangan Kesehatan Luar Bandar, Pegawai2 yang terlateh bukan sahaja memberi perkhidmatan perubatan dan rawatan, malahan mereka juga menjalankan kerja memberi nasehat terutama sa-kali kapada ibu2 yang hamil supaya ibu2 itu akan dapat melahirkan anak2 yang sehat dan dengan itu mengurangkan angka anak2 kecil meninggal dunia.

Bagi melancharkan pembinaan 6 Pusat Kesehatan, 16 Chawangan Pusat Kesehatan dan 98 Rumah2 Bidan dan Kelinik Kerajaan telah membelanjakan hampir \$6 juta.

*Jururawat dalam gambar ini sedang bertugas melawat kawasan luar bandar.*



wang terus (Capital Grants) di-beri melalui  
Menteri Kewangan**


**Sekolah Jenias Kebangsaaan (R) China**

1.	Telemong, Bentong	...	...	...	1	3,000
2.	Tras, Raub	...	...	...	1	6,000
3.	Rompin, Pekan	...	...	...	6	92,000
4.	Maran, Pekan	...	...	...	3	7,500
5.	Tanah Rara, C. Highlands	...	...	...	1	14,000
6.	Bukit Tinggi, Bentong	...	...	...	3	10,000
7.	Lanchang, Temerloh	...	...	...	1	4,000
8.	Triang, Temerloh	...	...	...	1	4,000
9.	Sg. Lui, Raub	...	...	...		900
10.	Mengkuang, Temerloh	...	...	...		1,500
11.	Yuh Hwa, Kuala Pahang, Pekan	...	...	...		600
12.	Tringkap, C. Highlands	...	...	...		1,200
13.	Chin Hua, Kuantan	...	...	...		7,500
14.	Gambang, Kuantan	...	...	...		12,000
						\$55,700



1964	<b>Sekolah (R) Jenis Kebangsaan Tamil</b>						
	1. Tanah Rata, C. Highlands ... ... ...	3	\$20,000				
	2. Cheroh, Raub ... ... ...	1	6,500				
	3. Lian Hup Estate, Kuantan ... ... ...	1	6,500				
	4. Sg. Tekal, Temerloh ... ... ...	1	3,500				
	5. Budu, K. Lipis ... ... ...	2	10,000				
	6. Edensor Estate, Temerloh ... ... ...	2	10,000				
	7. Karmen, Temerloh ... ... ...	2	10,000				
							<b>\$66,500</b>
	<b>Sekolah Kebangsaan Rendah</b>						
	1. Kuala Tekal, Kuala Krau, Mentakab, Temerloh ... ... ...		\$ 3,000				
	2. Paya Sok, Kuala Krau, Temerloh ... ... ...		4,000				
	3. Padang Rumbia, Pekan ... ... ...		150				
	4. Sek. Kebangsaan K. Tahan ... ... ...	2	10,000				
							<b>\$17,150</b>
	<b>Sekolah Kebangsaan Rendah (Inggeris)</b>						
	1. Tengku Mohammad, Chenor ... ... ...		\$ 7,700				
	2. Lik Seng, Budu Estate, K. Lipis ... ... ...		3,500				
	3. Sekolah Perempuan Methodist, Raub ... ... ...		20,000				
							<b>\$31,200</b>
1965	<b>Sekolah Rendah</b>						
	1. Sek. Keb. Mat Daling, Jerantut ... ... ...	3	\$ 45,000				
	2. Sek. Abu Bakar, Temerloh ... ... ...	10	120,000				
							<b>\$165,000</b>

*Sekolah Kebangsaan di-dalam Ranchangan Lemba-ga Kemajuan Tanah Persekutuan Lemba-Bilut, Bentong.*



Bilek tidor Asrama murid2 perempuan.


#### Sekolah Menengah

1. Guai, Temerloh	...	...	...	...	1	\$ 8,000
2. Bohor, Temerloh	...	...	...	...	1	8,000
3. Bangau, Temerloh	...	...	...	...	1	8,000
4. Pulau Rusa, Pekan	...	...	...	...	1	8,000
						\$32,000


#### Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan

1. Kuantan (Inggeris)	...	...	...	...	1	\$10,000
2. Raub (Inggeris)	...	...	...	...	4	50,000
3. St Thomas (Inggeris) Kuantan	...	...	...	...	1	21,000
						\$81,000


BILANGAN MURID<sub>2</sub> DI - SEKOLAH<sub>2</sub> BANTUAN  
(KERJAAN) DI - NEGERI PAHANG BAGI TAHUN  
1961 HINGGA 1965




BILANGAN SEKOLAH<sub>2</sub> (KERJAAN) DI - NEGERI  
PAHANG BAGI TAHUN 1961 HINGGA 1965




BILANGAN GURU<sub>2</sub> DI - PAHANG BAGI TAHUN  
1961 HINGGA 1965







BILANGAN MURID<sub>2</sub> DI - SEKOLAH<sub>2</sub> BANTUAN  
(KERAJAAN) MENENGAH 1965



BILANGAN MURID<sub>2</sub> DI - SEKOLAH<sub>2</sub> BANTUAN  
(KERAJAAN) RENDAH 1965



BILANGAN SEKOLAH<sub>2</sub> BANTUAN  
(KERAJAAN) MENENGAH 1965



BILANGAN SEKOLAH<sub>2</sub> BANTUAN  
(KERAJAAN) RENDAH 1965



- SEK: KEB: (MELAYU)
- SEK: J. KEB: (CHINA)
- SEK: J. KEB: (INGGERIS)
- SEK: J. KEB: (TAMIL)

## ***majlis amanah ra'ayat bumiputra***

---

**S**EMENJAK penubohan-nya hingga ka-tahun 1960 Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan atau RIDA telah menjalankan tugas-nya yang meliputi segala lapangan hidup pendudok2 luar bandar, ia-itu meliputi lapangan iktisad, pelajaran, kesihatan, masyarakat dan lain2 lagi. Dengan terdiri-nya Kementerian Pembangunan Luar Badar tugas2 RIDA yang meliputi lapangan pelajaran, kesihatan, masyarakat dan lain2 lagi telah di-beri kapadi jabatan2 lain, yang lebuh layak bagi melaksanakan-nya, dan RIDA telah di-beri tugas dalam lapangan iktisad sahaja dengan chara membaiki dan medirikan perusahaan2 dan mengadakan kemudahan2 memperoses dan pasaran. Untuk menchapai tujuan2 ini berbagai ranchangan telah di-usahakan termasok-lah ranchangan pinjaman wang, ranchangan perusahaan bas, ranchangan latehan dalam ilmu perniagaan dan perusahaan, ranchangan kemudahan perbekalan, memperoses dan pemasaran dan ranchangan membina pekan2 sa-hari dan pusat2 mengusahakan getah berkumpul.

*Kedai Orang Melayu di-Temerloh yang menjual radio, mesin jahit dan lain2 alat perkakas letrik. Bantuan daripada RIDA telah di-perolehi untuk membuka kedai ini.*



## **Ranchangan Pinjaman**

Salah satu chara bagi membaiki dan memajukan perusahaan, perdagangan dan perniagaan ia-lah dengan memberi pinjaman wang untuk modal peralatan dan modal pu singan. Sa-banyak 420 pinjaman telah di-beri berjumlah \$1,481,853/- dan pechahan2 mengikut tahun dan jenis ada-lah saperti di-bawah ini:—

### **Pinjaman Wang Yang Telah Di-beri**

Tahun	Jumlah
1961	\$155,000
1962	575,000
1963	430,000
1964	370,000
1965 (30.6.65)	125,000

Penduduk2 kampong Sungai Karang Darat telah mengikuti satu Kursus Perniagaan dan menyusun kira2 anjoran RIDA. Kursus ini ada-lah memberi pertolongan yang besar kepada ahli2 perniagaan kecil terutama sa-kali tentang menyimpan kira2 sa-chara mudah.





**Jenis Pinjaman Yang Telah Di-beri**

<b>Jenis</b>	<b>Bilangan Pinjaman</b>	<b>Jumlah Wang</b>
Perniagaan	136	\$332,280.00
Ternakan	45	86,299.00
Kenderaan dan Pengangkutan	44	332,974.00
Pertanian	39	57,553.00
Pemborong	84	566,819.00
Lain2	72	105,928.00
	420	<hr/> \$1,481,853.00

Tiap2 pinjaman telah di-susul dengan nasehat2 dan pertunjok sa-kurang2nya 3 bulan sa-kali, dan peniaga2 di-beri latehan dalam ilmu perniagaan dan kira2 jikalau dapatci sesuai. Usaha memberi pinjaman wang ada-lah usaha yang terbesar sa-kali di-lakukan oleh RIDA dalam Negeri Pahang.

*Pekan Sahari Luar Bandar Benta, Lipis. Ada-nya pekan sahari saperti ini maka dapat-lah penduduk2 luar bandar memasarkan hasil2 tanaman dan usaha mereka.*



## Ranchangan Latean

Satu lagi chara bagi membaiki dan memajukan perusahaan, perdagangan dan perniagaan ia-lah dengan memberi latehan. Di-bawah ini di-chatetkan keterangan mengenai latehan2 yang telah di-beri:-

Jenis Latehan dan tempat-nya.	Lama-nya Latehan	Bilangan Orang Yang Di-beri Latehan
Perniagaan dan Menyusun Kira2 (di-kampung2) ...	10 hari	234
Membuat Tali dan Berus daripada Sabut (di-Kampong Merhom, Pekan) ...	7 hari	90
Menganyam Pandan dan Mengkuang di-kampung2)	3 bulan	916



Gambar menunjukkan YAB Tun Abdul Razak sedang memotong tali peta bagi meresmikan pembukaan Pekan Sahari Penjom, Lipis. Pekan Sahari ini di-bina oleh RIDA di-bawah Ranchangan P.L.B. dengan perbelanjaan \$10,000.00.



Pekan Sahari Kuantan yan gdi-bena dengan bantuan RIDA. Di-Pekan Sahari ini boleh di-dapati buah2an, sayoran2, dan lain2 bahan makanan serta barang2 buatan di-luar bandar.



Accountancy (di-Australia)	...	...	...	3 tahun	)
Business Management (di-Dewan Latehan RIDA, Petaling Jaya)	)	...	...	3 tahun	)
Secretaryship (di-Dewan Latehan RIDA, Petaling Jaya)	)	...	...	3 tahun	)
Stenography (di-Dewan Latehan RIDA, Petaling Jaya)	...	...	...	2 tahun	)
Membalak (di-Filipina)	...	...	...	6 bulan	2

Sa-lain dari itu sa-ramai 99 orang wanita bakal pemimpin2 kampung telah di-beri latehan urusan rumah tangga sa-lama 3 bulan di-Taman Asuhan RIDA, Kuala Lumpur.



Gadis Melayu sedang menenun kain songket di-Pusat Penurun  
Songket Kampong Selamat, Kuantan.



*Salah satu daripada beberapa buah lumbong bijih timah di-Gambang, Kuantan.*



## **Ranchangan Perusahaan Perkhidmatan Bas**

Dalam usaha mendirikan perusahaan baharu, RIDA telah menubohkan 5 buah perusahaan perkhidmatan bas. Perkhidmatan2 ini di-uruskan oleh RIDA sendiri, dengan tujuan akhir bahawa perkhidmatan2 ini akan di-serahkan kepada orang2 tempatan untuk di-uruskan oleh mereka sendiri melalui sharikat2 yang di-modal dengan wang mereka sendiri. Di-bawah ini di-chatetkan keterangan2 mengenai perkhidmatan2 itu:—



<b>Jalan</b>	<b>Jauh-nya</b>	<b>Bas Yang Berjalan</b>	<b>Perbelanjaan Yang Di-keluarkan</b>
Bentong ka-Lembah Bilut ...	12 batu	3 buah	\$ 35,000.00
Temerloh ka-Kuala Krau ...	24 batu	4 buah	50,000.00
Kuala Lipis ka-Padang Tengku	12 batu	3-buah	35,000.00
Jerantut ka-Pulau Tawar ...	18 batu	3 buah	35,000.00
Pekan ka-Batu Balek ...	28 batu	2 buah	25,000.00
<b>JUMLAH:</b> 94 batu		<b>15 buah</b>	<b>\$180,000.00</b>



*Perkhidmatan bas Temerloh/Kerdau yang di-lelakkan oleh RIDA. Bas ini menjalankan perkhidmatan-nya kapada penduduk2 yang tinggal di-sa-panjang Jalan baru Jerantut/Songsang yang di-bena di-bawah Ranchangan P.L.B.*


## **Ranchangan Kemudahan Perbekalan, Memperoses dan Pasaran**

Ranchangan ini terbahagi kepada 3 bahagian, ia-itu:—

Perkhidmatan Perbekalan, Memperoses dan Pasaran melalaui Pusat Urusan Per-usahaan Kechil, Petaling Jaya;

Kilang2 Getah, Pusat2 Mengusahakan Getah Berkumpul; dan Pekan2 Sahari.

*Lorri kilang getah di-Jeruas sedan gmemungut getah chair daripada pekebun2 kecil untuk di-bawa ka-kilang.*






*YAB Tun Abdul Razak menanam sa-batang anak pokok kelapa tanda kenangan beliau meresmikan pembukaan Kelang Getah RIDA di-Penjom, Lipis.*

### **(a) Pusat Urusan Perusahaan Kechil, Petaling Jaya**

Perkhidmatan Pusat ini yang sampai ka-Pahang ini merupakan benang2 sutra kepunyaan ahli2 tenun Pahang di-Kampung Pulau Keladai Pekan, yang di-chelop sa-chara tidak luntor di-Pusat Penchelopan di-Kuala Trengganu; bantuan teknik dan pasaran yang diberi kepada tukang2 kulit siput dan kerang di-Kampung Sungai Karang, Kuantan; bantuan pasaran bagi ukiran2 orang asli di-seluroh Negeri; dan bantuan alatan kepada ahli2 tukang besi di-Kampung Lubok Pulit, Lipis, dan di-Kampung Padang, Pekan.

*Memproses getah berkompol anjoran bersama RIDA dan Pejabat Penyelidik Getah.*



### **(b) Kilang2 Getah dan Pusat2 Mengusahakan Getah Berkompol**

Untuk membaiki mutu getah keluaran pendudok2 luar bandar dan dengan itu menambahkan pendapatan mereka 15 buah kilang2 getah dan pusat2 mengusahakan getah berkumpul telah di-dirikan. Keterangan2 mengenai-nya tertera di-bawah:-

<b>Nama Tempat</b>	<b>Perbelanjaan</b>	<b>Mutu Getah Yang di-keluarkan</b>
Jerus, Raub (Kilang Getah) ... ..	\$120,000.00	1
Chenor, Temerloh (Kilang Getah) ... ..	120,000.00	1
Genting, Lipis ... .. ..	1,600.00	2
Relong, Lipis ... .. ..	2,000.00	2
Lanar, Lipis ... .. ..	2,000.00	2
Batu Talam, Raub ... .. ..	2,000.00	2
Jawi2, Bentong ... .. ..	2,000.00	2
Penak, Temerloh ... .. ..	2,000.00	2
Mengkarak, Temerloh ... .. ..	888.00	2
Paya Bungor, Kuantan ... .. ..	2,500.00	2
Ubai, Kuantan ... .. ..	2,000.00	2 dan 3
Belimbing, Lipis ... .. ..	1,550.00	2
Telok Era, Temerloh ... .. ..	2,000.00	2
Kuala Sentul, Temerloh ... .. ..	2,000.00	2
Bunut, Pekan ... .. ..	1,400.00	2

*Pemandangan di-sebelah dalam kelang getah kampong Jeruas, Raub. Kilang getah ini ia-lah kepunyaan pekebun2 kecil yang di-anjorkan oleh RIDA.*



## Pekan2 Sahari

Sa-bagai salah satu kemudahan bagi penduduk2 luar bandar memasarkan barang2 pengeluaran mereka 34 buah pekan2 sahari telah di-bena di-tempat2 yang sesuai saperti keterangan di-bawah ini:—

Nama Tempat	Perbelanjaan
Bandar Bentong ...	\$ 10,000.00
Kampong Dong, Raub ...	10,000.00
Kampong Batu Malim, Raub ...	10,000.00
Kampong Benta, Lipis ...	20,000.00
Kampong Padang Tengku, Lipis ...	4,800.00
Kampong Penjom, Lipis ...	10,000.00
Bandar, Lipis ...	12,400.00
Kampong Relong, Lipis ...	4,600.00
Kampong Bukit Betong, Lipis ...	10,000.00
Kampong Jerangsang, Lipis ...	5,800.00
Kampong Kerambit, Lipis ...	10,000.00
Kampong Tanjung Besar, Lipis ...	5,800.00
Kampong Mela, Lipis ...	2,200.00
Kampong Ulu Gali, Raub ...	10,000.00
Kampong Chenor, Temerloh ...	13,000.00
Bandar Temerloh ...	28,000.00
Kampong Tanjung Lumpur, Kuantan ...	400.00
Bandar Jerantut ...	20,500.00
Kampong Kedondong, Jerantut ...	5,140.00
Kampong Tanjung Putri, Jerantut ...	4,900.00
Kampong Baharu, Jerantut ...	15,000.00
Bandar Kuantan ...	45,000.00
Kampong Tat, Sega, Raub ...	25,000.00
Kampong Damak, Jerantut ...	7,000.00
Kampong Parit, Pontian (Kampong Paya Sepayang, Pekan) ...	7,000.00
Kampong Budu, Lipis ...	15,000.00
Kampong Kerdau, Temerloh ...	6,000.00
Kampong Kuala Krau, Temerloh ...	10,000.00
Kampong Gali, Tengah, Raub ...	6,000.00
Kampong Tebing Tinggit, Jerantut ...	10,000.00
Kampong Durian Tawar, Temerloh ...	7,000.00
	<hr/> <u>\$355,040.00</u>



### Kajian 'Am

Segala ranchangan yang telah dilaksanakan dalam 5 tahun yang telah lalu itu telah mendatangkan faedah yang besar kapada penduduk2 luar bandar dan ahli2 perusahaan, perdagangan dan perniagaan Melayu. Faedah2 itu merupakan perusahaan, perdagangan dan perniagaan yang lebih maju, hasil yang lebih banyak dan lebih tinggi mutu-nya, yang lebih licin dan chergas; pendek kata pendapatan wang masok ka-dalam kocek penduduk2 luar bandar telah bertambah, ia-itu bermakna bahawa taraf iktisad mereka sudah meningkat naik. Walau pun ada ranchangan dan usaha2 yang gagal, sa-kurang2nya pengalaman yang mendalam, yang tidak ternilai harga-nya, telah di-perolehi, untuk pedoman di-masa hadapan.



Workshop membaiki kereta "Tengku Muda". Kuantan yang telah mendapat bantuan daripada RIDA.

Dalam pada itu pula, ada-lah di-fikirkan bahawa kejaya'an yang telah tercapai itu maseh boleh lagi di-tambah dan di-perbaiki dan dengan kerana itu keputusan telah dibuat untuk di-susun sa-mula tugas dan pentadbiran RIDA. Hasil-nya ia-lah Konggeris Ekonomi Bumiputra pada 5hb, 6hb dan 7hb Jun, 1965, yang telah membuat 69 keputusan dan memberi nama "Majlis Amanah Ra'ayat Bumiputra" atau MARA kapada Lembaga ini. Pada masa ini susunan baharu mengenai tugas dan pentadbiran sedang di-buat dan oleh sebab rupa bentuk baharu Lembaga ini merupakan suatu rupa bentuk yang "dynamic", maka sudah tentu kemajuan yang akan tercapai akan merupakan kejaya'an yang tetap dan cemerlang juga.

## ***ugama***


---

KERAJAAN Negeri ada-lah sentiasa berusaha dengan sedaya upaya-nya untuk memaju dan menjayakan perjalanan dan Pengajaran Ugama Islam di-seluruh Negeri Pahang. Semenjak pelancharan Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Ke-Dua di-dalam tahun 1961 kemajuan2 yang berkesan telah di-perolehi dari sa-tahun ka-sa-tahun dan usaha2 yang telah di-jalankan oleh Kerajaan ia-lah saperti berikut:—



**Tahun 1961:**

- (i) Sa-banyak 19 buah Sekolah2 Ugama Ra'ayat telah di-beri bantuan dengan per-untukan sa-banyak \$18,000/-.
- (ii) Sa-banyak \$3,205.35 telah di-belanjakan kerana mengadakan kursus2 bagi Guru2 Ugama untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan pendidekan mengajar Ugama Islam kapada murid2 di-Sekolah2 Rendah.
- (iii) Sa-banyak \$490/- telah di-belanjakan untuk membeli kitab2 tambahan bagi kegunaan Guru2 Ugama yang mengajar di-Sekolah2 Rendah.
- (iv) Sa-banyak \$2,500/- telah di-belanjakan kerana membeli Kora'an2 dan Kitab2 untuk kegunaan Pejabat2 Kadzi dan Sekolah2 Rendah Kerajaan.



**Tahun 1962:**


- (i) Sa-banyak 14 buah masjid2 telah di-beri bantuan berjumlah sa-banyak \$20,000/- kerana belanja membaiki bangunan.
- (ii) Sa-ramai 14 orang awam telah di-beri bantuan berjumlah \$4,000/- kerana mewujudkan fardhu Haji ka-Mekah.
- (iii) Sa-banyak 20 buah Sekolah Ugama Ra'ayat telah di-beri bantuan berjumlah \$25,000/-.

*Penduduk2 kampong Paya Bongor, Kuantan sedang berjuma'ah di-Masjid yang baharu di-bina di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dengan harga \$25,000.00.*




- (iv) Sa-banyak \$5,000/- telah di-belanjakan bagi mengadakan kursus2 bagi Guru2 Ugama.
- (v) Se-ramai 101 orang Guru2 Ugama Sukarele yang mengajar di-kampong2 telah di-beri sagu hati berjumlah sa-banyak \$12,000/-.
- (vi) Sa-banyak \$800/- telah di-belanjakan kerana membeli kitab2 untok kegunaan Pejabat2 Kadzi.





*Masjid Baharu Jerantut.*

DYMM Sultan Pahang sedang memotong tali peta  
menandakan pembukaan resmi Masjid baharu  
Jerantut berharga \$250,000.00 pada 16.12.65.




**Tahun 1963:**

- (i) Sa-banyak 13 buah masjid dan surau telah di-beri bantuan berjumlah \$50,000/- bagi membaiki bangunan.
- (ii) Sa-banyak 20 buah Madrasah2 Ugama telah di-beri bantuan sa-banyak \$25,000/-.
- (iii) Sa-ramai 101 orang Guru2 Ugama Kampong telah di-beri sagu hati berjumlah sa-banyak \$12,200/-.
- (iv) Sa-banyak 660 buah khutbah juma'at telah di-chap dan di-edarkan bagi kegunaan Masjid2.
- (v) Dua buah bangunan tambahan satu kapada Kulliah Sultan Abu Bakar dan satu kapada Kulliah Tengku Ampuan Fatimah telah di-bena dengan perbelanjaan sa-banyak \$200,000/-.
- (vi) Sa-banyak 751 buah kelas dewasa Ugama telah di-adakan dan sa-ramai 334 orang Guru telah di-pileh untuk mengajar di-kelas2 itu. Bilangan murid berjumlah 17,254 orang.

*YAB Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri sedang beruchap bagi meresmikan Pertandingan Membacha Quraan Perengkat Negeri di-Kuantan pada 9.1.65.*





Gambar menunjukkan DYMM Sultan Pahang sedang menyampaikan hadiah kepada salah seorang peserta kaum ibu yang mengambil bahagian dalam Pertandingan membacanya Qura'an Perengkat Negeri tahun 1965 di-Kuantan.


**Tahun 1964:**


- (i) Sa-banyak 32 buah Masjid dan Surau telah di-beri bantuan berjumlah sa-banyak \$50,000/- untuk membaiki bangunan.
- (ii) Sa-banyak 24 buah Madrasah2 dan Surau2 telah di-beri bantuan sa-banyak \$30,900/-.
- (iii) Sa-ramai 126 orang Guru2 Ugama Kampung di-beri sagu hati berjumlah sa-banyak \$12,500/-.
- (iv) Sa-banyak \$48,000/- telah di-beri (Grant) kepada Sekolah Ugama Islam Kuliah Al-Lughah-Waddin Al-Sultan Abu Bakar dan Kulliah Tengku Ampuan Fatimah Pekan.
- (v) Sa-banyak \$10,000/- telah di-bayar untuk pemberian kerana Naik Haji ka-Mekah dan \$5,000/- lagi di-keluarkan dalam awal tahun 1965.
- (vi) Sa-buah Sekolah Arab di-kawasan Kulliah Al-Lughah Waddin Al-Sultan Abu Bakar Pahang, Pekan telah di-bena bagi kegunaan bangunan Sekolah Mene ngah Ugama Pekan dengan perbelanjaan sa-banyak \$80,000/-.


*Johan Laki2 dan Perempuan dengan hadiah2 mereka. Hadiah tahunan ia-lah dua buah Al-Quraan yang telah di-tasirkan dalam Jawi dan Rumi. Quraan2 itu bersalut dengan perak dan bertahtakan Chogan Negeri Pahang.*



*Masjid Baharu, Segu, Dong dalam Daerah Raub dibina di-bawah ranjangan PLB.*







*Sekolah Ugama Tanjung Besar, Lipis.*





3

*Kelas Pelajaran Ugama Dewasa.*



### Tahun 1965:

- (i) Sa-banyak 42 buah Masjid dan 101 buah Surau telah di-beri bantuan berjumlah sa-banyak \$50,000/- bagi penyelenggaraan bangunan.
- (ii) Sa-banyak 31 buah Sekolah Arab telah di-beri bantuan dengan peruntukan sa-banyak \$30,900/-.
- (iii) Sa-ramai 113 orang Guru2 Ugama Sukarela yang bertauliah telah di-beri sagu hati dengan peruntukan sa-banyak \$12,500/-.
- (iv) Sa-banyak \$48,000/- telah di-belanjakan untuk pentadbiran dua buah Sekolah Ugama Kulliah Al-Lugha-Waddin Al-Sultan Abu Bakar dan Kulliah Tengku Ampuan Fatimah Pekan.

### Zakat, Fitrah dan Baitul Mal

Majlis Ugama Islam telah memungut wang Zakat, Fitrah dan Bitul Mal seperti berikut semenjak 1961:—

Tahun	Zakat & Fitrah	Baitul Mal
1961	\$ 74,329.35	\$4,141.55
1962	187,266.47	6,845.75
1963	187,739.00	2,571.45
1964	158,185.00	3,150.00
1965	169,226.76	2,287.87

Wang ini ada-lah di-belanjakan untuk perkara2 kebaikan yang di-luluskan oleh Shera' dan juga bagi membayar gaji kakitangan pejabat Majlis Ugama Islam. Sa-lain daripada itu ia-nya di-gunakan juga bagi membantu Sekolah2 Ugama Ra'ayat dan bantuan perbelanjaan minyak bagi masjid2 dan Surau2 yang mendirikan Sembahyang Terawith dan Ibadat Bulan Ramadzan.


### Memelok Ugama Islam

Di-dalam 5 tahun yang lepas sa-ramai 107 orang yang berugama lain telah memelok Ugama Islam. Pechahan bilangan mengikut tahun ia-lah seperti berikut:—

1961	...	...	...	...	...	14 orang
1962	...	...	...	...	...	33 "
1963	...	...	...	...	...	18 "
1964	...	...	...	...	...	15 "
1965	...	...	...	...	...	27 "

DYMM Sultan Pahang telah meresmikan pembukaan Masjid Negeri, "Masjid Sultan Ahmad Pertama" di-Kuantan pada 28hb. Ogos, 1964. Baginda di-iringi oleh Menteri Besar sedang menadah tangan menguchap shukur kepada 'Allah sa-lepas baginda membuka "papan kenang-kenangan" menandakan pembukaan Masjid tersebut.





*Berjumaah dalam Masjid Sultan Ahmad Pertama, Kuantan.*



## **Masjid Negeri**

Ranchangan untuk mendirikan sa-buah masjid sesuai dengan Daerah Kuantan telah di-taja pada tahun 1937 dan bagi mendapatkan wang untuk binaannya maka beberapa lot tanah masjid telah di-jual dengan harga \$17,000.00 dan di-samping itu pula usaha2 telah juga di-jalankan bagi mengutip derma daripada orang-ramai. Sa-banyak \$20,000.00 telah dapat di-pungut. Wang sa-banyak \$37,000.00 itu telah di-serahkan bagi simpanan Jabatan Amanah Raya.

Chita2 untuk membina Masjid Daerah Kuantan ini telah tergendala oleh kerana meletus Peperangan Dunia Yang Ke-Dua.

Dalam tahun 1946 sa-buah Jewatan Kuasa telah di-bentok dan Jawatan Kuasa ini telah dapat pula mengumpulkan wang sa-banyak \$1,670.00 lagi bagi menambahkan wang yang telah terkumpul itu.

Pada tahun 1957 usaha membina Masjid ini telah di-serahkan kapada Kerajaan Negeri Pahang dan masjid yang di-taja sa-bagai Masjid Daerah itu telah di-tukar menjadi Masjid Negeri oleh sebab Ibu Negeri telah berpindah dari Kuala Lipis ka-Kuantan.


Pembinaan Masjid itu telah di-mulakan di-dalam tahun 1962 dan di-buka dengan resmi-nya oleh DYMM Sultan Pahang pada 28hb, Ogos, 1964. Bangunan Masjid itu ber-bentok seperti kawah tertangkup dan boleh memuat sa-ramai 1,500. Masjid itu telah memakan belanja lebel daripada satu juta ringgit. Masjid Negeri itu telah di-beri nama 'Masjid Sultan Ahmad Pertama' kerana mengambil sempena nama Al-Marhum Sultan Ahmad, Pahang.

## **Masjid Daerah**

2 buah Masjid2 Daerah ia-itu di-Jerantut dan di-Ketari, Bentong yang memakan perbelanjaan sa-banyak \$4 juta tiap2 satunya telah juga di-bina. Masjid Derah Jerantut telah siap dan di-buka dengan resmi-nya oleh DYMM Sultan Pahang pada 16hb. Disember, 1965. Masjid di-Ketari akan siap pada bulan September, 1966.

Kedua2 Masjid itu yang mempunyai bentuk yang sama boleh memuat 800 orang. Kerajaan Negeri mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kepada Kementerian Pembangunan Negara & Luar Bandar kerana membina 50% daripada perbelanjaan Masjid2 itu.

*Masjid Negeri "Masjid Sultan Ahmad Pertama".*



## ***jalan raya dan bekalan ayer***

---

**T**AHUN 1961 hingga tahun 1965 ia-lah benar2 atau satu tempoh yang paling sibok bagi Jabatan Kerja Raya Pahang oleh kerana Jabatan ini ada-lah sa-penoh2-nya bertanggong-jawab bagi membina beratus2 batu jalan baru, mengelokkan jalan2 yang sedia, membina sekolah2 baharu, rumah2 Kerajaan, balai2 raya, masjid2 dan lain2 dan menyiapkan ranchangan2 bekalan ayer baharu bagi beberapa buah bandar dan kampung. Salain daripada itu ia-nya juga bertanggong-jawab bagi penyelenggaraan semua jalan2 raya, bangunan2 dan bekalan2 ayer di-dalam negeri ini.



## Tahun 1961

Di-dalam tahun ini 37 batu jalan luar bandar telah di-bena dengan harga \$3.3 juta dan jalan2 itu telah menghubongkan beberapa buah kampog yang dahulu tinggal di-kawasan pendalaman dan sukar di-hubungi.

Mengenai jalan besar Persekutuan, kerja lanjutan bagi mengelokkan-nya telah di-jalakan termasok-lah meluaskan-nya dan mengganti jambatan2 sementara atau jambatan2 yang sudah buruk dengan jambatan2 concrete. Di-antara jalan2 raya yang di-bena itu termasok-lah Jalan Pekan/Batu Balik dan lebeh kurang 4 batu daripada jalan ini telah di-siapkan di-dalam tahun ini. Kerja2 juga telah di-mulakan mengenai jalan baru dari Rompin ka-Endau. Lebeh kurang 15 batu daripada-nya telah dapat di-siapkan.



Jalan pembangunan luar bandar yang telah di-mulakan di-dalam tahun ini termasuklah Jalan Songsang/Kuala Kerau, Jalan Selbourne/Pagar Sasak, Jalan Jerantut Feri/Tebing Tinggi, Jalan Janda Baik, Jalan Gambang/Lepar, Jalan Kuala Pahang/Tg. Selangor dan Jalan Sungai Lembing.

Berhubung dengan Bekalan2 Ayer pula kerja2 telah di-mulakan bagi membina Loji Penapis ayer bagi Projek Bekalan Ayer Baharu, Kuantan. Projek2 Bekalan Ayer baharu yang di-mulakan di-dalam tahun ini ia-lah di-Jerantut, Maran, Tras, Lurah Bertam, Dong, Beserah, Tringkap dan Karak.



*Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Tan Sri V. T. Sambanthan telah memotong tali peta untuk meresmikan pembukaan Jambatan Bentong yang memakan belanja sa-banyak \$370,000.00 pada 5.7.64.*

## Tahun 1962

Di-dalam tahun ini lebih daripada 95 batu jalan2 baharu telah di-siapkan.

Pekerjaan bagi membina beberapa batang jalan luar bandar telah di-mulakan dan kerja2 telah juga di-teruskan mengenai ranchangan yang di-mulakan di-dalam tahun 1961. Ranchangan itu termasok-lah Ranchangan Jalan Songsang/Jerantut, Jalan Maran/Belimbing, Jalan Dong/Ulu Dong, Jalan Janda Baik, Jalan Cheneras/Padang Tengku, Jalan Gambang/Lepar dan Jalan Pekan/Batu Balik/Kg. Melayu.


Bagi Bekalan2 Ayer, 2 ranchangan baharu telah di-siapkan, satu di-Kampong Raja dan satu lagi di-Kg. Bertam di-daerah Cameron Highlands. Beberapa ranchangan baharu bekalan ayer, ada-lah di-dalam pembinaan dan ranchangan2 itu termasok-lah Bekalan2 Ayer Kuantan, Bekalan Ayer Jerantut, Bekalan Ayer Maran, Bekalan Ayer Lurah Bertam, Bekalan Ayer Rompin, Bekalan Ayer Dong dan Bekalan Ayer Tanjung Lumpur.



Kelihatan dalam gambar ini Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom berjalan di atas Jambatan Bentong sa-lepas meresmikan perbuakaan-nya.

### Tahun 1963

Lebih daripada 70 batu jalan baharu luar bandar telah di-bena dan beberapa buah jambatan besar telah di-siapkan. Yang paling mustahak sa-kali di-antara jambatan2 itu ia-lah Jambatan di-Tanah Puteh Kuantan, di-mana peri telah di-gantikan dengan sa-buah jmbatan batu yang kekal. Jambatan ini kemudian-nya di-namakan "Jambatan Sultan Abu Bakar" dan telah di-buka dengan resmi-nya oleh D.Y.M.M. Sultan Pahang dalam bulan Julai.



Di-daerah Bentong, Jambatan Sg. Telemong telah di-siap dan di-buka kapada lalu lintas.

Mengenai bekalan ayer. Bekalan Ayer Kuantan telah di-sempurnakan dengan melanjutkan belanja \$2.92 juta. Dengan siapnya ranchangan ini bekalan ayer yang betul2 bersih telah dapat di-beri kapada penduduk2 di-Kuantan. Sabelum itu, bekalan ayer tiada-lah sa-beguni berseh dan boleh di-katakan tidak di-sukaï sangat oleh orang ramai.

Pekerjaan yang bersangkutan dengan lain2 Ranchangan Bekalan Ayer seperti di-Jerantut, Maran, Lurah Bertam, Penjom, Temerloh, Mentakab, Rompin, Tras, Dong Tring-kap dan lain2 berjalan terus dengan maju-nya dalam tahun ini.

## **Tahun 1964**

Di-dalam tahun ini kerja2 lanjutan mengenai ranchangan pembagunan luar bandar, telah di-teruskan. Sa-panjang 66 batu Jalan2 Luar Bandr, 18 batu bagi jalan2 untuk Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan 10 batu jalan baharu Persekutuan telah di-siapkan. Jalan2 baharu di-kampung2 di-beberapa daerah telah juga di-perelok-kan dalam tahun ini.

Kerja2 bagi membina Jalan2 yang berikut telah juga di-teruskan; Jalan Songsang/Kuala Krau, Jalan Maran/Belimbing, Jalan Selbourne/Pagar Sasak, Jalan Pulau Tawar, Jalan Jerantut Feri/Kuala Tembeling, Jalan Jerantut Feri/Tebing Tinggi, dan Jalan Sg. Lembing.

Berhabitat dengan bekalan2 ayer, projek2 yang berikut di-uruskan sa-bagai projek2 lanjutan:-

Bekalan Ayer Jerantut, Maran, Temerloh, Mentakab, Bertam, Jekoh, Ulu Gali, Kuala Rompin, Cheroh, Karak, Tras, Dong dan Triang.

## **Tahun 1965**

Jalan dari Pekan ka-Endau telah di-siapkan dan ini-lah pertama kali-nya jalan ini mempunyai minyak tar di-sa-panjang2-nya. Dengan siap-nya jalan ini, maka lalu-lintas2 di-kawasan tepi pantai telah menjadi lebuh sebok.

Di-dalam Ranchangan 5 tahun Yang Kedua 1961-1965, jumlah panjang jalan2 luar bandar yang telah di-bena ada-lah lebuh kurang 340 batu yang berharga hampir2 \$26.6 juta. Ini termasuklah beberapa buah jambatan2 kekal dan sementara serta pembetong2. Saya lain daripada itu hampir2 30 batu jalan2 Persekutuan telah di-bena yang memakan belanja \$6 juta.

Jumlah perbelanjaan berhubong dengan projek2 pembangunan dalam perkara2 ayer hampir2 berjumlah \$9 juta.

•••••••••••••••  
•••••••••••••••

•••••••••••••••

*Tangki ayer di-Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Kampong New Zealand.*



## Senarai Jalan2 Yang di-Bena di-dalam Tahun 1961-1965

Bil.	Nama Jalan	Jumlah Batu	Jumlah Perbelanjaan
1.	Gambang — Kg. Lepar	15.00	1,016,375.04
2.	17½ B. Jalan Pekan — Kg. Soi-Kempadang	5.00	388,093.84
3.	Jalan Kelar Renang/P. Jawa/Tiang Layar/ Tg. Selangor/K. Pahang	15.25	1,000,189.10
4.	Lamir-Benta-Ganchong-Lepar (27.5B)	14.50	923,918.52
5.	Menutup muka Jalan Ganchong-Lepar	—	50,000.00
6.	Batu 4½ Jalan Kempadang—Kg. Penor— Batu 9 Jalan Pekan—Ubai Cherok Paloh —Kg. Hijrah	11.00	282,909.83

Pekerja2 sedang bekerja untuk menanam paip ayer bagi satu rancangan menyampaikan bekalan ayer ka-kawasan luar bandar dalam Negeri Pahang.



7. Pahang Tua—Kampong Lepar	11.00	596,828.29
8. Jalan Sg. Lembing (26B)	20.50	1,733,231.11
9. Penyambongan Jalan Bagi Tg. Lumpur ka-Jett!	1.00	33,000.00
10. Kg. Marhom—Kg. Bruas	1.00	40,000.00
11. Jalan Kg. Telok	1.50	25,000.00
12. Pembetong <sup>2</sup> dan pintu ayer bah (Lamir Benta)	—	65,000.00
13. Jalan Rompin—Pekan (a) Rompin—Sabak (b) Sabak—Merchong (c) Merchong—Pekan	43.60	1,681,799.84
14. Pianggu—Kassim	4.00	136,000.00
15. Paya Sepayang	4.00	182,700.00
16. Jalan Menyambongkan Pontian	1.25	97,000.00
17. Jalan Tekek—Juara	6.00	211,000.00



Bil.	Nama Jalan	Jumlah Batu	Jumlah Perbelanjaan
18.	Jalan Tg. Agas	5.00	64,000.00
19.	Jalan Songsang—Jerantut	34,562	4,254,650.00
20.	Sekata—Kering	5.00	400,000.00
21.	Jalan Maran—Belimbing	12.00	828,000.00
22.	Mempateh—Belok—Teris—Tedong	7.897	892,000.00
23.	Jalan Triang—Manchis	—	80,500.00

*YAB Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri sedang memereksa jalan Songsang/Jerantut yang di-dalam pembinaan. Jalan ini bukan sahaja merengkaskan perjalanan antara Temerloh dan Jerantut tetapi juga membuka peluang untuk memajukan kawasan2 tanah di-sa-panjang jalan ini.*



*Jentera2 yang besar saperti dalam gambar ini ada-lah di-gunakan oleh Jabatan Kerja Raya dalam Negeri Pahang untuk pembinaan jalan2 raya.*








*Hasil pertanian luar bandar dapat di-bawa keluar untuk di-jual di-bandar dengan segera menggunakan pengangkutan seperti lorri dan sa-bagai-nya. Ini ia-lah kerana ada-nya jalan2 luar bandar yang di-bena oleh Kerajaan di-bawah Ranchangan P.L.B.*

Bil.	Nama Jalan	Jumlah Batu	Jumlah Perbelanjaan
24.	Jalan2 Kechil di-tepi Jalan Songsang—Jerantut (25B)		
	(a) Kuala Kerdau )		
	(b) Bandar Kerdau )		
	(c) Kampung Sanggang )		
	(d) Lipat Kajang )	19.00	800,000.00
	(e) Kampung Peratap )		
	(f) Lubok Kawah—Bangau )		
	(g) Jenderah Loop )		
	(h) Tebing Tinggi )		
25.	Simpang Jalan Raya II Kg. Bongsu—Kg. Kepong (2.5B)	1.50	25,000.00
26.	Jambatan Kuda Kerdau	—	13,901.00
27.	Jambatan Kerayong di-Sg. Triang	0.568	104,000.00
28.	Dua Pembetong di-antara Bandar Chenor dan Kampung Raja	0.250	45,500.00
29.	Raub—Benta—Kampung Gering	2.25	319,900.00
30.	Dong—Ulu Dong	9.25	687,500.00
31.	Jerkoh—Atok (5.7B)	5.70	669,349.07





Gambar menunjukkan DYMM Sultan Pahang sedang membuka Papan Peringatan menandakan pembukaan "Jambatan Sultan Abu Bakar", Kuantan pada tahun 1963. Jambatan ini ada-lah menggantikan perkhidmatan peri di-Sungai Kuantan itu.

DYMM Sultan Pahang telah membuka dengan resmi-nya Jalan Rompin/Endau.

*Baginda Sultan Pahang, diiringi oleh bekas Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom sedang berjalan di atas Jambatan Sultan Abu Bakar, Kuantan sa-lepas baginda meresmikan pembukaan-nya.*



32.	Cheroh—Gesing	5.44	613,832.91
33.	Jalan Ulu Renggol	3.00	93,000.00
34.	Penyambong ka-Gesing—Kg. Sengola	0.31	32,400.00
35.	Jalan Waterfall, Bk. Fraser	2.375	313,204.91
36.	Jalan Batu Mali—Kuala Medong	3.00	260,000.00
37.	Jambtan Batu Malim	—	213,000.00
38.	Cheneras—Padang Tengku	11.81	1,236,356.56
39.	Selbourne—Pagar Sasak	8.00	1,039,596.83
40.	Berchang—Keledek	1.00	94,728.47
41.	Budu—Tualang Padang	2.00	370,570.61
42.	Kuala Atok—Kg. Jerkoh	0.15	30,554.44
43.	Batu Balik—Kampong Melayu	10.25	1,413,574.24



*YAB Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri membuka jalan Pahang Tua.*









*Jalan Tebing Tinggi, Jerantut. Jambatan dan jalan luar bandar yang baharu ini menghubungi Kampong Pulau Tawar, Kampong Kelola dan bandar Jerantut.*

44. Jerantut Peri—Kg. Lada—Kg. Tembeling —Mela (16B)	10.00	662,888.73
45. Jerantut Peri—Jalan Tanah Nyior	4.50	166,528.11
46. Jalan Pulau Tawar—Kelola—Kg. Burau— Durian Hijau (3B)	10.50	736,907.05
47. Damak Ulu Cheka (Tg. Putri)	1.00	47,960.70
48. Green Cow—Jalan Kuala Terla	0.90	153,391.14
49. Bt. Tinggi—Janda Baik	3.03	165,693.47
50. Kg. Jawi2—Jalan Kg. Baris	1.33	113,581.51
51. Jalan Ulu Lebu	3.23	444,051.35
52. Kg. Lengkong—Kg. Nibong Tujuh	0.40	28,527.92
53. Jambatan di-Sg. Semantan	—	63,463.15
54. Penyenggaraan Jentera dan Loji untuk Jalan2 Luar bandar	—	701,078.47

J U M L A H :                    339.802                    26,642,236.21



*Loji Penapis Ayer,  
Bentong.*





*Salah satu daripada beberapa kolam ayer yang dibina dalam Negeri Pahang untuk membekalkan ra'ayat dengan ayer yang berseh.*



## Ranchangan Bekalan Ayer 1961-1965

### 1. Ranchangan Baru (Pinjaman)

RANCHANGAN	BELANJAAN	CHATITAN
1. Jerantut ... ...	500,000	Sukatan Simpanan 400,000 gallons.
2. Maran ... ...	206,000	Sukatan Simpanan 80,000 gallons.
3. Temerloh—Mentakab	2,000,000	Rajah Sukatan 2.7 juta gallon satu hari.
4. Jerkoh/Benta Budu (Bahagian I) ... ...	450,000	Sambongan Bekalan Ayer dari Kuala Lipis.
5. Triang ... ...	200,000	Sukatan Simpanan 350,000 gallons.
6. Rompin ... ...	279,000	Bekalan Ayer Telaga.
7. Cheroh ... ...	300,000	Sukatan Simpanan 200,000 gallons.
8. Karak ... ...	265,000	Sukatan Simpanan 200,000 gallons.
9. Lurah Bertam ...	69,448	Membina Kolam Ayer, Penyedut, Paip Paip Besar dan Simpanan kecemasan Sukatan 600,000 gallons.
10. Penjom ... ...	137,496	Memanjangkan Bekalan Ayer Kuala Lipis.
11. Tras ... ...	325,000	Sukatan Simpanan 200,000 gallons.
12. Dong ... ...	147,000	Sukatan Simpanan 80,000 gallons.
13. Gambang ... ...	200,000	Memanjangkan Bekalan Ayer Kuantan. Sukatan Simpanan 200,000 gallons.
14. Bukit Koman ...	55,000	Memanjangkan bekalan ayer di-Raub.
15. Tringkap ... ...	69,679	Membina Kolam Ayer dan kerja yang berkaitan. Sukatan Simpanan 60,000 gallons.
16. Kg. Batu Tiga, Kuantan	99,730	Memanjangkan Bekalan Ayer di-Kuantan. Sukatan Simpanan 20,000 gallons.
17. Tg. Lumpur ... ...	59,932	Bekalan Ayer Telaga.
JUMLAH:	<u>5,363,285</u>	



*Paip ayer di-tepi jalan memberi kemudahan kepada ra'ayat.*

2. Ranchangan & Penyenggaraan  
Bekalan Ayer Baru (Belanjaan  
Negeri)

RANCHANGAN			BELANJAAN	CHATITAN
1. Ringlet	...	...	60,000	Membena Kolam Ayer. Sukatan Simpanan 60,000 gallons.
2. Brinchang	...	...	57,000	Penambahan penapis dan Rumah penapis.
3. Raub	...	...	15,000	Stor Kimia dan memanjangkan paip besar.
4. K. Lipis	...	...	9,838	Membaiki paip2 chawangan.
5. Mentekab Camp	...		14,928	Menggantikan paip, membeli pembanchoh Hidrolik dan lain2.
6. Padang Geroda	...		19,430	Memasang Pipe besar dan kerja2 yang berkaitan.
7. Ng Teong Kiat	...		13,423	Membena pump baru, tanki simpanan rumah pum, penyedut, paip dan lain2.
8. Beserah	...	...	87,898	Membena tangki dan menerima, pum2 dan rumah2 pum dan menyambong paip besar.
9. Pekan	...	...	85,832	Membena tangki besi.
10. Ringlet	...	...	31,995	Memanjang paip besar dan membena penyedut.
11. Lain2	...	...	13,106	
<b>JUMLAH:</b>			<b>\$408,450</b>	



Jambatan "Sultan Abu Bakar" Kuantan.






Sa-lepas melakukan pembukaan rasmi jalan baru Songgang-Jerantut, YAB Tun Abdul Razak diiringi oleh YAB Dato Menteri Besar Pahang (sa-beleh kiri Tun berpakaian coat), YB Setia Usaha Kerajaan Pahang, Enche Ismail bin Ibrahim (sa-beleh kanan Tun) dan lain2 pembesar tempatan telah berjalan di-atas jalan baru itu.

## *parit dan taliayer*


---

KERJA2 kemajuan di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar 1961-1965 yang telah di-jayakan terbahagi kepada 5 bahagian besar:

- (i) Ranchangan (Taliayer) Besar.
- (ii) Ranchangan (Taliayer) Kecil.
- (iii) Ranchangan Membersek Sungai.
- (iv) Ranchangan Parit (Drainage Scheme).
- (v) Ranchangan Menahan Lodak Sungai.



Ranchangan (Taliayer) Besar ia-lah bagi paya2 yang luas dan besar kawasan-nya dan Ranchangan (Taliayer) Kechil pula ia-lah bagi paya2 yang kecil kawasan-nya. Kerja2 yang di-perlukan bagi kedua2 ranchangan ini ia-lah menyampaikan ayer ka-sawah2 untuk keperluan menanam padi. Ini termasok-lah kerja2 membina Empang Ibu Bekalan Ayer, Empang Ayer Terjun, Pintu Kawalan Ayer Keluar-Masok, Saloran Alir-Limpah, Ampang/Permatang, Taliayer Besar, Taliayer Bekal, Taliayer Chabang, Taliayer Ageh, Parit Buang Ayer, Titian, Sigan, Rumah Pam dan memasang Jentera2 Pam serta membuat pagar dan lain-lain.



*YAB Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Negara Luar Bandar kelihatan sedang membuka dengan resmi-nya pintu kawalan ayer di-paya Darat, Temerloh.*

Dalam Negeri Pahang kerja2 membena di-bawah ranchangan ini sangat susah di-jayakan jika di-bandingkan dengan negeri2 lain di-Tanah Melayu ini. Kebanyakan paya2 yang di-ranchangkan terletak berjauhan dari bandar2 dan jalan2 raya. Ada kala2nya barang2 kelengkapan dan alatan untuk membena ranchangan2 ini terpaksa di-bawa menyelang sungai dengan berakitkan boyar yang di-buat dari tong2 minyak. Membawa jentera2 kerja tanah (EMP) dari satu paya ka-satu paya yang terpencil ada-lah menjadi satu tugas yang amat sukar di-kerjakan.

Sa-lain dari itu, chara2 mendapat dan membekalkan ayer ka-sa-tengah2 paya dalam Negeri ini sangat berlainan sa-kali daripada chara2 yang lazim di-buat di-negeri2 lain. Biasa-nya ayer di-bekalkan ka-sawah2 dengan chara mengepam atau dengan membena empang di-tengah2 sungai sa-bagai ibu bekalan ayer ka-sawah. Tetapi di-negeri ini sa-paroh daripada jumlah projek taliayer, kebanyakannya terletak di-Daerah Temerloh, tidak dapat di-jayakan dengan jalan yang tersebut kerana kawasan2 paya itu terletak berjauhan dari sungai2 yang besar yang boleh membekalkan ayer dengan sa-chukup-nya. Jadi chara2 membekalkan ayer ka-kawasan2 yang sa-umpama ini terpaksa-lah di-jayakan dengan jalan "Takongan" (Inundation). Sumbar2 ayer yang biasa di-dapati bagi Ranchangan Takongan ini ia-lah dari kawasan tadahan yang kecil, daripada alor2, anak2 sungai, dan dari ayer hujan. Segala ayer yang di-perolehi dari sumbar2 yang tersebut di-takongan dan ini-lah yang di-gunakan untuk menjaya dan menghidupkan tanaman2 padi di-kawasan yang sa-umpama ini. Biasa-nya hasil pendapatan-nya tidak-lah begitu memuaskan saperti yang di-jayakan di-kawasan2 yang mempunyai Ranchangan Pam dan Ranchangan Taliayer yang sumbar2 ayer-nya di-dapati dari sungai2 yang besar.



## **Taliayer Besar**

### **(a) Ranchangan Taliayer Paya Sepayang, Pekan**

Projek ini letak-nya di-antara Sungai Sepayang dengan Sungai Pontian, lebeh kurang 5 batu jauh-nya daripada bandar Pontian. Luas kawasan-nya ia-lah 627 ekar. Pembe-na'an-nya terbahagi kapada dua peringkat—Peringkat I dan Peringkat II.



*Untuk menjaga keruntahan tebing sungai dan menyelamatkan tanah2 kampong maka "gabion" pun dibina seperti dalam gambar ini, di-Sungai Bentong.*

Pembinaan bagi Peringkat I telah di-mulakan pada awal tahun 1961, dan siap pada akhir tahun itu. Di-bawah ranchangan ini bekalan ayer di-perolehi dengan membena sa-buah Empang Ibu Bekalan Ayer di-tengah2 Sungai Sepayang. Ayer itu di-bekalkan ka-bendang melalui 4 batu taliayer dan parit serta 7 buah pintu2 empang kawalan ayer.

Untuk menjayakan penanaman padi dua kali sa-tahun, telah di-chadang supaya di-bena sa-buah Rumah Pam di-Sungai Pontian dalam peringkat yang II. Chadangan ini tidak dapat di-majukan oleh kerana kekurangan bilangan peladang2 yang hendak menjaya-kan kawasan itu.


*Pembinaan tali ayer di-kawasan Paya Besar, Kuantan.*



### **(b) Ranchangan Pam Pahang Tua**

Paya Pahang Tua ini ia-lah satu ranchangan yang terletak di-sabelah kanan tebing Sungai Pahang Tua, di-batu 6 Jalan Pekan—Kuantan. Ini ia-lah sa-buah kawasan yang terbaik sa-kali untuk tanaman padi di-dalam Negeri Pahang ini.

Pada tahun 1938–1941 sa-buah Rumah Pam telah di-bena di atas boyar yang di-apongkan di-Sungai Pahang Tua untuk membekalkan ayer ka-kawasan sa-luas 1,200 ekar daripada jumlah kawasan yang luas-nya 1,800 ekar. Jentera pam yang di-pasangkan tidak begitu besar dan minyak yang di-gunakan tidak begitu baik. Kemudahan mendapatkan barang2 dan alatan 'spare'2 sangat sukar pada masa itu. Kerosakan selalu sahaja berlaku menyebabkan kerja membekalkan ayer ka-bendang menjadi tergendala.




Dengan ada-lah Ranchangan Pembangunan, maka kerja membina ranchangan ini telah dapat di-mulakan pada tahun 1960 dan selesai pada akhir tahun 1965. Di-dalam ranchangan pembinaan ini sa-buah rumah pam yang mempunyai 4 jentera2 mengepam ayer telah di-bina di-tepi tebing Sungai Pahang Tua. Sistem2 pembahagian bekalan ayer ka-sawah paya yang telah di-perbesarkan kawasan-nya sa-luas 3,456 ekar itu telah di-perelokan dengan di-bina 2 empang pintu ayer besar, sa-panjang 14 batu taliayer bekal, 12 batu parit buang dan beberapa buah empang pintu kawalan ayer, titian2, batas permatang dan sa-bagai-nya. Dengan pembinaan ini petani2 boleh mejayakan tanaman padi dua-kali sa-tahun, jika di-kehendakki.

### (c) Ranchangan Pam Paya Kangsa Perengkat I dan II

Ranchangan ini terletak 5 batu di-hilir sungai dari Peri Jerantut, dan ia-lah salah satu ranchangan yang terbesar di-dalam negeri ini.


Pada tahun 1925, Jabatan Kerja Raya telah chuba membena satu taliayer sa-panjang 5 batu dari Sungai Salan untok membekal ayer ka-kawasan ini. Kerja ini telah tidak ber-

*Jentera mengepam ayer di-Paya Kangsar, Jerantut. Jentera ini ada-lah mengepam ayer dari Sungai Pahang untuk membekalkan ayer di-kawasan sawah Paya Kangsar sa-luas 600 ekar.*




jaya. Ayer Sungai Salan tidak menchukupi untuk di-bekalkan. Saloran besar dan saifan yang di-bena itu telah di-binasakan oleh bah besar dalam tahun 1926.

Pada tahun 1938, sa-buah Empang Ibu Bekalan Ayer telah di-bena di-Sungai Samba. Kemudian empang ini telah di-baiki pula oleh RIDA pada tahun 1955. Tetapi bekalan ayer yang di-perolehi maseh juga berkurangan. Lalu di-bena satu pam sementara dalam tahun 1954-57 untuk menambahkan bekalan ayer ka-kawasan yang tersebut. Ini pun kurang memuaskan.



*Pintu ayer di-Paya Kangsar, Jerantut.*




Akhirnya satu pembinaan baharu telah di-mulakan dalam tahun 1959 dan selesai di-siapkan dalam tahun 1961 dengan pembukaan-nya di-resmikan oleh D.Y.M.M. Sultan Pahang pada 18.6.1961. Dalam pembinaan ini sumbar bagi bekalan ayer ka-seluruh kawasan yang luas-nya 600 ekar itu telah di-pamkan dari Sungai Pahang dengan tiga buah jentera pam yang di-bena di atas satu rakit besi yang di-apongkan di-Sungai Pahang. Ayer dari Sugai Pahang ini di-pam sa-tingga 45 kaki naik ka-atas tebing dan kemudan-nya me-ngalir ka-seluruh kawasan benda melalui satu sistem pembahagian taliayer yang tertentu. Sa-panjang lebuh kurang 900 kaki taliayer besar yang berpasir telah di-lapik perut-nya dengan minyak tar (bitumen lining). Ini telah di-buat untuk megurangkan serapan ayer.

Kerja bagi peringkat yang II, ia-lah mengawal ayer di-dalam taliayer besar supaya tiada serap. Kerja2 di-taliayer besar telah siap pada awal tahun 1965 dengan di-lapik perut-nya yang sa-panjang lebuh kurang satu batu itu dengan sa-jenis tikar getah (Polyethylene Sheet) yang di-bena khas untuk-nya. Kawasan ini tidak mendapat bekalan ayer pada mula-nya oleh kerana sa-bahagian taliayer di-situ berpasir menyebabkan ayer me-nyerap.

### **Senarai Ranchangan**

Bil.	Ranchangan	Kawasan	Perbelanjaan
1.	Ranchangan Taliayer Paya Sepayang, Pekan	627	383,487
2.	Ranchangan Pam Pahang Tua, Pekan	3,456	1,665,250
3.	Ranchangan Pam Paya Kangsar, Jerantut Perengkat I & II	600	43,614
JUMLAH		4,683	2,092,351






*Empang Ayer di-Paya  
Besar, Kuanian.*



### **Taliayer Kechil**

Ranchangan taliayer kecil yang di-jalankan ia-lah untuk memberi kemudahan2 bagi menanam padi. Oleh sebab keadaan muka bumi (topography) negeri ini yang berbukit2 dan tidak seperti kawasan di-selatan barat Tanah Melayu yang mempunyai kawasan yang luas seperti di-Krian, Perak atau di-Tanjong Karang, Selangor maka tidak-lah dapat di-lancharkan ranchangan yang luas dan besar. Oleh itu Negeri ini mempunyai ber-puloh2 buah kawasan paya yang terletak di-cherok2 kaki bukit dan yang berhampiran dengan sungai2 besar.



*Tali ayer yang di-lapek dengan minyak tar untuk mengurangkan serapan ayer.*

Ranchangan<sup>2</sup> pembangunan bawah Rachangan Lima Tahun Yang Kedua 1961-1965, pada mula<sup>2</sup>-nya ia-lah untuk memberi kemudahan<sup>2</sup> kapada 4,024 ekar kawasan padi yang sedia 4,798 ekar kawasan yang terbengklai, dan kawasan baharu yang boleh di-jayakan. Ini ia-lah chadagan yang asal mengikut kajian dengan chara rengkas dan keterangan yang sangat terhad. Anggaran perbelanjaan asal ia-lah \$2,882,300/= untuk menjayakan 55 buah paya. Sa-bahagian dari jumlah anggaran wang perbelanjaan itu, Kerajaan Negeri Pahang telah menguntokkan sa-banyak \$500,700 untuk 14 buah ranchangan.

Semua-nya 42 buah sekim telah pun di-siapkan, dan jumlah perbelanjaan ia-lah \$3,347,270/= . Semua-nya 8,100 ekar mengandungi 3,530 ekar kawasan paya yang sedia 4,570 ekar kawasan yang terbengkalai dan kawasan baharu boleh di-jayakan untuk di-tanam padi.

### **Senarai Ranchangan**

<b>Bil.</b>	<b>Ranchangan</b>	<b>Luas</b>	<b>Peruntukan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Ranchangan</b>	<b>Luas</b>	<b>Peruntukan</b>
1.	Paya Kasok	108	20,520	16.	Paya Jeranggan	60	85,814
2.	Paya Kong	64	27,170	17.	Paya Ulu Semie	180	171,885
3.	Paya Kuala Atok	127	44,816	18.	Paya K. Merang/Temalir	66	106,656
4.	Paya Ulu Anggut	120	27,852	19.	Paya Jo'or	45	44,971
5.	Paya Darat Ser	65	18,649	20.	Paya Permatang Pauh	294	232,000
6.	Paya Mambang	258	185,115	21.	Paya Ampang	117	142,992
7.	Paya Dong	393	51922	22.	Paya Tampin/Kemahang	56	126,878
8.	Paya Embon	241	65,475	23.	Paya Mengkuang	380	97,169
9.	Paya Tengah Ulu Cheka	60	55,525	24.	Paya; Sg; Rabbit	440	126,882
10.	Paya Pamun/Selbelah	75	36,413	25.	Paya Pulau Jawa	170	86,985
11.	Paya Tetapa	150	50,499	26.	Paya Sepat	259	79,949
12.	Paya Kuin	73	42,820	27.	Paya Pelong	65	44,981
13.	Paya Pinang	180	149,087	28.	Paya Besar Mengkarak	50	32,495
14.	Paya Terpuai	294	143,000	29.	Paya Che' Ali	80	40,000
15.	Paya Seratus Tujuh	140	22,000				

Bil.	Ranchangan	Luas	Perun- untokan	Bil.	Ranchangan	Luas	Perun- tokan
30.	Paya Chempaka	175	134,352	41.	Paya Lubok	545	89,884
31.	Paya Ulu Retang	52	115,867	42.	Paya Simpang Pelangai	200	14,879
32.	Paya Kenong . Tersang	140	130,145	43.	Paya Batu Gajah	70	29,657
33.	Paya Kertam	175	111,541	44.	Paya Banir	68	37,433
34.	Paya Ling	540	110,000	45.	Paya Perangkap	52	17,837
35.	Paya Gintong	217	190,000	46.	Paya Teringging	108	73,976
36.	Paya Pamah Bedu*	—	1,906	47.	Paya Besar Lipat Kajang	70	32763
37.	Paya Bolok Ulu**	—	5,000	48.	Paya Kinchir	55	36,179
38.	Paya Gali Hilir*	95	95,000	49.	Paya Tg: Batu	77	44,557
39.	Paya Sok**	184	46,655+	50.	Paya Tebat	422	64,277
40.	Paya Janda Baik	245	10,791				

\* Paya Pamah Bedua — Di-ganti dengan Paya Gali Hilir.

\*\* Paya Bolok Ulu — Di-ganti dengan Paya Sok.

+ Paya Sok — Peranggaran Besar (Total Cost) ia-lah \$80,000/=.

### **(iii) Ranchangan Memberseh Sungai**

Dalam bahagian Ranchangan Memberseh atau Menchuchi Sungai, kerja2 tersebut ia-lah di atas sungai2 yang mengalir dengan sa-mula-jadi melalui hutan-rimba yang besar2 dalam negeri ini. Sungai2 ini degan ta' sengaja-nya akan di-penohi oleh kayu-kayan yang tumbang ka-dalam-nya dan juga oleh enap tanah yang hanyut. Dengan ada-nya kerja2 pembangunan membuka tanah2 baru, kayu2 yang di-tebang oleh manusia makin banyak tumbang ka-dalam sungai2 ini yang akan menjadi bahaya besar jika tidak di-bersehkan. Sungai juga akan berubah apabila aliran ayer-nya tersekat oleh kayu, reba dan tanah. Dan sa-baga saloran sa-mula jadi untuk mengeringkan ayer, sungai juga akan membawa bah dan banjir ka-dalam negeri jika pembersehan-nya di-chuaikan.





*Empang ayer yang besar.*

Kerja2 memberseh sungai ini ada-lah di-jayakan oleh pekerja2 boroh dengan menggunakan kekera-tarik dan gergaji berantai (monkey-grubbers and chain-saws). Dalam menjalankan tugas-nya pekerja2 boroh ini terpaksa berendam beberapa lama di-dalam ayer dan tidor di-dalam kemah berbulan2 lama-nya di-tengah2 hutan.

Ada pun faedah yang di-dapati dari kerja memberseh sungai ini ia-lah supaya menyenangkan ayer mengalir dan mengurangkan bahaya bah dan banjir serta keruntahan tebing sungai dan menyelamatkan tanah2 kampung daripada runtuh dan hanyut. Sungai2 yang bersih akan menyenangkan anak2 buah kampung berperahu hilir-mudik.

Di-bawah Ranchangan Pembangunan 5 tahun yang Kedua semua-nya 148 batang Sungai sa-panjang 635 batu telah di-besarkan dan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan berjumlah sa-banyak \$1,099,888/-.





*Empang pintu kawalan ayer di-Ranchangan Parit dan Tali Ayer Pahang Tua*

#### **(iv) Ranchangan Parit**

Jika ranchangan taliayer itu tujuan-nya membekalkan ayer ka-satu-satu kawasan untuk bertanam padi, maka ranchangan parit ini tujuan-nya ia-lah mengeringkan satu-satu kawasan itu dari ayer yang bertakong di-dalam-nya supaya kawasan itu dapat di-gunakan untuk perumahan, perusahaan, tanaman2 dan ternakan.

Kerja2 yang di-perlukan untuk ranhangan yang sa-umpama ini ia-lah saperti mengkaji aras muka ayer di-waktu pasang dan di-waktu surut, mengkaji mata-mata ayer yang terbit dari dalam kawasan itu serta sumbar2 ayer yang datang dari tempat lain me-ngalir ka-kawasan itu. Membuat parit untuk mengeringkan ayer dalam kawasan itu. Membena pintu kawalan ayer pasang-surut dan permatang di-sapanjang sungai perbatasan bagi mengawal ayer pasang membanjiri kawasan itu. Chuma ada satu Ranchangan Parit yang di-jalankan di-dalam Negeri Pahang ia-itu Ranchangan Parit Paya Besar Kuantan. Ranchangan ini terletak di-Batu 4 Jalan Kuantan—Pekan. Luas kawasan-nya 4.000 ekar. Kerja membena-nya di-jayakan dalam dua peringkat.

Sa-luas 2,917 ekar daripada kawasan ini dahulu-nya telah di-gunakan untuk bertanam padi. Pembinaan talialyer telah di-buat dalam tahun 1933-36 mula2-nya untuk menanam padi di-Paya Besar. Tetapi perusahaan menanam padi terpaksa di-tinggalkan dalam tahun 1953 kerana tanah-nya tidak sesuai untuk tanaman padi.

Siasatan bagi kerja mengeringkan 2,500 ekar kawasan ini dalam peringkat yang pertama telah di-mulakan dalam tahun 1962. Pembinaan parit, batas, pintu2 kawalan ayer pasang-surut dan sa-bagai-nya telah di-mulakan beransur2 dari tahun 1963. Ranchangan tersebut ada-lah termasuk kerja2 membena 250 rantai batas (river bund), 680 rantai parit2, dan tiga buah pintu kawalan ayer pasang-surut. Hingga akhir tahun 1964, kerja2 pembinaan sa-banyak 250 rantai parit2, tiga buah pintu kawalan ayer pasang dan 150 rantai parit2 ayer telah di-selenggarakan dan di-siapkan. Projek ini telah siap pada akhir tahun 1965 seperti yang di-jadualkan.

Perbelanjaan bagi melaksanakan ranchangan ini dalam tahun 1961-1965 ia-lah lebih kurang \$1 juta.

#### **(v) Ranchangan Menahan Lodak Sungai**

Tujuan ranchangan ini ia-lah untuk mengawal dan menyekat hampas2 lombong, lodak2 ayer dan pasir2 yang datang dari ulu sungai mengalir turun ka-sa-panjang sungai yang berkenaan. Jika perkara ini tidak di-kawal dan di-jaga, akibat-nya sungai itu akan menjadi tohor dan akan membawa bahaya banjir kapada kawasan2 perbatasan di-sekeliling dan di-sa-panjang sungai itu.

Chara2 menyekat dan mengawal kehanyutan hampas2 lombong, lodak dan pasir ini ia-lah dengan membena empang melintangi sungai itu di-tempat yang tertentu. Kerja yang sa-umpama ini chuma ada satu sahaja yang di-jayakan dalam tahun 1961-65 ia-itu Ranchangan Sungai Repas, di-Daerah Bentong.

#### **Empang Repas (Repas Silf Retention Dam)**

Pada awal tahun 1920, pekerjaan melombong di-bukit2 di-Ulu Bandar Bentong telah menyebabkan dan mengakibatkan kepenohan pasir2 lombong di-Lembah Chamang, Perting dan Repas serta di-dataran banjir Sungai Bentong. Kedudukan makin bertambah burok dan boleh jadi Bandar Bentong akan terkambus dengan pasir2 lombong dan sa-bagaimana yang telah terjadi di-Bandar Kuala Kubu Lama. Di-antara tahun 1925 dan tahun 1928, Kerajaan telah terpaksa membuat empang2 menahan pasir2 di-Lembah Chamang, Perting dan Repas serta mengambil ahle kerja mengawal aliran sungai.

Empang Repas yang lama itu ada-lah satu daripada tiga empang2 menahan pasir yang mana telah di-bina dalam tahun 1928 untuk menahan Bandar Bentong daripada terkambus pasir2 lombong. Oleh kerana Empang Repas itu ada-lah di-dalam keadaan yang merbahaya dan mungkin akan runtuh, keputusan telah di-ambil untuk membena sa-buah empang penahan pasir yang baharu di-hilir sungai tapak empang lama.

Pembinaan empang ini telah di-mulakan dalam tahun 1961 dan telah di-siapkan dalam pertengahan tahun 1963 dengan perbelanjaan sa-banyak \$843,548/=.

## ***pelajaran dewasa***

---

**G**ERAKAN Pelajaran Dewasa telah di-lancharkan di-Negeri Pahang mula 1hb. April. 1961. Tujuan besar mengadakan Gerakan itu ia-lah hendak membasmikan buta huf di-kalangan ra'ayat2 di-Luar Bandar, serta menanam semangat bertanggong jawab dan kesedaran mengenai kewajipan ra'ayat sa-bagai warga negara terhadap Negara-nya.

Semenjak hari itu banyak Kelas2 Pelajaran Dewasa telah di-tubohkan di-seluruh pelosok Negeri ini. Mata2 Pelajaran yang di-beri ia-lah menulis, membachah, ilmu kira2 yang senang, dan pengetahuan 'am saperti pengetahuan sejarah, ilmu alam, kesihatan, pertanian dan ternakan, ekonomi luar bandar dan juga ilmu kemasyarakatan. Gerakan ini telah mendapat sambutan yang baik dari semua kalangan ra'ayat di-Negeri ini.

*Sa-orang nenek sedang mengikuti pelajaran Dewasa. Pelajaran tidak mengira Umar—Ugama Islam menyuruh umat-nya menchari pelajaran sa-hingga-lah sa-orang umat Islam itu menghembuskan nafas yang akhir.*




Bilangan Kelas2, Guru2 dan pelajar2 serta perbelanjaan elaun guru2 dan Penyelia2 bagi melaksanakan ranchangan ini ada-lah seperti berikut:

Tahun	Bil. Kelas	Bil. Guru	Bil. Pelajar2	Elaun Guru2	Elaun Penyelia2
1961	608	412	73,160	—*—	—*—
1962	798	438	20,932	\$447,800.00	\$ 62,765.00
1963	974	571	22,704	\$513,810.00	\$ 93,378.00
1964	1036	586	18,452	\$570,790.00	\$101,051.00
1965	823	552	18,395	\$474,750.00	\$100,896.00

(\* Di-bayar terus oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar)



Kelas Dewasa Ugama Kaum Ibu  
di-Balai Raya Sungai Karang,  
Kuantan.



Kaum ibu China kelihatan dalam gambar ini sedang mengikut dengan penoh minat pelajaran Bahasa Kebangsaan dalam satu kelas Dewasa Kebangsaan.



*Kelas Dewasa Kaum Ibu.*



*Kursus Ulang Kaji Guru2 Pelajaran Dewasa Pahang dan Terengganu yang di-adakan di Kuantan.*

## **Kelas Pelajaran Dewasa Ugama**

Mulaî lhb. Mei, 1963, Kerajaan Negeri telah mempersetujukan supaya Pelajaran Ugama di-jadikan satu mata pelajaran di-Kelas2 Dewasa. Bilangan Kelas, Guru dan Pelajar2 serta perbelanjaan-nya di-antara tahun 1961-1965 ia-lah saperti di-bawah ini:

Tarikh	Bil. Guru	Bil. Kelas	Bil. Pelajar	Perbelanjaan
1963	329	754	16,141	\$102,900.00
1964	342	804	15,768	172,800.00
1965	343	856	15,442	210,000.00

Sambutan daripada pelajar2 dewasa yang berugama Islam terhadap ranchangan ini sangat-lah memuaskan.

## **Kerusus**

Kursus untuk Penyelia2 dan Guru2 Pelajaran Dewasa dan Ugama telah juga di-adakan dengan tujuan hendak memberi panduan kapada mereka itu mengenai kaedah mengajar.

## **Urusan Rumah Tangga**

Bagi meluaskan ilmu pengetahuan pelajar2 satu mata pelajaran lagi telah di-adakan ia-itu Kelas2 Urusan Rumah Tangga (mulai dari bulan September, 1963). Kelas2 ini telah mendapat sambutan yang baik dan telah bertambah maju dari sa-masa ka-sa-masa.

## **Bulan Bahasa Kebangsaan**

Pelajar2 di-Kelas Dewasa tidak ketinggalan juga dalam usaha-nya bagi memberi kerjasama untuk menjayakan Bulan Bahasa Kebangsaan dengan mengadakan peraduan membacah dan sharahan. Dalam peraduan membacah di-antara pelajar2 Kelas Dewasa di-peringkat Kebangsaan yang berlangsung dari 2.8.1963 hingga 8.8.1963, sa-orang peserta daripada Negeri ini telah berjaya mendapat Johan.

*Kelas Dewasa Kebangsaan bagi orang2 yang bukan Melayu.*



Gambar menunjukkan pelajar2 Kelas Dewasa Tingkatan Tinggi sedang mengikuti cheramah radio ruangan Pelajaran Dewasa siaran Radio Malaysia.





Kelas Urusan Rumah Tangga Pelajaran Dewasa. Gambar menunjukkan sa-orang guru yang terlatih sedang mengajar jahit menjahit dan memotong kain dalam satu kelas Dewasa kaum ibu.

### **Kereta Penerangan**

Bagi menyebarkan kapada ra'ayat dan pelajar2 Kelas Dewasa berkenaan dengan rancangan Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Luar Bandar Kereta2 Penerangan dari-pada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah juga melawat ka-kampong2. Sambutan yang di-beri oleh Pelajar2 dan penduduk2 kampong telah pun memberi kesan yang baik.

### **Gotong Royong**

Kerja2 gotong royong saperti mendirikan bangsal2 kelas dewasa, surau, jalan raya dan membersihkan kubor telah pun di-amalkan. Semua-nya sa-banyak 303 buah bangsal telah di-dirikan untuk di-jadikan tempat kelas2 Pelajaran Dewasa itu.

*Kelas Dewasa Urusan Rumah Tangga. Kelihatan Pelajar2 kelas Dewasa sedang belajar chara2 masakan.*



### **Kemudahan2 lain**

Kemudahan2 saperti memberi latehan kapada Penyelia2 dan Guru2 telah pun di-adakan. Bagitu juga alatan2 kerusi meja bagi tempat2 belajar pun di-sediakan. Sa-lain daripada kemudahan2 itu Kerajaan telah juga membekalkan sa-banyak 198 buah peti Radio Transistor untuk di-bahagikan kapada pelajar2 Kelas Tinggi dengan tujuan supaya pelajar2 dapat mengikuti berbagai2 mata pelajaran yang di-siarkan oleh Radio Malaysia. Mata Pelajaran itu termasok-lah kesihatan, tanaman, ternakan, sharikat kerjasama2 dan lain2

Bagi menambahkan dan mengembangkan lagi ilmu pengetahuan pelajar2 kelas dewasa, khutub khanah telah di-adakan di-dalam 72 buah mukim dan Kerajaan telah juga menyediakan sa-banyak 11,450 buah buku untuk kegunaan khutub2 khanah itu.

## *haiwan*

---

DENGAN tujuan hendak melaksanakan chita2 dan azam-nya hendak memperbaiki dan meninggikan taraf hidup serta menambahkan lagi mata pencharian Ra'ayat terutama sa-kali ra'ayat luar bandar, Kerajaan telah melancharkan berbagai2 ranchangan pembangunan haiwan. Semua ranchangan2 yang di-selenggarakan oleh Kerajaan seperti ranchangan2 menternak lembu dan kerbau telah mendapat sambutan yang hangat di-kalangan ra'ayat.

*Lembu2 yang di-pawahkan kepada pendudok2 luar bandar.*



### Ranchangan Menterak Kerbau


Ranchangan ini di-jalankan dengan chara PAWAHAN. Oleh kerana pawah memang telah lama di-faham dan di-jalankan oleh ra'ayat luar bandar, maka ranchangan ini telah mendapat sambutan hangat semenjak ia-nya di-lancharkan. Tujuan utama mengadakan ranchangan ini ia-lah untuk membantu petani yang tiada mampu dan dengan itu menambahkan pula bilangan ternakan dalam negeri ini.



Salah satu daripada berbagai bantuan yang di-hulurkan oleh Kerajaan dalam bidang ternakan ia-lah membina "padang2 ragut" atau kawasan simpanan ternakan. Kawasan2 ini berpagar sekeling-nya dan di-tanam pula dengan rumput2 makanan ternakan yang terpilih.

Chara perjalanan ranchangan Pawahani ini ia-lah sa-orang petani di-beri sa-ekor kerbau betina. Apabila kerbau ini melahirkan anak betina dan anak ini genap dua tahun umur-nya petani itu akan menyerahkan kapada Kerajaan anak kerbau betina itu, manakala ibu kerbau betina yang di-berikan itu menjadi hak milik petani itu sendiri. Anak kerbau betina yang di-serahkan kapada Kerajaan akan pula di-beri kepada petani lain dan sa-terus-nya.

*Bangunan baharu Pejabat Haiwan Negeri di-Kuantan.*



Jika sa-kira-nya kerbau betina yang di-berikan kepada petani itu melahirkan anak jantan, maka apabila ia-nya chukop 2 tahun umor-nya, ia akan di-jual oleh Kerajaan dan kutipan dari jualan itu di-bagi sama banyak; sa-paroh di-serahkan kapada petani itu dan sa-paroh lagi menjadi hasil Kerajaan. Manakala ibu kerbau ini maseh lagi menjadi harta Kerajaan. Sa-kira-nya anak yang kedua yang di-lahirkan oleh ibu itu juga jantan, maka anak ini juga di-jual seperti yang pertama. Tetapi ibu kerbau akan menjadi hak milik petani sa-lepas jualan itu. Sa-kira-nya anak yang kedua ini betina, penyelesaian-nya sa-rupa-lah dengan yang di-terangkan mengenai anak betina yang pertama.

### **Bilangan Kerbau yang di-Pawahkan**

Tahun	Bil. Ternakan	Perbelanjaan	Bil. Ra'ayat yang mendapat faedah
1961	180	\$ 59,810	180
1962	198	\$ 59,963	198
1963	126	\$ 41,502	126
1964	78	\$ 29,817	78
1965	132	\$ 45,000	132
JUMLAH	<u>714</u>	<u>\$236,092</u>	<u>714</u>


### **Ranchangan Menternak Lembu**

Tujuan dan chara ranchangan ini di-jalankan ada-lah sa-rupa dengan ranchangan menternak kerbau.

### **Bilangan Lembu yang di-Pawahkan**

Tahun	Bil. Ternakan	Perbelanjaan	Bil. Ra'ayat yang mendapat faedah
1961	214	\$ 49,280	118
1962	224	\$ 50,190	129
1963	204	\$ 39,491	164
1964	183	\$ 39,823	150
1965	230	\$ 52,000	115
JUMLAH	<u>1,055</u>	<u>\$230,784</u>	<u>676</u>





Penduduk2 Luar Bandar sedang menerima kerbau daripada Kerajaan di-bawah rancharan pawah Jabatan Haiwan.

Reban2 kambing biri2 yang tersusun dan terator.





Lembu2 yang di-pewahkan kapada penduduk2 Luar Bandar.

### Ranchangan Menterak Kambing/Beri2

Ranchangan ini mempunyai tujuan yang sama seperti ranchangan di atas, tetapi chara perjalanan-nya ada sedikit perbezaan. Sa-orang penternak di-beri beberapa ekor kambing atau biri2 betina (biasa-nya 2 ekor) sa-chara pawahan. Sa-lepas biri2 atau kambing ini melahirkan anak betina dan genap umur-nya tujuh bulan, maka anak kambing/biri2 ini di-serahkan kapada Kerajaan, manakala ibu-nya menjadi hak milik pemawah. Anak kambing/biri2 betina itu pula di-beri kapada pemawah lain, dan ranchangan ini berjalan sa-terus-nya. Sa-kira-nya anak yang lahir itu jantan, anak ini menjadi hak milik pemawah, manakala ibu yang di-pelihara-nya itu maseh lagi menjadi hak Kerajaan.

Sa-lain dari ternakan2 di-berikan kapada penternak2, mereka juga di-beri bantuan wang untuk mengadakan bangsal dan lain2 lagi.

## **Bilangan Kambing/Beri2 yang di-Pawahkan**

Tahun	Bil. Ternakan	Perbelanjaan	Bil. Ra'ayat yang mendapat faedah
1961	480	\$19,296	152
1962	642	\$31,737	164
1963	146	\$ 9,907	28
1964	140	\$10,745	30
JUMLAH	1,408	\$71,685	374

## **Ranchangan Membiaik Ternakan Ayam**

Tujuan ranchangan ini ia-lah menggalakan petani2 memulakan perusahaan menternak ayam sa-chara kechil2. Merek2 itu di-beri nasihat dan tunjok ajar chara2 menjalankan perusahaan menternak ayam. Perubatan mengenai ayam2 ini di-beri perchuma.

## **Bilangan Ayam yang telah di-bahagikan**

Tahun	Bil. Ternakan	Perbelanjaan	Bil. Ra'ayat yang mendapat faedah
1961	25,112	\$19,340	1,615
1962	15,300	\$14,970	1,530
1964	3,000	\$ 5,000	300
JUMLAH	43,412	\$39,310	3,445

## **Rnchang'an Menternak Babi**

Tujuan ranchangan ini ia-lah hendak menggalakan perusahaan menternak babi di-kalangan bangsa China di-dalam Negeri ini. Bantuan yang di-beri ia-lah babi betina yang muda dan mutu-nya yang baik. Tiap2 penternak di-beri sa-ekor babi betina baka yang baik untuk di-pelihara-nya. Petani ini akan memulangkan kapada Kerajaan sa-ekor anak babi betina yang chukup umor tiga tahun yang di-beranakan oleh ibu babi Kerajaan Ibu babi yang asal menjadi hak milek-nya sa-lepas tanggong jawab ini di-selesaikan. Anak babi betina itu pula di-beri kapada pemawah lain.

## **Bilangan Babi yang di-Pawahkan**

Tahun	Bil. Ternakan	Perbelanjaan	Bil. Ra'ayat yang mendapat faedah
1962	194	\$10,365	62
1964	120	\$ 5,666	30
1965	90	\$ 5,000	20
JUMLAH	404	\$21,031	112



*Di-bawah Ranchangan Ternakan, Orang2 Asli tidak ketinggalan dalam bidang ini  
Gambar menunjukkan Orang2 Asli bersama2 dengan kerbau yang di-pawahkan  
oleh Kerajaan kapada mereka.*

## Ranchagan Memajukan Kawasan Simpanan Ternakan

Tujuan ranchangan ini ia-lah menyediakan kawasan ternakan yang terkawal serta mempunyai padang rumput bagi kegunaan ternakan tempatan. Dengan chara memagar kawasan2 yang di-berseh dan di-tanam dengan rumput2 makanan ternakan yang terpilih, maka ternakan2 yang ada di-kawasan simpanan ini dan juga ternakan2 dari kampung ber-hampiran dapat di-pelihara di-dalam kawasan ini sa-chara terkawal. Dengan ini ternakan2 di-kawasan ini dapat di-jagai dengan chukup-nya oleh penternak2. Sa-balek-nya pula dengan terkawal-nya ternakan2 di-dalam kawasan yang tertentu dan di-khaskan bagi mereka, maka penduduk di-kampung berhampiran kawasan ini dapat-lah menjalankan pekerjaan chuchok tanam di-kampung mereka tanpa kebimbangan bahawa tanaman2 mereka akan di-rosakan oleh ternakan2 itu. Dalam ranchangan memajukan kawasan simpanan ternakan, berbagai2 pertolongan telah juga di-beri saperti kawat duri untuk memagar kawasan dan meminjamkan traktar untuk memberes dan menyediakan kawasan untuk di-tanam dengan rumput2 makanan ternakan.

Jumlah perbelanjaan untuk menjayakan ranchangan ini ia-lah saperti berikut:—

1961	\$33,366
1962	\$25,616
1963	\$ 8,785
1964	\$ 8,300
1965	\$ 6,000
JUMLAH	<hr/> \$82,067


## ***lembaga letrik negara***

---

**D**ALAM Negeri Pahang Lembaga Letrik Negara ada mempunyai dan mengendalikan 5 buah Seteshen Janaletrik Haidero, 7 buah Seteshen Janaletrik Diesel Biasa dan 5 buah Seteshen Luar Bandar bersama2 dengan mengendalikan 14 buah Seteshen Letrik Kerajaan di-Kampung2 Baru bagi pehak Kerajaan. Di-samping ini, ada juga 2 buah pembekalan letrik yang di-jalankan oleh Pelesen.

Perkembangan bekalan letrik di-Negeri ini dapat di-majukan lagi pada masa hadapan dengan chara menambah kuasa letrik di-seteshen2 dan meluaskan perhubungan rangkaian2 yang ada pada masa sekarang atau pun mendirikan lagi Seteshen2 baharu di-tempat2 yang terpencil daripada rangkaian2 yang ada. Penyiasatan yang lebih dalam lagi atas dua Ranchangan2 Letrik Haidero dekat Bentong ia-itu Ranchangan2 Perting dan Benus maseh di-teruskan.

Di-bawah ini di-bentangkan satu jadual yang dapat memberi pandangan sa-pintas lalu di atas Perkembangan Bekalan Letrik di-Negeri Pahang pada tahun 1961 hingga 1964.



**Butir2**

			<b>1961</b>	<b>1964</b>
Kehendakan Kuasa paling tinggi (Ribuwatt)	...	...	5,077	5,734
Kekuatan Kuasa Penjanan (Ribuwatt)	...	...	8,741	14,751
Tenaga Di-jana (Juta Yunit)	...	...	23.2	23.2
Jumlah Pengguna	...	...	14,000	17,308
Jumlah Pendudok mendapat faedah	...	...	84,000	103,848

Ada pun tenaga di-janakan pada tahun 1961 itu termasuk 8 juta yunit yang di-jana oleh Sharikat Raub Australian Gold Mining yang telah menutup perusahaan-nya pada tahun 1963. Oleh demikian tenaga yang di-janai oleh Lembaga telah bertambah daripada 15.2 juta pada tahun 1961 kapada 23.2 juta di-dalam tahun 1964.

Di-Cameron Highlands dan di-bandar2 yang besar seperti Raub dan Kuantan bekalan letrik dapat di-beri sa-lama 24 jam terus-menerus pada tiap2 hari, sementara di-Seteshen2 Luar Bandar pula seperti Jerantut ada-lah di-dapati chuma sempurna pada segi ekonomi, jika di-beri bekalan 12 jam sahaja pada tiap2 hari dengan membena jentera letrik sa-paroh otomatis kecil menggunakan alat penyejok dengan angin.


## **Memperbaiki Bekalan Letrik di-Kampong2 Baharu dan Kawasan Luar Bandar**

Bekalan letrik di-12 buah kampong2 baharu, Kerajaan sedang membaiki supaya dapat mengurangkan kerugian yang di-dapati bagi memberi bekalan ka-kampong2 tersebut. Chara2 membaiki bekalan2 ini ia-lah dengan membaharuui saloran2 letrik berkuasa rendah dan mengganti jentera2 letrik disel menggunakan alat penyejok dengan ayer, yang kebanyakannya telah di-pasang semenjak tahun 1948, dengan jentera2 letrik sa-paroh otomatis menggunakan alat penyejok dengan angin. Kerajaan Pusat telah memberi bantuan yang penoh sa-banyak \$270,000/- untuk Ranchangan ini.

Lembaga telah mengambil aleh bekalan letrik kapada 6 buah kampong2 baharu Kerajaan seperti di-Sungei Jan dan Jerantut dan menukar chara membekal-nya dengan mendirikan Seteshen2 Luar Bandar. Pada akhir tahun 1965 Lembaga berchadang hendak mengambil aleh bekalan letrik di-kampong2 baharu Kerajaan di-Karak dan Triang dan menukar pembekalan2 dengan chara tersebut.

Pada akhir tahun 1963 Lembaga telah membeli Seteshen Jana-letrik Haidero di-Sempan dengan alat2 bersangkutan-nya sa-banyak \$200,000/- daripada Sharikat Raub Australian Gold Mining, apabila Sharikat itu telah menutup perusahaan-nya.

*Gambar ini menunjukkan sa-orang ibu di-luar bandar sedang mengosok kain dengan strika letrik.*




Pada akhir tahun 1965, di-bawah Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Kedua 1961/1965, bekalan letrik dapat di-beri kapada 16 buah lagi kampong2, untuk memberi faedah kapada 13,296 penduduk2, dengan memakan belanja sa-banyak \$440,000/- . Di-dalam Ranchangan Malaysia Pertama 1966/1970 pula Lembaga telah mengemukakan pada Kerajaan Pusat chadangan2 untuk membekalkan letrik kapada 29 buah lagi kampong2 di-Negeri Pahang dengan memakan belanja sa-banyak \$1.5 juta.

Sa-bagai sumbangan kapada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar di-Negeri2 Tanah Melayu Lembaga telah menguntokkan bantuan sa-banyak \$500,000/- tiap2 tahun bagi membantu belanja melaksanakan ranchangan2 yang chuma menghasilkan sa-tengah sahaja daripada yang lazim di-dapati atas modal yang di-keluarkan. Sa-bahagian daripada jumlah ini telah pun di-gunakan bagi ranchangan2 luar bandar di-Negeri Pahang.

*Bekalan letrik di-sampaikan ka-kawasan2 luar bandar.*





Setesen letrik di-Cameron Highlands.

## **Setesen Janaletrik Lembaga Letrik Negara**

**Letrik Haiderol**

**Diesel**

**Luar Bandar**

**Kampong Bharu Kerajaan**

Habu, Robinson Falls, Kampong Raja, Kuala Terla dan Sempang, Raub.

Raub, Kuantan, Mentakab, Pekan, Kuala Lipis, Fraser's Hill dan Bentog.

Gambang, Jerantut, Cheroh, Sungai Ruan, dan Bentan/Jerkoh.


Karak, Triang, Sungai Chetang, Penjom, Kerdau, Mengkarak, Kerayong, Mengkuang, Kemayan, Bukit Tinggi, Lanchag, Sungai Dua, Telemong dan Manchis.

## *orang asli*

---

**J**UMLAH Orang Asli yang ada di-dalam Negeri Pahang ia-lah sa-ramai 17,000 orang mengandungi beberapa bangsa seperti Semai, Temiar, Semelai, Semoq Beri, Jahut, Jakun, Temuan dan Che Wong. Kerajaan bukan sahaja memberi perhatian tentang melindungi dan mengawal mereka dari di-terpedaya dan lain2-nya. Kerajaan jua sekarang ini memberi perhatian yang penoh kapada Orang2 Asli untuk meninggikan taraf hidup dan jua pergaulan mereka supaya menjadi ra'ayat Malaysia sa-rupa dengan kaum yang ber-kemajuan.

*Kelas Pelajaran Dewasa Orang Asli. Guru Mereka pun Orang Asli juga.*



Dengan ada-nya perhatian yang sa-macham ini, Kerajaan telah memasokan satu penggal dalam "Buku Merah" bagi kemajuan Orang Asli di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Ka-2 1961-1965, dan telah menyediakan peruntukan wang:—

1. Perkhidmatan Lanjutan Kerajaan ka-bahagian pendalaman	...	\$325,000
2. Ranchangan Kechil bagi kemajuan ekonomi ...	...	\$160,000
3. Penyelidikan dan Siasatan ...	...	\$ 19,000
		<hr/> \$504,000

Peruntukan Perkhidmatan Lanjutan Kerajaan ka-bahagian pendalaman ia-lah sa-banyak \$325,000 dan telah di-gunakan untuk menyediakan ranchangan2 serti berikut:—

- |                                 |     |     |     |     |     |         |
|---------------------------------|-----|-----|-----|-----|-----|---------|
| 1. Sekolah degan 2 bilek darjah | ... | ... | ... | ... | ... | 9 buah  |
| 2. Asrama untuk 60 orang kanak2 | ... | ... | ... | ... | ... | 9 buah  |
| 3. Rumah persinggahan           | ... | ... | ... | ... | ... | 2 buah  |
| 4. Pejabat, Setor dan Klinik    | ... | ... | ... | ... | ... | 3 buah  |
| 5. Rumah Guru                   | ... | ... | ... | ... | ... | 10 buah |
| 6. Rumah Kaki-tangan            | ... | ... | ... | ... | ... | 12 buah |
| 7. Balai Raya                   | ... | ... | ... | ... | ... | 6 buah  |
| 8. Perigi dan pam ayer          | ... | ... | ... | ... | ... | 7 buah  |
| 9. Padang Permainan             | ... | ... | ... | ... | ... | 4 buah  |
| 10. Tandas berlubang            | ... | ... | ... | ... | ... | 20 buah |

Gambar menunjukkan YAB Menteri Besar Pahang, di-iringi oleh beberapa orang Pegawai2 Kerajaan sedang ber-cheramah dengan ketua2 Orang Asli di-Tasek Bera ketika Menteri Besar itu melawat ka-sana.



Sa-ramai 40 Orang Asli telah mengikuti satu Kursus Tata Ra'ayat yang berjalan sa-lama 3 hari di-Rompin.



Sa-banyak 350 ekor ayam baka baik telah di-beri kapada 35 orang Asli. Gambar menunjukkan Orang Asli sedang memberi makan kapada ayam pemberian Kerajaan itu.



190 keluarga Orang Asli telah menerima sa-banyak 390 ekor kambing di-bawah ranjangan pawah. Kambing di-pelihara mengikut peraturan Jabatan Haiwan. Gambar menunjukkan Orang Asli dengan kambing2 yang di-pawahkan itu.

Ternakan kerbau—220 ekor kerbau telah di-beri kapada 220 orang keluarga untuk di-gunakan dalam sawah2 padi. Kerbau2 di-pelihara oleh Orang2 Asli mengikut chara2 dan nasehat2 yang di-beri oleh Jabatan Haiwan.



  
Peruntokkan Ranchangan Kechil Bagi Kemajuan Ekonomi Orang Asli ia-lah sa-banyak \$160,000.00 dan telah di-gunakan untuk membuat ranchangan2 saperti berikut:—

1.	Menebas dan menebang hutan untuk menanam getah sa-chara bergotong royang	...	...	...	...	...	...	...	690 ekar
2.	Tanaman kelapa	...	...	...	...	...	...	...	483 ekar
3.	Dusun buahan2	...	...	...	...	...	...	...	354 ekar
4.	Sawah padi	...	...	...	...	...	...	...	195 ekar
5.	Tanaman jambu golok	...	...	...	...	...	...	...	110 ekar
6.	Rumah terator bagi Orang Asli	...	...	...	...	...	...	...	254 buah
7.	Tandas berlubang	...	...	...	...	...	...	...	25 buah
8.	Perigi	...	...	...	...	...	...	...	14 buah
9.	Kolam ikan	...	...	...	...	...	...	...	29 buah
10.	Jambatan kayu	...	...	...	...	...	...	...	7 buah
11.	Pengkalan	...	...	...	...	...	...	...	2 buah
12.	Padang ternakan kerbau (30 ekar)	...	...	...	...	...	...	...	16 buah
13.	Jalan 6 kaki	...	...	...	...	...	...	...	40 batu
14.	Kerbau	...	...	...	...	...	...	...	160 ekor
15.	Kambing dan biri2	...	...	...	...	...	...	...	390 ekor
16.	Lembu	...	...	...	...	...	...	...	20 ekor
17.	Ayam	...	...	...	...	...	...	...	350 ekor



Kebanyakan kerja yang di-usahakan ia-lah di-buat oleh Orang2 Asli dengan sa-chara "Gotong Royong". Alatan2 rumah, perkakas pertanian dan jua beneh2 di-beli dan di-beri kapada mereka. Bantuan makanan dan juga pakaian di-beri kapada Orang2 Asli yang bekerja menebas, menebang, menanam dan jua kapada mereka2 yang membuat kerja2 yang lain.

Peruntukan Penyelidikan dan Penyiasatan ia-lah sa-banyak \$19,000 dan telah di-gunakan untuk membeli Peta2, upah merentis tanah untuk di-sukat, membeli perahu dan injin motorbot. Sa-tengah dari bahagian wang peruntukan ini di-gunakan untuk mem-bayar minyak petrol bagi injin motorbot dan Lang Rover bagi menjalankan penyiasatan2, dan tugas yang bersangkutan dengan pembangunan.

Sa-lain dari peruntukan yang di-terima dari Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Pahang jua telah memberi wang untuk mengadakan Ranchangan Tanah Pinggir dan buahan2.

Ranchangan2 yang luar dari peruntukan Pejabat yang telah di-jayakan ia-lah:—

1. Ranchangan Tanah Pinggir—getah	...	...	...	...	1,004 ekar
2. Ranchangan Tanah Pinggir—limau manis	...	...	...	...	16 ekar
3. Padang permainan	...	...	...	...	2 buah
4. Balai Raya	...	...	...	...	3 buah
5. Rumah tempat simpanan perahu	...	...	...	...	3 buah
6. Ampangan ayer	...	...	...	...	1 buah
7. Ternakan kerbau	...	...	...	...	60 ekor

*Pemuda2 Orang Asli yang di-pilih menghadziri Kursus Pertanian di-Pusat Latehan Pertanian, Pekan. Pengalaman2 yang di-perolehi akan di-gunakan menjayakan ranchangan2 Pembangunan Luar Bandar bagi mereka.*





*Tanaman sayur-sayoran dalam tanah kampung Orang Asli yang di-jayakan oleh mereka.*

*Dusun buah-buahan dalam tanah kampung Orang Asli yang berjaya—tiap2 keluarga di-beri 2 ekar tanah dusun.*




Beberapa ratus tahun yang lalu Orang2 Asli duduk tida tetap. Mereka berpindah randah ka-sana sini. Mereka tiada mempunyai tanah dan tiada harta benda. Mereka hidup dengan ubi2 dan buahan2 dalam hutan, memburu binatang2 dalam hutan dan mengail ikan di-sungai2. Mereka tiada mempunyai tempat berchuchok tanam yang tetap dan selalu berpindah, tiada mempunyai pelajaran, tiada tahu hal kesehatan/kebersehan dan keadaan mereka ada-lah menyedehkan. Sekarang ini mereka di-beri layanan yang per-noh saperti—

1. Sekolah bagi anak2 mereka serta kelas2 dewasa bagi orang2 dewasa.
2. Rumah Sakit dan Pusat Pentadbiran di-kawasan2 pendalaman.
3. 6 ekar tanah getah bagi tiap2 satu kelamin.
4. 2 ekar tanah kampung bagi tiap2 satu kelamin.
5. 2 ekar tanah dusun buahan2 atau pun tanah sawah.



Rumah Pegawai—12 buah rumah pegawai telah dibina dalam Pusat Pentadbiran Orang Asli. Gambar menunjukkan salah satu rumah Pegawai yang telah dibina itu.



Keadaan kampung dan rumah Orang Asli di-dalam tanah Per-kampungan di-bawah rancharan Pembangunan Luar Bandar. Tiap2 keluarga di-beri sa-buah rumah dan tanah kampung sa-luas 2 ekar.



Sekolah Orang Asli yang dibina di-bawah ranjangan Pembangunan Luar Bandar.

Ranchangan2 yang tersebut di atas dibuat dalam kawasan khas Orang Asli di-tempat2 yang di-duduki oleh mereka di-dalam dan di-luar hutan.

Semenjak Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang ka-2 dilancharkan, 282 keluarga telah mendapat tanah sa-luas 6 ekar yang telah di-sukat dan di-tanam dengan getah atau pun kelapa. Mereka yang tidak menerima tanah getah ada-lah di-beri tanah sa-luas 2 ekar di-tanam dengan pokok2 buahan2, kelapa atau pun tanah sawah. Boleh di-katakan semua Orang2 Asli di-dalam Negeri Pahang telah mendapat fa'edah dari ranchangan2 yang telah di-jayakan ia-itu saperti:—

1. Sekolah.
2. Klinik.
3. Jalan 6 kaki.
4. Pusat Pentadbiran.
5. Rumah2 terator.
6. Tanah2 getah atau kelapa.
7. Ternakan.
8. Kelas Dewasa.

Ranchangan2 yang telah di-jayakan di-kawasan2 Orang Asli telah memberi tauladan dan jua kesedaran kapada mereka yang pada masa dahulu-nya enggan mengambil bahagian dalam ranchangan pembangunan, tetapi, sekarang ini mereka dengan sendiri-nya suka mengambil bahagian dalam ranchangan2. Mereka telah sedar dan tidak lagi mengharapkan hasil2 hutan. Dengan boikti2 yang di-nyatakan di atas Ranchangan Malaysia yang pertama bagi Orang2 Asli jua akan berjaya.


## *perikanan*

---

**D**I-DALAM Ranchangan Pembangunan Lima Tahun 1961-1965 Jabatan Perikanan telah berusaha menchari jalan memperbaiki perusahaan menangkap ikan laut dan mengembangkan ternakan ikan ayer tawar di-seluruh Negeri. Di-samping itu Jabatan Perikanan juga ada-lah berikhtiar menempatkan nelayan ka-dalam ranchangan tanah Negeri ini.

Ikan ia-lah sa-jenis makanan yang mengandungi zat protein dan segala lapisan manusia ada-lah sentiasa berkehendakan-nya untuk makanan mereka sa-hari2. Maka dengan sebab itu perusahaan menternak ikan bagi penduduk2 luar bandar sangat2-lah mustahak bukan sahaja menambahkan makanan mereka, bahkan menambahkan mata pencharian mereka.

*Jabatan Perikanan Negeri ini ada-lah berusaha menggalakan nelayan2 supaya menggunakan alat2 penangkap ikan yang modern seperti jaring yang di-perbuat daripada benang jenis "synthetic", perahu menggunakan motor dan sa-bagai-nya.*



Jabatan Perikanan telah berusaha menggalakan nelayan2 supaya menggunakan perkakas pukat dan jaring yang moden yang di-perbuat daripada bahan 'synthetic' untuk mendapatkan tangkapan ikan yang lebih banyak. Nelayan2 juar telah di-galakan supaya melengkapkan perahu2 atau moto-bot2 mereka dengan enjin dalam atau pun enjin sangkut. Dengan menggunakan enjin2 itu mereka boleh menjalankan perusahaan mereka jauh kalaут dan mendapatkan hasil yang lebih baik.

Di-dalam masa  $4\frac{1}{2}$  tahun yang lepas mula dari tahun 1961 dan berakhir pada 30.6.65, tangkapan ikan laut ada-lah berjumlah sa-banyak 398,277 pikul.

Perahu2 nelayan yang telah di-lengkapkan dengan enjin dalam dari tahun 1961 hingga 30.6.65 ia-lah sa-banyak 247 buah, 143 buah enjin sangkut dan perahu2 yang maseh menggunakan layar ia-lah sa-banyak 309 buah. Ini ada-lah menunjukan satu kemajuan berkaitan dengan perusahaan ikan laut.


Jumlah orang2 yang menjalankan perusahaan menangkap ikan laut ia-lah 1852 orang ia-itu 1760 orang Melayu dan 92 orang China.

Semenjak tahun 1961 sa-jumlah 75 orang pelateh telah di-hantar ka-Sekolah2 Perikanan Laut di-Gelugor, Pulau Pinang dan Seberang Takir di-Kuala Trengganu untuk menjalani kursus perkapan dan membaiki enjin moto-bot2. Segala perbelanjaan bagi pelateh2 seperti tambang bas, sewa hotel dan makan, semua-nya di-bayar oleh Jabatan Perikanan. Pelateh2 yang berkelayakan telah di-beri kemudahan memasuki pepereksaan untuk mendapatkan sijil jurumudi dan enjin driver. Pelateh2 yang lulus di-dalam peperesaan jurumudi ia-lah 38 orang dan enjin driver sa-ramai 47 orang dan mereka2 itu ia-lah daripada kumpulan 75 orang yang mana ada di-antara mereka mendapat ka-dua2 kelulusan.





Perusahaan Ikan Kering yang di-jalankan oleh nelayan2 di-Kampung Tanjong Lumpur, Kuantan.



Jetti yang di-bina di-bawa Ranchangan P.L.B. dalam tahun 1963 di-Mukut, Pulau Tioman. Jetti di-Mukut ini ia-lah satu daripada 3 buah yang di-bina dalam tahun itu, satu di-Tanjong Lumpur dan satu lagi di-Kuala Pahang. Ketiga2 Jetti tersebut telah menelan belanja sa-banyak \$160,000.00.



Sejak terlanchangnya Ranchangan P.L.B. Kerajaan telah memberi berbagai2 kemudahan dan bantuan kapada nelayan2 dalam Negeri Pahang. Mereka ada-lah di-beri peluang untuk mendapatkan tanah2 kebun dan perumahan. Gambar ini menunjukan kampong nelayan di-Gebang, Kuantan yang telah di-buka di-bawah Ranchangan P.L.B. Kerajaan Negeri juga sedang meranchangkan sa-buah lagi Kampong Nelayan untuk menempatkan sa-ramai 110 orang di-Kuala Pahang.

### Ternakan Ikan ayer Tawar

Perusahaan menternak ikan ayer tawar telah di-beri keutamaan dalam Negeri ini dari semenjak 1957, sa-banyak 732 buah kolam ikan telah di-bena di-dalam Daerah2 Temerloh, Bentong, Raub, Kuala Lipis dan Jerantut. Perusahaan ini ada-lah mendapat sambutan baik dari penduduk2 yang tinggal di-luar bandar. Mereka2 yang menjalankan perusahaan ini telah di-beri kemudahan saperti beneh2 ikan yang baik dengan perchuma oleh Jabatan Perikanan. Anak2 ikan ini ia-lah Tilapia, Lee Koh, Kalui dan Lampam Jawa. Jumlah besar anak2 ikan yang di-beri dengan perchuma kapada penternak2 dari Pusat Pembiaik2 Ikan Ayer Tawar di-Enggor Tapah dan Bukit Tinggi sejak tahun 1961 ada-lah saperti berikut:—

Lampam Jawa	Tilapia	Lee Koh	Kalui
275,090	5,890	68,678	1,190

Penternak ikan ayer tawar yang di-pileh oleh Jabatan Perikanan telah di-hantar ka-Pulau Pinang, Enggor dan Tapah untuk mempelajari chara2 membuat kolam ikan dan memelihara-nya dengan terator untuk mendapatkan hasil yang baik. Semua perbelanjaan mereka telah di-bayar oleh Jabatan Perikanan.

Jumlah pelateh2 yang telah di-hantar menghadziri kursus tersebut dari tahun 1961 ia-lah sa-ramai 92 orang.



*Menterik ikan ayer tawar. Kerajaan ada-lah menggalakan pendudok2 luar bandar supaya menjalankan ternakan ini dan Kerajaan juga memberi dengan perchuma beneh ikan yang baik seperti ikan Tilapia, Lee Koh, Kalui dan Lampam Jawa.*

Di-dalam tahun 1964 sa-banyak 30,900 ekor anak ikan Lampam Jawa telah di-lepas ka-dalam Sungai Pahang dan Sungai Jelai untuk di-perbiakan.

Kolam2 ikan telah juga di-bena di-dalam Ranchangan2 Tanah di-Lurah Bilut, Kampong Awah dan Sungai Kertam. Baharu2 ini Sharikat Lombong Bijeh di-Bukit Ibam, Rompin telah membena kolam ikan dan beneh2 ikan sa-banyak 12,000 ekor telah di-beri dengan perchuma kapada sharikat itu oleh Jabatan Perikanan.

### **Ranchangan Tanah Penempatan Bagi Nelayan**

Kerajaan telah juga menjalankan satu langkah untuk menempatkan nelayan yang ingin berpindah ka-dalam ranchangan tanah baru. Dalam tahun 1962 sa-ramai 15 orang nelayan telah di-beri tanah oleh Kerajaan Negeri di-dalam Ranchangan Kemajuan Tanah di-Kampung New Zealand.

Satu Jawatan kuasa bagi menempatkan sa-mula 110 orang nelayan2 di-Kuala Pahang telah berusaha untuk mendapatkan tanah bagi nelayan2 itu. Ranchangan Perkampungan itu telah di-taksirkan menelan belanja sa-banyak \$170,000/. Wang sa-jumlah \$36,000/- kerana mendapatkan tanah telah pun di-luluskan oleh Kerajaan Negeri.

Di-dalam tahun 1963, tiga buah jetti telah di-bena oleh Jabatan Kerja Raya dari peruntukkan wang sa-banyak \$160,000/- yang telah di-beri oleh Kementerian Luar Bandar. Ketiga2 jetti2 tersebut bertempat di-Tanjong Lumpur, Kuala Pahang dan Mukut, Pulau Tioman. Jetti2 yang telah di-bena itu bukan sahaja untuk memberi kesenangan kapada nelayan2 bahkan kapada orang awam juga.

## Ranchangan Di-bawah Ranchangan Colombo

Di-dalam tahun 1961 sa-buah bangunan bilek sejok yang mengandungi 5 bilek telah di-bina berhampiran dengan Pejabat Perikanan. Perkakas-nya di-beri oleh Kerajaan Canada di-bawah ranchangan Colombo dan mula di-gunakan pada akhir tahun 1962. Bilek sejok ini telah di-serahkan kapada Sharikat Nelayan Bekerjasama, Pantai Timor di-bawah jagaan Jabatan Kemajuan Kerjasama. Bilek2 itu ia-lah untuk di-gunakan kerana menyimpan ikan2 saperti berikut:-

Bilek menyimpan ayer batu ukoran-nya	...	...	...	29' X 29' X 9'
Bilek menyimpan ikan kering ukoran-nya	...	...	...	19½' X 15' X 9'
Bilek menyimpan ikan basah ukoran-nya	...	...	...	19½' X 10' X 9'
Bilek dingin bagi menyimpan ikan untuk tahan lama ukoran-nya	...	...	...	19½' X 9' X 9'
Bilek menyekokkan ikan2 basah ukoran-nya	...	...	...	7½' X 5' X 9'

## Pusat2 Pembiak Ikan Ayer Tawar

Pada tahun 1961 peruntokang wang sa-banyak \$86,000/- telah di-dapati daripada Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan satu pusat pembaikbiak ikan ayer tawar di-Bukit Tinggi, Bentong. Pusat itu telah pun mengeluarkan bahan2 ikan yang baik untuk keperluan penternak2 ikan ayer tawar di-dalam Negeri Pahang has-nya dan di-lain2 tempat di-Malaysia 'am-nya. Luas pusat itu ia-lah 35 ekar. Pusat itu telah siap pada tahun 1962.

Satu Pusat Penetasan Ikan (Fish Hatchery) sedang di-dalam pembinaan di-Cameron Highlands dan akan menelan belanja sa-banyak \$75,000/-. Wang itu telah di-perolehi daripada Kerajaan Persekutuan.

Banyak juga pelawat2 dari Negeri Brunei, Sabah dan Sarawak telah datang membuat lawatan ka-Pusat Pembaikbiak Ikan Ayer Tawar, Bukit Tinggi pada tahun2 yang lepas.





Pemandangan di-Kampong Nelayan Tanjung Lumpur, Kuantan.

Kolam2 memelihara ikan di-Pusat Pembaikhiak Ikan Ayer Tawar, Bukit Tinggi, Bentong.

# ***perkhidmatan penasehat pekebun2***

**K**ERJA Perkhidmatan Penasehat Pekebun2 kecil ia-lah menasehat pekebun2 kecil mengenai semua masaalah yang bersabit dengan penanam getah. Nasehat2 yang di-beri termasok-lah mengenai masaalah beneh2, chara2 menanam, penanaman kachang2 penutup bumi, pengawasan tanah, membaja, serangan2 musoh, penyakit2, menoreh, penyedian dan pemasaran getah.

## ***Kurusus Latehan***

Anggaran luas kebun2 kecil di-Negeri Pahang termasok getah2 tua dan muda, ada-lah kira2 240,000 ekar. Ada-lah tidak mungkin untuk dapat menemui tiap2 pekebun kecil dan memberi nasehat di-tiap2 kebun. Dengan itu, segala usaha ada-lah di-lakukan untuk bekerja bersama sa-kumpolahan pekebun2 kecil supaya waktu bekerja pegawai luar dapat di-gunakan sa-baik2-nya. Kegiatan perkumpolahan yang paling penting ia-lah meng-adakan Kurusus2 Latehan untuk pekebun2 kecil, anak2 mereka dan orang2 lain yang bekerja di-kebun2 getah. Kurusus2 saperti ini juga di-berikan di-Sekolah2 Pusat Penyelidikan Getah untuk Pekebun2 Kechil di-Ayer Pa' Abas, Melaka, Padang Rengas, Perak dan Bukit Sireh, Kelantan. Pekebun2 kecil yang menghadziri Kurusus2 di-sekolah2 ini

## **kechil**

---



tinggal di-situ untuk sa-lama satu bulan. Dalam masa itu mereka dapat mempelajari, dengan chara 'teori' dan 'peraktik,' segala segi ilmu penanaman getah, pengeluaran hasil dan chara penyediaan-nya. Tempat tinggal dan pelajaran tidak di-kenakan bayaran, kecuali perbelanjaan2 lain. Oleh kerana Pekebun2 kechil tidak selalu-nya dapat meninggalkan kampung2 mereka sa-lama sa-bulan, maka Kurusus2 sa-umpama ini di-adakan di-kampung2. Kurusus ini di-adakan sa-hari di-dalam sa-minggu untuk masa enam bulan, tetapi mengandungi mata2 pelajaran yang sama juga.

Kurusus2 di-berikan pada tiga peringkat pengajaran. Pada masa ini Kurusus yang paling di-gemari ramai ia-lah **Kurusus Praktik** yang di-jlankan oleh Penolong Pegawai2 Penasihat Getah di-kampung2. Kurusus saperti ini terdiri dari pengajaran2 'teori' dan berbagai2 pertunjukan, yang di-ikuti oleh latehan2 'peraktik' yang di-lakukan oleh pelajar2 sendiri. Kurusus ini sesuai untuk pekebun2 kechil dari semua peringkat umor, sama-ada mereka boleh membacha atau tidak. Sijil2 di-berikan kapada pelajar2 yang lulus di-dalam ujian2 sa-chara bertulis atau mulut.

**Kurusus2 'Standard' dan Kurusus2 Lanjutan** meliputi mata pelajaran yang sama tetapi pada peringkat pengajaran 'teori' yang lebih tinggi. Kurusus2 ini di-berikan oleh Pegawai2 Penasihat Getah dan Penolong Pegawai2 Penasihat Getah yang berpengalaman untuk pekebun2 yang mempunyai kelulusan paling rendah Darjah IV Sekolah Melayu dan Sekolah Menengah Rendah II (China). Sa-telah tamat kurusus2 'standard' dan lanjutan, peperiksaan bertulis di-adakan dan chalon2 yang berjaya di-berikan sijil2.

Dalam tahun 1965, jumlah kurusus2 yang di-adakan di-peringkat2 kampung di-Negeri Pahang ia-lah saperti di-bawah ini, 27 orang pekebun2 kecil telah juga meninggalkan kampung mereka untuk menghadziri Kurusus2 Latehan di-Sekolah2 Getah untuk Pekebun2 Kechil.

## **Kurusus2 Latehan dalam tahun 1965**

Daerah	Kurusus	Jumlah Pelajar2 yang menduduki peperiksaan	yang lulus	Bil. pelajar yang menghadziri Sekolah2 Getah
Kuantan	4	93	81	—
Pekan	1	15	10	3
Temerloh	7	122	105	7
Lipis	3	76	63	6
Jerantut	3	59	48	1
Bentong (Standard)	1	26	21	1
Raub	—	—	—	9
<b>JUMLAH:</b>	<b>19</b>	<b>391</b>	<b>328</b>	<b>27</b>

Di-samping itu pegawai luar dari Perkhidmatan ini telah juga mengadakan Kurusus2 pendek untuk peserta2 Ranchangan2 Pinggiran dan penduduk2 Ranchangan Kemajuan Tanah Persekutuan.

Lain2 kerja yang telah di-jalankan termasok-lah tayangan2 filem, pertunjukan gam-bar slide, sharanan2 dan perbinchangan2.

- (1) Filem2 mengenai penanaman dan penyediaan getah di-pertunjukan di-kampung2 oleh Yunit Pusat Penyelidikan Getah. Tayangan2 ini biasa-nya di-dahului oleh sharanan2.
- (2) Pertunjukan2 menyedia, mendidek, dan lain2 bahan di-adakan oleh Pasukan Bergerak dan penuntun di-beri galakan untuk melatehi chara2 yang telah di-pertunjukan.
- (3) **Gambar2 slide** berwarna mengenai penyediaan getah, penyakit2 getah dan be-neh2 di-pertunjukan di-kampung2 dan di-sulami dengan sharanan2.
- (4) **Majlis2 Perbinchangan** di-jalankan oleh pegawai2 luar. Soalan2 mengenai ber-baga2 perkara biasa-nya di-kemukakan pada perjumpaan2 yang saperti ini.

Senarai di-bawah menunjukkan jumlah kegiatan2 perkumpulan yang telah di-jalan-kan oleh pegawai2 Perkhidmatan di-dalam tahun 1965.

## Kegiatan2 Perkembang di-Negeri Pahang dalam tahun 1965

B U L A N A N	Pertunjukan2 Perakitan			Majlis2 Perbinchangan			Pertunjukan Slide/ Serta Sharahan2		Tayangan Filem	
	Jumlah	Kehadiran	Jumlah	Kehadiran	Jumlah	Kehadiran	Jumlah	Kehadiran	Jumlah	Kehadiran
Januari	54	840	10	134	42	760	23	5570		
Februari	33	453	23	350	37	565	—	—		
Mach	67	1259	51	1151	71	2628	36	8570		
April	73	1181	36	1014	51	1333	25	6530		
Mei	37	521	32	633	40	720	—	—		
Jun	61	756	47	859	43	684	—	—		
Julai	69	1240	33	547	38	870	16	3400		
Ogos	59	840	32	476	50	847	—	—		
September	64	868	27	484	44	742	6	1600		
Oktober	60	783	46	1016	36	603	—	—		
November	57	694	38	1217	53	1237	20	5220		
Disember	38	380	29	411	28	406	—	—		
JUMLAH:	672	9815	404	8292	533	11395	126	30890		

## Kempen Memusnahkan Lalang

Daerah	Majlis Perbinchangan Tayangan Filem & Slide				P e r t u n j o k a n & S l i d e				P e r t u n j o k a n & U l a n g a n 2		
	Majlis Jumlah Pusat2	Bil. yang hadir	Jumlah Pusat2	Jumlah Pusat2 Pertunjukan	Jumlah Pusat2 Pertunjukan	Bil. yang menghadiri pertunjukan	Bil. yang meng- hadiri pertun- jukan sembar- sa-nula.	Bil. yang meng- hadiri pertun- jukan melurut halang.	Bil. yang meng- hadiri pertun- jukan melurut halang.	Bil. yang meng- hadiri pertun- jukan melurut halang.	
Kuantan	15	279	5	1098	5	93	93	75	61	61	
Lipis	14	208	5	930	5	49	50	57	57	57	
Jerantut	18	273	6	1350	6	115	95	81	81	81	
Bentong	10	172	5	750	5	127	81	74	74	74	
Raub	9	153	5	900	5	144	67	56	56	56	
Temerloh	9	127	9	127	5	92	63	61	61	61	
	75	1212	35	5155	31	620	431	390	390	390	

## **Tanam Sa-mula**

Untuk penanam2 sa-mula, Perkhidmatan ini memberikan nasehat2 teknik yang berhubung dengan beneh2 getah, chara2 menanam dan segala masaalah2 penanam2 getah dari masa pekebun itu mula menanam beneh hingga-lah ka-masa pokok2 itu besar. Di-dalam kerja2 ini Perkhidmatan ini bekerjasama dengan Lembaga Kumpolan Wang 'B' Perusahaan Getah (Tanam Sa-mula) yang mentadbir Ranchangan Tanam Sa-mula untuk pekebun2 kecil. Berikutnya dengan lawatan oleh pegawai2 Tanam Sa-mula, berbagai2 masaalah akan timbul. Pegawai2 Luar Perkhidmatan ini di-beritahu oleh Lembaga Tanam Sa-mula mengenai masaalah2 ini. Kebun2 saperti ini di-lawati satu demi satu dan di-berikan nasehat2. Pegawai Luar Perkhidmatan juga di-beri tahu mengenai kebun2 yang telah menerima bantuan2 terakhir untuk di-berikan nasehat2 mengenai chara2 menoreh kapada pekebun2 kecil yang berkenaan.

## **Tanaman Baru**

Perkhidmatan ini juga memberikan nasehat2 yang sama kapada penanam2 baharu, dan berdamping rapat dengan Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Pesuruhjaya Tanah dan Galian dan Pegawai2 Daerah. Dalam tahun 1965, Pegawai Kanan Penasehat Pekebun2 Kechil telah bekerja rapat dengan Pesuruhjaya Tanah dan Galian Negeri Pahang mengenai urusan pekerjaan di-ranchangan2 pinggiran.

## **Penorehan Getah**

Untuk mendapatkan mutu penorehan yang baik pada pokok2 getah muda dari kebun2 yang di-tanam sa-mula atau tanaman baharu, pegawai luar mengadakan pertunjukan2 mengenai kaedah2-nya kapada kumpolan2 atau persaorangan. Untuk membantu pegawai2 luar, filem2, satu set gambar2 slide, iklan2 dan buku berlukis mengenai chara menoreh yang baik, ada di-sediakan.

## **Kempen2**

Perkhidmatan ini juga mengendalikan beberapa kempen. Dalam hal ini perkara2 dan kampung2 di-mana kempen hendak di-adakan di-pileh dengan teliti. Sharahan/perbinchangan2 di-adakan di-bahagian petang atau malam dan pertunjukan2 di-adakan di-bahagian pagi atau tengah-hari, mengikut mana yang lebih sesuai kapada pekebun2 kecil. Filem2 dan gambar2 slide di-tayangkan di-malam hari. Kempen2 saperti berikut telah di-adakan di-Negeri ini dalam tahun 1965:—

### Kempen Beneh2 Getah yang Terpileh

Daerah	Jumlah Kampong2	Jumlah Menghadziri	
		Pertunjukan slide	Tayangan filem
Kuantan	6	219	960
Pekan	6	231	1500
Temerloh	6	225	1000
Jerantut	6	355	1850
	24	1030	5310

### Kempen mengenai Chantuman Batang Hijau

Daerah	Jumlah Kampong2	Jumlah yang menghadziri		
		Pertunjukan slide	Tayangan filem	Pertunjukan Peraktik
Pekan	12	451	3000	228
Temerloh	7	372	1605	205
Raub	6	330	1900	128
Bentong	8	275	1450	91
Lipis	6	260	5400	209
Jerantut	6	198	1550	147
JUMLAH:	45	1886	14905	1008

## ***tanam sa-mula***

**B**ERAPA lama umor-nya tiap2 satu pokok getah tidak-lah di-ketahuï tetapi pengeluaran hasil-nya ada-lah sudah tentu terhad. Sharikat2 besar sa-belum perang dulu dilengkongan tahun 1930 ada chara bersendirian menanam sa-mula getah tua mereka dengan baka yang baik. Chara mereka itu dulu ada-lah sangat sukar dan bergantong kapada (1) Harga getah (2) Undang2 sekatan Getah (3) Peruntukan perbelanjaan untuk menjalankan kerja2 di-ladang2 itu.

Ladang2 besar masa itu dapat-lah juga merangkan tanam sa-mula getah2 tua mereka sunggoh pun tidak bagitu banyak tetapi pekebun2 kecil langsung ta' berupaya. Sa-lepas perang Dunia Kedua, satu Jawatan Kuasa Penyiasat Pekebun2 Kechil telah dilantek dan juga Jawatan Kuasa Kechil bagi menanam Sa-mula Kebun2 Getah Kechil dibawah Juma'ah Pengeluar2 Getah. Menurut pendapat2 dan shor2 daripada dua badan ini, maka Lembaga Perusahaan (Tanam Sa-mula) Getah telah di-tubohkan dan Ranchangan Tanam Sa-mula Kumpulan 'B' telah di-lancharkan pada tahun 1953. Ranchangan kedua berjalan sa-mula tujuh tahun ia-itu dari tahun 1953 hingga 1959 di-anggarkan untuk menanam sa-mula 480,000 ekar yang bersamaan lebuh kurang satu-pertiga dari jumlah luas kebun2 kecil yang mana dalam tahun 1952 di-agakkan 1,606,898 ekar di-Persekutuan Tanah Melayu.

### **Ranchangan Kedua**

Jumlah luas kebun2 kecil di-Pahang dalam tahun 1952 ada-lah di-taksirkan sa-banyak 98,453 ekar di-bawah 21,054 kebun2 kecil. Sa-lepas tujuh tahun bergerak-nya Ranchangan tersebut (1953-1959) 13,312½ ekar telah di-tanam sa-mula ia-itu dari jumlah anggaran 32,800 ekar.

Dengan chara pertolongan kempen2 Penerangan dan Da'ayah dan tambahan2 bantuan dari masa ka-masa luas tanam sa-mula tiap2 tahun telah melebihi 3,000 ekar sa-lepas tahun 1959. Bantuan telah di-tambah dari \$400/- sa-ekar dalam tahun 1953 kepada \$500/- sa-ekar dalam tahun 1956 dan semenjak 1hb Januari. 1962, bantuan ada-lah \$750/- sa-ekar.

### **Kewangan**

Ranchangan Tanam Sa-mula ada-lah di-biayai oleh perlenggokan wang chukai getah yang di-hantar ka-luar negeri yang mana berupa 4½ sen bagi tiap2 1 paun. Beberapa juta ringgit ada-lah terkumpol dari chukai ini tiap2 tahun. Kerajaan Persekutuan, menjelang tahun 1956, juga ada menderma sa-banyak \$112,000,000/- terhadap Ranchangan2 Pekebun2 Kechil. Dérma ini-lah yang telah dapat mengadakan pemberian hak bantuan tanam baru dan tanam sa-mula hingga ka-sa-tinggi 5 ekar bagi pekebun2 kecil yang memileki tidak lebuh dari 30 ekar jumlah luas kebun2 getah tua dalam Persekutuan Tanah Melayu dan juga Ranchangan Tanam Baru Berkelompok yang di-selenggarakan oleh Kerajaan2 Negeri.

## **Ranchangan Ketiga**

Pergerakan Ranchangan kedua telah berakhir pada 31hb Disember, 1959. Oleh kerana Kerajaan merasai akan mustahak-nya Ranchangan Tanam Sa-mula kecil di-teruskan bagi menyelamatkan ikhtisad negara dari anchaman getah tiruan, maka satu Jawatan Kuasa Kerja telah di-lantek untuk melancarkan Ranchangan ketiga dan mula bertugas pada 1hb Januari, 1960 untuk mencapai tujuan2 yang berikut:—

- (i) Meneruskan dan menyambong perkara2 yang bermula dari Ranchangan kedua.
- (ii) Meneruskan bantuan2 bagi Tanam Sa-mula dan Tanam Baru oleh pekebun2 kecil.
- (iii) Bantuan untuk di-beri sa-banyak \$600/- sa-ekar.

Pada 1hb Januari, 1962 pindaan2 sa-terus telah di-buat kapada Ranchangan ketiga seperti berikut:—

- (i) Hak kelulusan satu-pertiga yang kedua di-luluskan di-bawah sharat2 yang tertentu.
- (ii) Bantuan di-tambah dari \$600/- kapada \$750/- sa-ekar.
- (iii) Ansoran bantuan di-tambah dari 5 menjadi 7.
- (iv) Membenarkan tiga jenis tanaman lain yang di-akuï untuk menggantikan getah, ia-itu Kelapa Bali, Teh dan Pisang Tali sa-bagai tambahan kapada padi, sagu, kop, buah2an, nanas dan kelapa.  
(Pala dan Chengkeh bagi Pulau Pinang sahaja).
- (v) Bayaran sagu hati \$50/- sa-ekar kapada pekebun2 kecil yang memileki tanah getah 3 ekar atau kurang pada tarikh 1hb Januari, 1957 sa-telah berjaya tanam sa-mula atau tanam baru-nya.
- (vi) Pekebun2 kecil di-benarkan menggunakan Hak Tanam Baharu hingga 3 ekar untuk menanam lain2 jenis tanaman yang di-akuï. Ini ada-lah menurut Dasar Kerajaan untuk menggalakan berjenis2 tanaman.

## **Luas Kawasan yang di-Tanam Sa-mula**

Dari tahun 1961 hingga 31hb Mei, 1965 sa-luas 18,054 ekar telah di-tanam sa-mula dan di-tanam baharu dengan getah dan lain2 jenis tanaman yang di-akuï. Luas ini telah melebihi luas yang terdapat oleh Ranchangan kedua dalam masa 7 tahun terdahulu dengan 4,742½ ekar atau 35 peratus. Negeri Pahang ada-lah juga berkemajuan saperti negeri2 di-pantai barat, dan di-harapkan banyak lagi pekebun2 kecil akan membuangkan getah2 tua mereka dan menggantikan-nya dengan baka2 yang baik dan mendatangkan hasil yang ber-ganda2.

## **Beneh**

Ada-lah di-perhatikan sekarang ia-itu merchantum lebeh di-sukaï daripada menanam anak2 baka chantum. Bertambah ramai lagi pekebun2 kecil yang memilih baka2 yang baik sahaja untuk kejayaan kebun2 mereka. Sa-tiap tahun di-dapati ada bertambah banyak pesanan2 bagi Mata Kayu Tunas dan semenjak tahun 1963 lebeh 2,000 ekar telah di-chantum tiap2 tahun.

## **Baja**

Membaja ada-lah perkara yang mustahak dalam kerja menanam sa-mula. Bermacam2 jenis baja champor telah di-keluarkan tiap2 tahun kapada pekebun2 kecil untuk mereka membaja anak2 getah. Jumlah 9,158 atau  $183,160 \times 50$  kolo guni baja2 telah di-keluarkan dalam masa yang telah di-sebutkan. Kalau membaja pokok2 dengan perotoran, maka anggaran kesuboran pokok2 itu mengikut ukuran lilitan ia-itu 3½-4 inci sa-tahun dan berma'ana-la dalam masa 6-7 tahun pokok2 tersebut sudah boleh di-turis.

Ada juga di-dapati di-kalangan pekebun2 kecil yang agak lebeh maju ia-itu mereka menambah lagi baja2 pokok-nya dengan membeli sendiri baja dari kedi2. Ini ada-lah tanda kemajuan yang tentu kerana pekebun2 kecil sedar akan mustahak-nya membaja pokok2.

## **Jumlah Bantuan**

Dari tahun 1961 hingga 31hb Mei, 1965 sa-jumlah \$11,519,686.46 bantuan telah di-keluarkan. Ini ada-lah terdiri dari \$3,628,821.03 harga mata benda saperti benih2, baja2, rachun2, kachang tutup bumi, kawat duri dan jaring dan lain2 dan \$7,890,865.43 wang tunai kapada 3,398 kebun2 kecil.

## **Jagaan Kebun2**

Chara menjaga kebun2 ada-lah beransor baik kalau di-perhatikan di-Temerloh um-pama-nya di-mana jentera2 di-gunakan. Tanaman sementara yang bermusim sa-sengkat 18 bulan sa-lepas kebun2 di-terangkan untuk di-tanam sa-mula ada-lah mendatangkan keuntungan yang boleh menolong pekebun2 kecil dalam perbelanjaan sa-hari dan pembelian baja2 tambahan. Tanaman2 tersebut ada-lah temikai, tometo, pisang, sayor, dan lada. Di-kebun2 yang ta' sesuai di-tanam dengan tanaman2 yang di-sebutkan di atas pula tuan2 kebun menggunakan kachang tutup bumi. Di-sebabkan tanah di-Pahang ini gembor, maka semak2 sangat-lah chepat hidup. Lalang umpama-nya sangat menjadi2 dan untuk menghapuskan-nya lebeh kurang 25,000 paun rachun lalang telah di-keluarkan kapada pekebun2 tiap2 tahun.

## **Bayaran Bantuan**

	Wang Tunai	Mata Benda	Jumlah
1961	\$1,568,793.65	\$ 336,919.70	\$ 1,905,713.35
1962	1,367,661.65	1,728,375.70	3,096,037.35
1963	1,997,009.17	607,517.67	2,604,526.84
1964	2,277,886.67	718,299.20	2,996,185.87
1965	679,514.29	237,708.76	917,223.05

(sa-takat 31/5)

\$7,890,865.43	\$3,628,821.03	\$11,519,686.46
----------------	----------------	-----------------

## Luas Tanam Sa-mula Dengan Getah dan Lain2 Jenis Tanaman 1961-1965

Darrah	Getah Ekar	Padi Ekar	Kelapa Ekar	Kopi Ekar	Jenis2 Limau Ekar	Buktan Limau Ekar	Sagu Rembia Ekar	Jumlah Ekar
Kuala Lipis	1,298 <sup>1</sup>	0 <sup>1</sup>	1 <sup>1</sup>	—	0 <sup>1</sup>	4 <sup>1</sup>	—	1,305 <sup>1</sup>
Raub	2,007 <sup>1</sup>	—	—	—	—	1 <sup>1</sup>	1 <sup>1</sup>	2,010 <sup>1</sup>
Temerloh	2,218 <sup>1</sup>	—	4 <sup>1</sup>	—	—	7 <sup>1</sup>	—	2,230
Kuantan	6,885 <sup>1</sup>	384	107 <sup>1</sup>	1 <sup>1</sup>	5 <sup>1</sup>	38	—	7,076 <sup>1</sup>
Pekan	1,802 <sup>1</sup>	—	39 <sup>1</sup>	—	0 <sup>1</sup>	4 <sup>1</sup>	—	1,848
Jerantut	835 <sup>1</sup>	—	94 <sup>1</sup>	—	—	22	—	953
	1,447 <sup>1</sup>	—	5 <sup>1</sup>	—	—	39	—	1,492 <sup>1</sup>
	16,496 <sup>1</sup>	39	253	1 <sup>1</sup>	6 <sup>1</sup>	115 <sup>1</sup>	3 <sup>1</sup>	16,915 <sup>1</sup>

## Bilangan dan luas bantuan Tanam Sa-mula Getah yang di-luluskan 1961-1965

1961	Bil.	Ekar	Bil.	1962	Bil.	Ekar	Bil.	1963	Bil.	Ekar	Bil.	1964	Bil.	Ekar	Bil.	1965	Bil.	Ekar	JUMLAH		
																			Getah		
K. Lipis	54	278	65	246 <sup>1</sup>	108	411 <sup>1</sup>	70	337	3	32 <sup>1</sup>	300	1,305 <sup>1</sup>	300	300	300	300	300	300	300	300	300
Raub	82	680	84	459 <sup>1</sup>	115	480 <sup>1</sup>	62	316 <sup>1</sup>	7	74 <sup>1</sup>	350	350	350	350	350	350	350	350	350	350	350
Temerloh	76	435 <sup>1</sup>	86	583 <sup>1</sup>	130	651 <sup>1</sup>	78	521	4	39 <sup>1</sup>	374	374	374	374	374	374	374	374	374	374	374
	218	1,078	470	2,084 <sup>1</sup>	453	1,697 <sup>1</sup>	301	1,793	44	424	1,486	1,486	1,486	1,486	1,486	1,486	1,486	1,486	1,486	1,486	1,486
Kuantan	91	585	67	403 <sup>1</sup>	56	245 <sup>1</sup>	53	555 <sup>1</sup>	2	58 <sup>1</sup>	269	269	269	269	269	269	269	269	269	269	269
Pekan	32	102 <sup>1</sup>	113	338 <sup>1</sup>	94	232 <sup>1</sup>	97	274 <sup>1</sup>	2	51 <sup>1</sup>	320	320	320	320	320	320	320	320	320	320	320
Jerantut	61	290	51	219 <sup>1</sup>	94	351 <sup>1</sup>	89	601	4	30 <sup>1</sup>	299	299	299	299	299	299	299	299	299	299	299
	614	3,449	936	4,335 <sup>1</sup>	1,050	4,068 <sup>1</sup>	732	4,398 <sup>1</sup>	66	664	3,398	3,398	3,398	3,398	3,398	3,398	3,398	3,398	3,398	3,398	3,398

## Kenyataan Pemberian benih, baja, rachun, kachang tutup bumi, kawat dan lain2

Tahun	Benth Colonial Stump Bl.	Budwood Ela	Tens	Baja C.wts	Barang2 Pagar Kawat Berdiri (Guleng)	Dawai mata pinai (Guleng)	Rachun 245-T (4 gal. lin)	Kachang Tutup bumi (Pan)	Benth2 lain (Pan)	Benth lain (Pan)	Dalipen (Pan)	Lissap1-N (Pan)
1961	223,430	13,715	1,239	02 <sup>1</sup>	—	—	53 <sup>1</sup>	535	307	9,330	9,330	6,440
1962	220,890	22,380	1,396	19	—	—	63 <sup>1</sup>	1,723	213	13,760	13,760	8,180
1963	361,060	41,937	2,488	19	—	—	681	1,518 <sup>1</sup>	700	29,995	29,995	11,122 <sup>1</sup>
1964	242,194	41,803	3,020	18	61	18	704	1,902	47,640	47,640	47,640	24,800
1965	64,393	8,976	1,012	19 <sup>1</sup>	127	20	477	488	834	8,295	8,295	5,680
(Jan-May)	1,111,967	128,811	9,158	17	188	38	3,017	6,262 <sup>1</sup>	3,956	108,120	108,120	46,222

# ***perhutanan***

---

## **Pendahuluan**

Negeri Pahang ada-lah negeri yang terbesar sa-kali dalam Semenanjong Tanah Melayu dan mempunyaï kawasan hutan yang amat luas, dan mengandungi beberapa ba-han2 kayu yang boleh di-usahakan. Pada beberapa tahun yang lampau hutan belantara dalam negeri Pahang ini ada-lah biasa di-anggap sa-bagai satu perkara yang di-pandang rendah oleh orang2 ramai, tetapi sejak sa-tahun dua ini, kawasan2 hutan ini telah di-anggapkan sa-bagai satu hasil-bumi yang berkeemasan dan dengan itu telah menjadi tumpuan bagi beberapa perengkat ra'ayat untuk mendapatkan mata pencharian dan juga kekayaan. Penting-nya perhutanan kapada negeri ini boleh-lah di-saksikan daripada pendapatan hasil hutan yang berjumlah \$6,926,598 bagi tahun 1964. Angka ini ada-lah kira2 30 peratus dari jumlah hasil pendapatan bagi negeri ini dalam tahun itu.



## **Tujuan Perhutanan**


Sa-belum mengkaji dan menghuraikan kemajuan2 yang telah di-chapai dalam masa tahun 1961 hingga tahun 1965, ada-lah di-fikirkan mustahak di-terangkan dengan serba rengkas berkenaan tujuan Perhutanan dalam negeri ini. Apabila di-tentukan tujuan-nya maka dasar pun di-bentok dan kerja2 yang menunjukan arah kemajuan itu ada-lah ber-kisar atas satu2 dasar yang di-bentok itu. Dasar perhutanan yang menjadi panduan bagi Jabatan Hutan untuk menjalankan tadbiran-nya ada-lah di-rengkaskan saperti berikut:

- (i) Kerajaan menentukan kawasan2 hutan yang di-fikirkan chukop luas dan se-baran-nya guna:
  - (a) di-jadikan kebun2 kayu (Hutan Simpan) supaya dapat menjamin keperluan ra'ayat akan bahan2 kayu yang tidak berkeputusan;

- (b) di-jadikan kawasan hutan lindongan (protective), ia-itu hutan yang menjamin kedaan hawa yang baik (sederhana), ayer yang bersih dan chukop untok keperluan manusia sama-ada di-lapangan kegunaan rumah-tangga (domestic), atau pertanian dan perusahaan. Hutan2 sa-rupa ini ada-lah juga penting dari segi menahan mala-petaka akibah hakisan bumi.

## Kerajaan

- (ii) Kerajaan mengadakan Ranchangan kerja (Working Plans) yang menjadi asas pemeliharaan hutan di-(i) (a) supaya hasil hutan itu dapat di-perolehi oleh ra'ayat dengan tidak berputusan.
- (iii) Kerajaan menjalankan kerja2 silvikalchar, ia-itu kerja memulehkan hutan2 yang telah di-keluarkan pokok2 yang besar supaya di-ganti dengan tumboh2 kayu yang lebuh baik mutu-nya dan sa-terus-nya meninggikan kandongan isi hutan itu.
- (iv) Di-negeri Pahang ini kawasan hutan negara (State Land) ada-lah amat luas. Dasar Kerajaan ada-lah untok memperjimatkan pengeluaran kayu dari kawasan2 ini supaya dapat di-usahakan dengan nilai yang berharga.
- (v) Mengadakan undang2 supaya keselamatan hutan2 itu dapat senantiasa di-pe-lihara.




Gergaji membelah kayu2 balak yang di-gunakan dalam kilang papan.

Sa-orang pembalak sedang bekerja menebang pokok yang amat besar dengan menggunakan gergaji ber-injin. Gergaji sa-macham ini ada-lah merengkaskan dan menyenangkan kerja2 membalak.



*Gambar menunjukkan kayu2 balak sedang di-muatkan ka-dalam satu pengangkutan untuk di-ekspor ka-luar negeri.*





Kayu2 balak di-bawa keluar daripada kawasan2 pendalam mengikut sungai2 saperti di-dalam gambar ini.

#### Jumaah Bandaran

Berpuloh2 lori membawa kayu balak berderet menunggu gelaran untuk di-pereksa oleh Pegawai Jabatan Hutan. Pemandangan ini sentiasa kelihatan di-setehan2 Memereksa Barang2 Hutan dalam negeri ini.



## **Luas Hutan**

Dengan berpandukan dasar2 yang di-terangkan di atas, Kerajaan telah menentukan kira2 3,300 batu persegi hutan simpan dan di-antara ini kira2 1,640.340 ekar ada-lah di-fikirkan berkhazanah dan di-buka tiap2 tahun sa-banya lebuh kurang 23,380 ekar untuk di-balak mengikut satu putaran sa-lama 70 tahun. Sa-lepas satu2 kawasan hutan simpan



itu di-balak kerja memelihara anak2 kayu yang berguna untuk mendirikan satu hutan yang baik di-kemudian hari di-jalankan terus dengan mutalamat untuk mengeluarkan khazanah kayu dengan tidak berputusan. Di-samping hutan2 simpan tadi juga di-dapati kira2 2,000,000 ekar hutan tanah negara (State Land) yang kira2 sa-paroh mengandungi kayu yang boleh di-perniagakan. Kerja memelihara hutan tidak di-perlukan dalam hutan2 ini saperti yang di-jalankan dalam Hutan2 Simpan. Biasa-nya hutan2 ini, apabila sudah di-balak, akan di-buka untuk di-usahakan bagi pertanian dan lain2 perusahaan.



*Jentera ada-lah di-gunakan sekarang ini oleh pekerja2 untuk menarik kayu2 balak keluar daripada hutan.*

## **Kemajuan2 yang telah di-chapai**

Kemajuan yang sangat menarik hati dalam lapangan perhutanan bagi tahun 1961-1965 ada-lah berkaitan dengan perusahaan membalak. Di-dalam jadual di-bawah di-tarangkan perangkaan yang menunjukkan kemajuan yang telah tercapai dalam perusahaan membalak dalam tahun 1961-1965.

### **Pengeluaran Kayu Negeri Pahang, 1961-1965**

Tahun	A. Dari Hutan Simpan		B. Dari Hutan Negara (State Land)	
	Isi Padu (Volume) Cubic Feet.	Anggaran jumlah Kawasan yang di-balak.	Isi Padu (Volume) Cubic Feet.	Anggaran Kawasan yang di-balak.
1961	3,568,600	7,000 ekar	15,190,500	51,000 ekar
1962	4,896,800	9,800 "	18,258,900	61,000 "
1963	4,889,800	9,800 "	23,173,500	77,000 "
1964	5,808,843	11,600 "	26,617,812	88,000 "
1965	9,607,457	19,200 "	31,765,372	105,800 "
		57,400 ekar		382,800 ekar

Perangkaan di-atas ada-lah menerangkan dengan jelas-nya kemajuan yang telah di-chapai dalam lapangan membalak dalam masa 5 tahun yang lepas. Bagi perusahaan membalak dalam kawasan hutan simpan, dalam tahun 1961 hanya kira2 1/3 sahaja dari jumlah luas yang boleh di-usahakan telah dapat di-laksanakan, tetapi manakala pada akhir tahun 1965 kira2 habis jumlah kawasan chatuan tebang tahunan bagi Hutan Simpan telah dapat di-buka. Dalam kawasan hutan negara pula pembukaan hutan telah meningkat naik dari 51,000 ekar dalam tahun 1961 ke-105,800 ekar dalam tahun 1965. Ini bermaana pembukaan telah berlipat ganda dalam masa 5 tahun. Dalam tempoh 5 tahun ini jumlah 382,800 ekar tanah negara telah di-buka untuk di-balak. Jika angka ini di-champorkan dengan angka pembukaan dari tahun 1955 ke-tahun 1960 maka jumlah besar kawasan hutan negara yang telah di-buka ada-lah kira2 629,800 ekar. Pada masa sekarang tanah negara yang mengandungi hutan ada-lah kira2 2,000,000 dan kira2 sa-paroh dari angka ini ada-lah sama-ada berpaya atau pun berbukit tinggi. Jadi luas kawasan tanah negara yang boleh di-balak hanya tinggal kira2 300,000 ekar sahaja lagi.



Pemandangan kawasan hutan yang di-pelihara di-manapun di-dapat lebih banyak pokok daripada kawasan2 hutan yang tidak di-pelihara.

Pembukaan hutan yang sa-bagitu luas ada-lah di-bolehkan dengan ada-nya kemudahan2 seperti jalan2 luar bandar yang di-bena oleh kerajaan di-merata2 tempat di-negeri ini. Pelesen2 juga ada membena jalan2 membalak mereka masing2. Alat2 membalak telah kebanyakannya berchorak jentera, sa-bagai tractor2, lori2 winch dan gergaji2 ber-injin. Ini telah membolehkan kerja membalak di-jalankan dengan giat dan sa-chara besar. Juga beberapa ranchangan pembangunan luar bandar telah di-lancharkan oleh kerajaan dan ini memerlukan hutan2 di-tebang terang dan oleh itu menambah pembukaan kawasan membalak dalam hutan2 negara.

Berikutnya dengan pembukaan hutan ini dengan sa-mesti-nya hasil2 chukai dari pengeluaran balak2 telah meningkat tinggi. Angka2 di-bawah ada-lah menerangkan dengan jelas-nya keadaan yang demikian.

### Hasil Hutan 1961-1965

Tahun	Jumlah Hasil
1961	\$3,977,767.00
1962	\$4,959,654.00
1963	\$5,585,344.00
1964	\$6,927,252.00
1965	\$8,682,810.00

Dalam masa 5 tahun dari tahun 1961 hasil pendapatan dari hutan telah meningkat naik kira2 3 kali ganda dan ini ada-lah di-anggap satu kemajuan dan di-perchaya'i telah dapat membereskan perbelanjaan kerajaan dalam beberapa lapangan pembangunan.

## **Penchamporan Bumiputra**

Sa-laras degan dasar kerajaan menggalakan orang2 bumiputra menchampori dalam lapangan perusahaan perkayuan, kerajaan telah memberi beberapa kemudahan istemewa pada orang2 bumiputra untuk mengambil tempat dalam perusahaan ini. Pada awal tahun 1961 bilangan Bumiputra yang mendapat lesen membalak hanya 43 orang atas kawasan luas-nya berjumlah 31,410 ekar berbanding dengan orang2 bukan bumiputra yang bilangan-nya sa-banyak 56 orang atas kawasan berjumlah 53,965 ekar. Penchamporan Bumiputra pada tahun itu hanya-lah lebeh kurang 37%. Tetapi kira2 pada akhir tahun 1965, bilangan Bumiputra yang mendapat lesen telah meningkat sampai 206 orang atas kawasan2 berjumlah 133,259 ekar berbanding dengan 128 orang bukan bumiputra atas kawasan berjumlah 118,697 ekar. Ini berma'ana penchamporan bumiputra telah meningkat dari 37% (1961) ka-53% dalam 1965. Sungguh pun telah di-ketahu'i penchamporan ini terhad pada nama2 mereka di-lesen sahaja, tetapi Kerajaan berazam tinggi untuk memperbaiki keadaan yang mendukachitakan ini di-masa akan datang.


## **Kemajuan dalam Pemulehan Hutan (silbikalchar)**

Sa-bagaimana di-terangkan di-atas, kawasan hutan simpan yang di-tebang itu adalah di-jalankan kerja silbikalchar untuk membolehkan keadaan dan memelihara anak2 kayu jenis yang berguna supaya dapat mendirikan hutan yang lebeh baik mutu-nya kelak. Dalam lapangan ini kemajuan tidak-lah memuaskan kerana dari jumlah kira2 23,000 ekar luas kawasan yang mesti di-pulehkan tiap2 tahun luar yang telah dapat di-puleh pada tiap2 tahun ada-lah seperti berikut:

1961	3,801½	ekar
1962	4,421½	"
1963	6,865	"
1964	6,169	"
	—	

Keadaan ini boleh-lah di-katakan merunsingkan dan kerajaan berazam untuk mengatasinya dengan sa-chepat mungkin.

*Chontoh sa-buah rumah murah di-perbuat dari kayut2 yang telah di-masukan obat menahan repot dan serangan serangga.*





Satu pemandangan keadaan hutan asli.

## **Kemajuan di-lapangan Penggunaan Kayu (Timber Utilisation)**

Sa-lain dari kemajuan2 di-perolehi dalam lapangan membalak, kemajuan2 telah juga di-buat di-lapangan penggunaan kayu. Bilangan kilang papan telah meningkat dari 60 dengan jumlah mata geraji 123 meja dalam tahun 1961 ka-1964 dengan jumlah mata geraji 161 meja. Ada antara-nya beberapa kilang yang mempunyai alat2 yang moden telah di-dirikan dan dengan ini dapat menyelamatkan penggunaan kayu negeri ini. Juga dalam masa ini enam buah kilang mengobat kayu telah di-dirikan di-merata negeri ini. Lapangan perusahaan ini telah memboleh meninggikan mutu kayu yang biasa-nya tidak boleh tahan lama apabila di-gunakan. Ini dengan chara tidak langsung telah membolehkan pembentangan rumah2 murah dalam ranchangan luar bandar kerajaan, landasan2 keretapi, jambatan2 kayu di-luar2 bandar dan lain2.

Demikian-lah serba lengkap penerangan atas kemajuan2 yang telah di-jalankan oleh Jabatan Hutan di-dalam gelanggang pembangunan dan kemajuan negara.


## ***perkhidmatan kebaikan***

---

**P**ERKHIDMATAN Kebajikan 'Am yang berjalan di-negeri ini di-bawah jagaan Pegawai Kebajikan Masharikat Negeri ada-lah berjalan dengan kerjasama dan bersefahaman dengan pejabat2 yang lain. Sa-lain daripada itu kerjasama dengan badan2 sukarela, orang ramai, majikan dan sa-terus ada-lah di-perlukan.

### ***Orang yang Meminta Pertolongan***

Orang2 yang biasa-nya meminta pertolongan ia-lah mereka2 yang tidak lagi dapat berdiri di atas kaki-nya sendiri sa-bagai satu yunit di-dalam satu masharakat. Kerana sebab2 yang tertentu maka mereka2 ini telah menjadi tanggong jawab kapada masharakat. Sebab2-nya mereka ini menjadi tanggong jawab bersama ia-lah:—




*Kanak-Kanak di-Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan sedang belajar dan mereka mendapat didekan yang sempurna di-Rumah ini.*

Pertama kerana mereka tidak lagi upaya di-sebabkan oleh sakit, termasok-lah sakit otak atau sebab2 yang lain.

Ka-dua bukan kerana sebab mereka itu sendiri bahkan kerana merusut keseluruhan-nya ekonomi satu2 negeri itu dalam mana sa-saorang itu tidak ada mata pencharian sunggoh pun ia mahu dan boleh bekerja.

*Ahli2 Pertubuhan Belia bergotong royong membersihkan jalan*





Ahli2 Pertubuhan Belia sedang sebok bergotong royong mendirikan sa-buah rumah untuk kelab mereka.

### **Tugas yang di-jalankan**

Tugas utama yang di-jalankan ia-lah untuk memuleh sa-mula orang2 yang telah jatoh dalam gulongan apa yang di-katakan "tanggong jawab" masharakat. Tugas ini teramat-lah sukar kerana tiap2 orang itu ada kesulitan-nya yang bersendirian. Ini ada-lah di-sebabkan oleh faktor2 yang tertentu mithal-nya, berlainan ugama, didekan dan sa-bagaimanya. Hendak memulehkan sa-mula mereka itu ada-lah teramat sukar dan berkehendakan pengalaman dalam taknik pekerjaan sosial. Bantuan wang yang di-berikan oleh Pejabat ini tidak dengan sendiri-nya boleh menghapuskan segala kesulitan satu2 keluarga. Walau bagaimana pun bantuan ini satu daripada chara kita boleh menolong mereka. Tugas yang memberi kesan sa-kali ia-lah mengubah chorak mereka.

Dengan sebab2 di atas maka dasar yang di-jalankan bagi menolong orang2 persa-orangan.

## **Pertolongan Persaorangan**

Dalam tahun 1961 sa-hingga tahun 1965 pertolongan yang berupa nasihat dan tunjuk ajar dengan chara pengertian yang mendalam telah di-beri saperti angka di-bawah ini:—

Tahun	Bilangan Kes.	Bantunan 'Am	Bantuan Sekolah
1961	361	\$ 48,885.00	\$10,000.00
1962	1,124	\$ 55,000.00	\$10,000.00
1963	1,412	\$ 72,954.00	\$15,000.00
1964	1,862	\$100,000.00	\$25,000.00
1965	1,894	\$132,000.00	\$56,000.00

*Orang2 buta di-Taman Harapan, Temerloh menunjukkan bahawa mereka pun boleh bekerja sa-bagai orang biasa. Keladang, mithal-nya!*






Orang2 buta di-Taman Harapan, Temerloh sedang belajar menganyam bakul rotan. Guru yang mengajar mereka itu pun ia-lah sa-orang buta juga.

## Perkhidmatan Kanak2

Dalam bulan Mach tahun 1964 Rumah Kanak2 Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan telah di-resmikan pembukaan-nya oleh DYMM Sultan Pahang. Rumah ini boleh menempatkan 100 orang kanak2. Pada masa ini ada 50 orang kanak2 sahaja.

Sa-lain daripada memberi perkhidmatan kanak2 di-sa-buah rumah, pejabat ini juga berkhidmat menyelanggarakan kanak2 mengikut undang2. Pada penghujung bulan September ini ada 91 kes sa-umpama ini dalam jagaan pejabat ini. Sa-hingga hari ini ada 604 kes yang telah di-daftarkan di-bawah undang2. Jumlah kes yang di-siasat daripada tahun 1961-1965 ia-lah 304 kes.




Orang<sup>2</sup> buta belajar menulis, membucha dan menaip sa-chara "Brill".



"Taman Harapan" Pusat Latihan bagi orang<sup>2</sup> buta. Taman Harapan ini letaknya Kira<sup>2</sup> 2 batu daripada bandar Temerloh.

Bilek tidor di-Rumah Kanak2 Tengku Ampuan Fatimah. Kuantan.



Gambar menunjukan kanak2 Islam di-Rumah Kanak2 Tengku Ampuan Fatimah sedang mengikuti pelajaran Ugama Islam oleh seorang guru sukarela.



## **Perkhidmatan Belia**

Pada hari ini ada 94 kelab belia dalam Negeri Pahang yang mempunyai 5,240 orang ahli.

## **Perkhidmatan Akhlak**

Tugas yang di-jalankan ia-lah bagi membolehkan sa-mula akhlak budak2 yang telah melanggar undang2 yang telah di-hukum oleh Mahkamah Kanak2. Mereka itu ada-lah di-hantar ka-Sekolah Akhlak atau di-jaga oleh Pegawai Akhlak dengan kerjasama ibu bapa mereka sendiri.

Pada hitung panjang 30 kes ada dalam jagaan pada tiap2 bulan.

## **Perkhidmatan Chachat Chedera**

Pendaftaran orang2 chachat telah juga di-jalankan dengan tujuan hendak memberi latihan dan sa-bagai-nya kapada mereka. Yang telah di-daftarkan ada-lah seperti berikut:—

1. Buta	485 orang
2. Chachat Anggota	208 orang
3. Pekak dan Bisu	83 orang
4. Lemah otak	18 orang


Dalam Negeri Pahang ada sa-buah Pusat Latehan yang di-namakan Taman Harapan untuk melatih orang buta dalam pertanian, ternakan dan lain2. Jumlah orang2 yang telah berlatih pada hari ini ia-lah 19 orang dan 3 orang sedang di-lateh.

Sa-lain daripada itu kerja2 menyeliakan kanak2 pergi ka-sekolah Orang2 Chachat di-Sekolah Putri Elizabeth, Cheras. Sekolah Orang2 Buta St. Nicholas Pulau Pinang. Sekolah Persekutuan untuk Orang2 Pekak Pulau Pinang dan lain2 Sekolah Orang2 Chachat ada-lah juga di-jalankan oleh Pejabat ini. Kerja2 tunda bagi kanak2 yang telah di-lateh telah juga di-uruskan.

## **Rumah Orang Tua Sukarela**

Dalam Negeri ini ada 7 buah Rumah Orang2 Tua. Hitung panjang ada 100 orang tua dalam jagaan seperti berikut:—

1. Rumah Orang Tua, Gambang	13 orang
2. Rumah Orang Tua, Sungai Loi	8 orang
3. Rumah Orang Tua, Karak	9 orang
4. Rumah Orang Tua, Bentong	45 orang
5. Rumah Orang Tua, Kwangsai, Bentong	15 orang
6. Rumah Orang Tua, Kemanyan	4 orang
7. Rumah Orang Tua, Sempalit	7 orang



Kanak2 di-Rumah Kanak2 Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan kelihatan gumbira bekerja di-kebun dalam kawasan rumah itu.

## ***sharikat kerjasama***

---

**A**DA pun perjalanan dan tujuan2 Kemajuan Kerjasama ada-lah saperti berikut:—

- (i) Menchadang dan menggalakan perkembangan Pergerakan Kerjasama.
- (ii) Hendak meninggikan taraf hidup Ra'ayat di atas chara perkumpulan mengikut dasar Sharikat2 Kerjasama yang tertentu.
- (iii) Hendak mengeratkan pertubohan2 yang mustahak bagi mengadakan pinjaman yang murah dan berkawal kapada Penanam2 Padi dan lain2 Pa' Tani dengan tujuan hendak melepaskan mereka daripada chengkaman Lintah2 Darat.
- (iv) Menubohkan lebeh banyak lagi Sharikat2 Pasaran supaya harga barang2 yang di-keluarkan oleh Pa' Tani2 dapat di-tentukan.
- (v) Menubohkan lebeh banyak lagi Sharikat2 Pengguna atau Kedai oleh Pa' Tani2 supaya semua barang2 keperluan hidup mereka dapat di-perolehi dengan harga yang berputatan.



Pada hari ini banyak keterangan2 telah menunjukan ia-itu pergerakan Kemajuan Kerjasama ada-lah memasuki satu masa perkembangan yang tidak pernah di-rasai di-dalam tawarikh-nya lebuh kurang 100 tahun yang lampau. Masa perkembangan yang baharu itu boleh di-katakan mulai semenjak tamat-nya peperangan Dunia yang Kedua, apabila manusia menchari jalan yang lebuh elok dan baik bagi Kemajuan Masharakat, dan kemajuan ada-lah makin sa-hari makin bertambah semenjak itu. Ada-lah sa-paroh abad yang kedua puloh ini akan menjadi masa hidup mengikut chara2 Kerjasama. Ahli2 Shari-kat2 Kerjasama di-seluruh Dunia ini ada-lah dengan tulus ikhlas-nya berchita2 ka-arah ini.



Bangunan kepunyaan Sharikat Jimat Chermat dan Pinjaman Wang Kaki-tangan  
Kerajaan Pahang.

Sharikat Kampung Jimat Chermat dan Pinjaman Wang Kaum Ibu Kerdau,  
Tenyerloh. Ahli2 Sharikat itu sedang  
bermeshuarat dan Pegawai Sharikat  
Kerjasama ada bersama2 untuk mem-  
berikan nasihat2 yang di perlukan.





Salah sa-buah daripada kereta2 taxi Sharikat kaenderaan Negeri ini.

Dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar Pergerakan Kerjasama sudah pun di-terima sa-bagai satu alat yang boleh di-katakan berkesan bagi meninggikan taraf hidup penduduk2 Luar Bandar. Pergerakan Kerjasama boleh juga meninggikan taraf hidup penduduk2 Dalam Bandar. Tujuan Pergerakan sa-bagaimana juga tujuan Pembangunan Luar Bandar, ia-lah mengelokkan keadaan hidup ra'ayat khasnya penduduk2 Luar Bandar di atas chara perkumpulan mengikut dasar2 dan amalan2 Kerjasama yang tertentu. Terchapanya chita2 itu berm'aana tinggi taraf hidup bukan sa-orang berdua manusia atau pun sa-gulongan daripada ra'ayat tetapi semua ra'ayat baik di-Luar Bandar mahu pun di-Dalam Bandar.

Pergerakan Kerjasama telah di-perkenalkan di-Negeri ini lebuh kurang 40 tahun yang lampau dan Jabatan Kemajuan Kerjasama telah dan sedang menggalakkan ra'ayat Negeri ini baik di-Luar mahu pun di-dalam Bandar menubohkan Sharikat2 Kerjasama. Telah difikirkan ia-itu sangat mustahak di-tubohkan Sharikat2 bagi menyimpan wang dan meng-adakan tempat2 pinjam wang dengan faedah yang murah, bukan sahaja melepaskan ra'ayat —Pa' Tani2, Nelayan2 dan lain2—daripada chengkaman Orang2 Tengah, tetapi membolehkan mereka mengelokkan chara2 pengeluaran dan pasaran. Sa-kira-nya faedah2, hasil daripada menggunakan chara2 moden hendak berkekalan di-sisi penduduk2 Luar Bandar, maka chara2 pengeluaran dan pasaran yang terator hendak-lah juga di-urus dan di-jalan. Sa-lain daripada itu ada-lah mustahak di-dirikan Sharikat2 Pengguna atau Kedai Kerjasama bagi menjamin kuasa membeli yang tinggi kapada pendapatan ra'ayat—Pa' Tani2 dan Nelayan2—yang berlebeh itu.

Dalam tahun 1963 dasar Jabatan Kemajuan Kerjasama telah berubah sadikit ia-itu daripada menggalakkan penubohan lebuh banyak lagi Sharikat2 Kerjasama kapada mempermiskan dan memperkuatkan perjalanan Sharikat2 yang lemah perjalanan-nya. Walau pun bagitu penubohan Sharikat2 tidak pula terhenti langsung. Penubohan Sharikat2 terus juga di-jalankan tetapi di-tempat2 di-mana kemahuannya itu datang-nya dari ahli2 itu sendiri.

Bilangan Sharikat2 Kerjasama pada masa ini di-dalam dan di-luar bandar di-cham-porkan kedua2-nya sa-kali berjumlah 112 Sharikat di-bandingkan dengan 90 buah pada akhir tahun 1962. Bagitu juga jumlah ahli2 telah bertambah daripada 10,018 orang di-akhir tahun 1962 kepada 12,643 orang di-akhir2 tahun 1964. Modal Bahagian yang telah terkumpul di-akhir tahun 1964 ada-lah sa-banyak \$2,406,504 berbanding dengan sa-banyak \$1,749,113 pada 31hb Disember, 1962.

## **Sharikat Kampong Jimat Chermat dan Pinjaman Wang**

Sharikat Kampong Jimat Chermat dan Pinjaman Wang ia-lah sa-benar-nya Bank Kampong atau Bank Ra'ayat yang di-punyai oleh ahli2-nya, di-uruskan oleh ahli2-nya bagi faedah ahli2-nya. Sharikat jenis ini ada-lah sangat2 di-galakan dan juga di-gemari oleh pendudok2 Luar Bandar. Tujuan utama Sharikat jenis ini ia-lah hendak membaiki iktisad dan masharakat ahli2-nya atas asas bantu membantu dan kerjasama dengan:—


- (i) menggalakan ahli2-nya berjimat chermat serta mengumpul modal.
- (ii) mengadakan satu tempat di-mana ahli2-nya boleh mendapat pinjaman wang murah dan senang.

Penubohan sharikat jenis ini di-antara pendudok2 Luar Bandar ada-lah langkah yang pertama bagi mendurangkan ra'ayat Luar Bandar menukar chorak hidup mereka yang kuno kepada yang moden dan lebuh bermula'ana.

Bilangan Shariat jenis ini dalam tahun 1965 ia-lah 51 buah berbanding dengan 46 buah di-akhir tahun 1962. Pada 31hb Disember, 1964 bilangan ahli berjumlah 1905 orang berbanding dengan 1638 orang pada 31hb Disember, 1962—meningkat sa-ramai 267 orang sahaja dalam tempoh 3 tahun. Bilangan ahli2 ini ada-lah sangat kecil jika di-bandtingkan dengan beratus ribu ra'ayat Luar Bandar yang maseh lagi malu dan segan hendak masok ka-dalam keluarga kerjasama. Jumlah modal yang terkumpul pada 31hb Disember 1964 ada-lah sa-banyak \$87,537.00 berbanding dengan \$70,524.00 pada 31hb Disember, 1964. Jumlah pinjaman di-beri kepada ahli dalam 3 tahun—1962-1964 ia-lah \$88,359.00.

Sharikat jenis ini yang terbaik sa-kali dalam Negeri Pahang pada masa ini ia-lah Sharikat Kampong Kaum Ibu Kerdau, Temeloh. Di-daftarkan pada 9hb Julai, 1962 ia-itu sedang berusia tiga tahun telah mendapat kejayaan yang chemerlang. Ahli2 yang ada sa-ramai 38 orang terdiri daripada kaum tani telah berusaha bersunggoh2 dengan tekun-nya mengamalkan ajaran2 kerjasama ia-itu tidak lain ia-lah berjimat chermat. Hasil dari pada tekun mereka berjimat chermat itu telah terkumpul modal pada masa ini sa-banyak \$3,500/- Amalan berjimat chermat ini telah di-perbuat oleh ahli2-nya pada tiap2 bulan tidak kira hujan atau panas. Semangat ini telah masok dalam darah daging mereka dan di-harapkan akan berkekalan dan di-turunkan pula kapada anak dan chuchu mereka yang akan datang. Jumlah pinjaman yang telah di-beri kepada ahli2-nya semenjak Sharikat ini di-daftarkan ia-lah \$7,000/- dan kegunaan pinjaman2 itu ada-lah bagi mendatang laba dan mustahak.

*Salah satu daripada 17 buah Sharikat Kilang Padi yang ada dalam Negeri Pahang.*



## **Sharikat Jimat Chermat dan Pinjaman Wang Dalam Bandar**

Sharikat Jimat Chermat dan Pinjaman Wang Dalam Bandar khasnya di-dirikan di antara pegawai2 Kerajaan telah di-jalankan dalam Negeri ini sa-belum peperangan Dunia yang kedua lagi dan dengan sebab itu Sharikat jenis ini tidak bertambah bilangan-nya dan maseh ada 5 buah juga. Kesemua Sharikat2 itu berjalan di atas kaki-nya sendiri dengan baik dan memuaskan.

Bilangan ahli2 pada 31hb Disember, 1964 berjumlah 5,347 orang berbanding dengan sa-ramai 3,591 orang pada 31hb Disember, 1962. Dalam tiga tahun ini ahli2 bertambah sa-ramai 1,756 orang. Boleh di-katakan 99.9% Pegawai2 Kerajaan dalam Negeri Pahang masok menjadi ahli Sharikat jenis ini.

Pada 31hb Disember, 1962 modal yang telah terkumpul ada-lah sa-banyak \$1,497,026.00 tetapi pada 31hb Disember, 1964 jumlah modal ini telah meningkat ka-angka \$2,166,692.00. Jumlah pinjaman yang telah di-beri kepada ahli2-nya dalam 3 tahun (1962-1964) ia-lah sa-banyak \$3,748,953.00.

Tiga buah daripada Sharikat2 itu ia-itu Sharikat Jimat Chermat dan Pinjaman Wang bagi Kaki-tangan Kerajaan Pahang, Sharikat Guru2 Melayu Pahang Timor, Kuantan dan Sharikat Guru2 Melayu Pahang Selatan. Temerloh ada mempunya1 bangunan-nya sendiri yang satu2-nya berharga \$113,194.00; \$39,586.00; \$32,619.00.

Sharikat Guru2 Melayu Pahang Selatan, Temerloh telah melangkah sa-tapak lagi dalam usaha-nya, hendak membaiki taraf hidup ahli2-nya dengan membeli sa-bidang tanah sa-luas 9 ekar 1 rood 10 pole di-Mukim Mentakab yang berharga sa-banyak \$36,000/- untuk di-jadikan tapak rumah bagi sa-bagian ahli2-nya.

Untuk mendapatkan kuasa menjual barang2 keperluan hidup kapada ra'ayat yang mana pada masa ini kuasa itu ada-lah di-bolot oleh Kaum2 Pemodal, maka penubohan Sharikat2 Pengguna atau Kedai Kerjasama ada-lah sangat2 di-galakan kapada ra'ayat Negeri ini baik di-Luar mahu pun di-Dalam Bandar.

Pada 31hb Disember, 1962 bilangan Sharikat jenis ini ada sa-banyak 11 buah dan dalam tahun ini bilangan-nya tinggal lagi 9 buah sahaja. Di-antara 9 buah itu 4 ada-lah di-Luar Bandar, 3 Dalam Bandar dan 2 di-antara Kaum China di-Kampong Baru China. Boleh di-katakan perjalanan Sharikat ini tidak-lah sangat memuaskan.

Sharikat Kedai Kerjasama Raub baru2 ini telah pun membuka langkah baru kapada arah memperbaiki keadaan-nya yang muram itu dengan membeli sa-keping tanah lot kedai dalam bandar Raub dan dengan medapat bantuan pinjaman sa-banyak \$45,000/- dari-pada Sharikat Kerjasama Kakitangan Kerajaan Negeri Pahang telah berjaya membina sa-buah bangunan di-mana Sharikat ini berchita2 hendak menjalankan perniagaan-nya.

## **Sharikat Perumahan**


Dalam Negeri Pahang pada masa ini Sharikat Perumahan Kerjasama ada 5 buah di-bandingkan dengan dua buah dalam tahun 1962. Tujuan utama Sharikat2 ini ia-lah hendak membena rumah2 bagi kediaman ahli2-nya. Ramai ahli yang bergerak dalam Sharikat2 Perumahan ini ia-lah 259 orang. Semua Sharikat2 itu sedang berusaha mengumpulkan modal-nya bagi membena rumah2 itu dan modal yang telah terkumpul ada-lah sa-banyak \$59,343/- . Dua daripada Sharikat2 itu telah pun mendapat tanah untuk di-jadikan tapak rumah ahli2-nya.


## **Sharikat Nelayan**

Sharikat2 Nelayan yang mengambil bahagian dalam Ranchangan Membantu Nelayan2 Pantai Timor ada lagi sa-banyak 4 buah di-bandingkan dengan 14 buah dalam tahun 1961. Dalam Ranchangan Membantu Nelayan2 Pantai Timor ini 5 buah Sharikat telah di-beri pinjaman untuk membolehkan mereka membeli alat2 penangkap ikan yang moden sa-banyak \$110,083.77 dan baki pinjaman itu pada masa ini berjumlah \$97,159.62. Faedah yang telah di-bayar oleh Nelayan2 di atas pinjaman itu ia-lah \$23,705.66.

Bagi hendak menjayakan Ranchangan ini Kerajaan Canada telah bermurah hati menghadiahkan di-bawah Ranchangan Colombo 8 buah bilek sejok kapada Sharikat2 Nelayan Kerjasama Pantai Timor untuk memudahkan Nelayan2 itu menguruskan perusahaan perikanan mereka. Di-taksirkan ia-itu harga bilek2 sejok itu ia-lah lebuh kurang \$2 million dan satu daripada bilek2 sejok itu ada-lah di-tempatkan di-Kuantan.

*Sharikat teksi Roda Tiga Kuantan. Ahli2-nya bergambar ramai serta dengan teksi2 roda tiga masing2.*





## **Sharikat Kilang Padi**

Untuk mendatangkan hasil yang penoh dan lebeh berma'ana dari titik peloh penanam2 padi, mereka bukan sahaja di-galakan mempunyai dan mengawal faktor2 pengeluaran saperlai tanah, modal dan lain2 tetapi juga di-galakan lebeh2 lagi mempunyai dan mengawal faktor2 "processing" bahan2 yang di-keluarkan oleh mereka sa-umpama kilang padi. Bagi memberi peluang kapada seluroh penanam2 padi mempunyai dan mengawal faktor2 itu untuk memproseskan bahan2 yang di-keluarkan oleh mereka, maka tidak ada jalan lain bagi mereka malainkan dengan jalan Sharikat2 Kerjasama. Dengan sebab itu-lah penanam2 padi di-galakan sangat2 masok menjadi ahli Sharikat Padi di-mana Sharikat itu berada dan di-galakan kapada penanam2 padi menuhukan Sharikat Kilang Padi Kerjasama di-mana tidak ada.

Ada pun maksud dan tujuan2 Sharikat jenis ini ia-lah hendak meninggi dan memajukan muslihat kehidupan ahli2-nya dengan jalan membuka perniagaan berhubong dengan pemasaran dan mengilang padi dan menjual beras mengikut rukun2 dan dasar kerjasama.



Jawatan Kuasa Sharikat Kerjasama Kampong Ketam sedang bermeshuarat.

Pada tarikh ini Sharikat2 Kilang Padi Kerjasama dalam Negeri Pahang ada-lah sa-banyak 17 buah di-bandingkan dengan 9 buah sahaja dalam tahun 1962. Bilangan penanam2 padi yang menjadi ahli Sharikat2 jenis ini ada-lah sa-banyak 1,500 orang di-bandingkan dengan 1,293 orang dalam tahun 1962. Modal Sharikat2 itu pada masa ini berjumlah \$42,820.00 di-bandingkan dengan \$33,969.00 dalam tahun 1962—ia-itu lebih \$8,851.00 dalam tempoh tiga tahun. Lembaga Penanam Padi Negeri Pahang telah juga memberi pin-jaman sa-banyak \$9,000/- dengan mengenakan faedah 3% sa-tahun kapada 3 buah Sharikat untuk menambah modal Sharikat itu bagi membolehkan mereka membeli jentera2 yang di-perlukan bagi sa-sa-buah Sharikat Kilang Padi.

Banyak padi yang di-kisar bagi 3 tahun (1962–1964) berjumlah 32,184 pikul dan upah mengilang yang di-perolehi ada-lah sa-banyak \$48,276/-. Sa-banyak 9,921 pikul dedak telah di-jual dan harga-nya ia-lah \$36,485.00.

## **Sharikat Ternakan**

Sharikat Ternakan Kerjasama pada hari ini ada sa-banyak 5 buah di-bandingkan dengan 6 buah pada akhir tahun 1962.

Bilangan ahli pada akhir 1962 ia-lah sa-ramai 234 orang dan pada masa ini jumlah ahli2 tinggal lagi sa-ramai 107 orang. Modal Sharikat2 itu berjumlah \$17,953.00 di-akhir 1962 dan pada 31hb Disember, 1964 modal Sharikat2 itu tinggal lagi \$6,807.00.

## **Sharikat Menjayakan Tanah**

Saperti akhir tahun 1962 bilangan Sharikat2 Menjayakan Tanah maseh juga lagi 3 buah. Bilangan ahli2 ada-lah sa-banyak 68 orang dan modal yang telah terkumpul adalah sa-banyak \$10,580.00. Hanya Sharikat Kerjasama Kebun Getah Chenor sahaja yang nampak berjaya. Dalam 3 tahun ini (1962–1964) Sharikat ini berjaya mengeluarkan getah sa-banyak 199 pikul dan nilaiang harga-nya ada-lah \$21,445.82. Sharikat ini telah pun berjaya mengeluarkan keuntungan atas modal kapada 45 orang ahli-nya sa-banyak \$1,602.60 sa-hingga tahun 1962. Untuk membesarakan lagi perniagaan-nya Sharikat ini telah pun me-mohon tanah Kerajaan sa-luas 100 ekar tetapi belum lagi mendapat kelulusan.

Sharikat Menjayakan Tanah Kampong Som dan Sharikat Menjayakan Tanah Kampong Beserah telah juga masing2 mendapat tanah sa-luas 78 ekar dan 190 ekar, tetapi dengan sebab kekurangan modal, maka tanah2 itu belum lagi dapat di-jayakan.

## **Sharikat2 Balak**

Sharikat jenis ini ada dua buah pada masa ini ia-itu Sharikat Balak Simpang Pela-nai Bentong dan Sharikat Balak Talam Raub. Bilangan ahli2-nya ada-lah sa-banyak 113 orang dan modal yang telah terkumpul berjumlah \$5,093.00.

Dalam masa tiga tahun (1962–1964) Sharikat Balak sahaja telah berjaya mengeluarkan kayu balak 3,476.78 tan dan komishen yang di-terima oleh Sharikat daripada jualan kayu itu berjumlah \$24,764.83.

## **Sharikat Kenderaan**

Bagi menggalakan Orang2 Melayu mengambil bahagian dalam lapangan perusahaan dan pengangkutan, maka sa-buah Sharikat Kenderaan dan Pengangkutan Kerjasama bagi seluruh Negeri Pahang telah pun di-daftarkan pada 4hb Mach, 1964. Maka tujuan2 Sharikat ini ia-lah:—

- (i) Mengadakan dan menjalankan perkhidmatan kenderaan taksi dan bas, dan pengangkutan atau sa-barang perkhidmatan yang demikian di-dalam kawasan perjalanan Sharikat ini.

- (ii) Menolong ahli2 di-dalam serba perkara berkaitan dengan pembelian dan pergunaan kereta2 kerana sendiri atau lain2 guna.
- (iii) Mengumpulkan wang untok di-beri pinjaman atau pendahulu kapada ahli2 tera'lok kapada sharat2 yang di-perbuat oleh Jumahah dan di-benarkan oleh Pendaftar.

Sharikat ini sedang giat berusaha membanyakkan ahli2-nya dan juga mengumpul modal-nya. Modal yang telah terkumpul berjumlah \$9,050/- . Sharikat ini telah di-kurangkan 3 buah lesen teksi dan sudah pun berjaya membeli 3 buah kereta jenis Peugeot 404 dan di-tempatkan teksi2 itu di-Sanggang, Temerloh; Jambu Rias, Bentong dan Padang Tengku. Lipis.

### **Sharikat Bank Persatuan**

Bank Persatuan Kerjasama Pahang Barat ia-lah sa-buah sahaja Sharikat jenis ini di-Negeri Pahang. Bank Persatuan ia-lah Shrikat kapada Sharikat2 Kerjasama Luar Bandar khas-nya Sharikat Kampong Jimat Chermat dan Pinjaman wang. Di-antara lain2 tujuan Bank Persatuan ini ia-lah:—

- (i) Menjalankan pekerjaan Bank dan pinjaman.
- (ii) Megawal dan memereksa kira2 Sharikat2 Kerjasama yang telah di-daftarkan.
- (iii) Mengdakan pertolongan supaya memberi pelajaran kapada ahli2 Sharikat itu.
- (iv) Mengadakan ikhtiar2 lain untok memperbaiki pekerjaan dan meluaskan pengguna Sharikat ini.

Ahli2 Bank Persatuan ini yang terbuka kapada Sharikat2 Kerjasama khas-nya di-Luar Bandar berjumlah 27 di-bandingkan dengan 26 di-akhir tahun 1962. Modal bahagian-nya pada masa ini ada-lah berjumlah \$4,900/- berbandingkan dengan \$4,788/- di-akhir2 tahun 1962. Baki pinjaman kapada ahli2 ada-lah sa-banyak \$1,800/- lagi.

### **Kenyataan Perangkaan Kemajuan Sharikat2 Kerjasama Dalam Negeri Pahang 1961-1965**

		<b>1962</b>	<b>1963</b>	<b>1964</b>
Bilangan Sharikat	...	...	90	—
Bilangan Ahli	...	...	10,018	—
Modal Bahagian	...	...	\$1,749,113.00	\$2,267,389.00
Petarohan	...	...	238,724.00	278,939.00
Baki Pinjaman	...	...	1,572,685.00	2,963,078.00
Kumpulan Wang Simpanan	...	...	61,141.00	82,097.00
				107,741.00

## *perkhidmatan pos*

---

DALAM pergolongan Pembangunan Negara yang bermula dengan ranchak pada tahun 1961 di-antara beberapa perkhidmatan2 Kerajaan maka Perkhidmatan Pos ada-lah juga bersama2 berganding bahu memperluaskan perkhidmatan-nya sa-imbang dengan ke-hendak ra'ayat zaman Merdeka ini. Sa-lain daripada usaha menambah bilangan Pejabat2

*Sa-orang Posman sedang menjalankan tugas-nya melawat ka-kampong2 dan ladang2 untuk menyerahkan surat2 kiriman kepada orang2 yang di-alamatkan. Sa-lain daripada itu Posman ini juga ada-lah mengutip surat2 yang di-poskan ka-dalam peti2 surat yang telah banyak di-dirikan di-merata2 kampong.*



Pos Kerajaan telah juga mengadakan Wakil2 Pos dan Pejabat2 Pos Bergerak supaya kawasan2 yang terpencil dapat bersama2 merasai perkhidmatan ini. Kemajuan2 yang telah di-chapai semenjak terlanchar-nya Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ada-lah saperti berikut:—



Sejak tahun 1961 Kerajaan telah melantek sa-banyak 21 Wakil Pos dalam Negeri Pahang. Tiap2 satu memakan belanja sa-banyak \$500.00. Gambar menunjukkan Wakil Pos di-Paya Bongor, Kuantan sedan mengutip surat2 yang telah diposkan oleh penduduk2 kampong itu.

Pekerjaan2 di-Pejabat Pos senantiasa sibok dengan pekerjaan2 mereka sa-hari2 sa-lain daripada menyelanggarakan surat2 kiriman dan menjual setem. Pejabat Pos juga bertanggung jawab berkenaan dengan Wang Simpanan Di-Pejabat Pos, mengeluarkan lesen2 radio dan anjing, menjual tiket2 loteri dan lain2 lagi pekerjaan. Gambar menunjukkan Posman2 di-Pejabat Pos, Kuantan sedang sibok menyusun surat2 kiriman sa-belum surat2 itu di-hantar-ka-alamat2 yang tertulis.





Menyampaikan perkhidmatan Pos ka-kawasan2 perdalaman yang chuma dapat di-hubungi dengan sungai maka Kerajaan telah mengadakan motorbot Pejabat Pos saperit dalam gambar ini bagi Daerah Jerantut dan Pekan.

Di-Tiap2 Daerah dalam Negeri Pahang ini, kechuaui Cameron Highlands, ada mempunyai sa-buah Pejabat Pos bergerak saperit dalam gambar ini. Pejabat Pos bergerak ini menjalankan perkhidmatan2-nya di-kawasan2 luar bandar. Tiap2 satu Pejabat Pos Bergerak ini berharga \$15,000.00.



## Ranchangan Kemajuan Jabatan Perkhidmatan Pos-Pahang 1961-1965

BAHAGIAN	JENIS PERKHIDMATAN	TEMPAT	TAHUN	PERBELANJAAN	KENYATAAN
BAHAGIAN TIMOR	PEJABAT POS	KUANTAN	1961	\$17,000/-	Bahagian belakang bangunan Pejabat Pos di-perbaikan.
"	PEJABAT POS BER-GERAK	"	"	15,000/-	Pejabat Pos Bergerak Kuanian memulakan perkhidmatannya Gambang pada 30.3.1961.
BAHAGIAN TENGAH	"	BENTONG	"	15,000/-	Pejabat Pos Bergerak Bentong memulakan perkhidmatannya pada 1.6.1961.
PERAK	WAKIL POS	KAMPONG RAJA	"	500/-	Sa-buah Wakil Pos baharu telah di-buka.
	PETA SURAT TIANG	KAMPONG RAJA CAMERON HIGH-LANDS HOTEL	"	160/-	Sa-buah peti Surat tiang telah di-pasang.
PERAK	PEJABAT POS	KUALA ROMPIN	"	160/-	"
JOHORE	PEJABAT POS	MENTAKAB	"	48,104/-	Sa-buah Pejabat Pos baharu telah di-diril dan di-buka pada 3.12.1962.
BAHAGIAN TENGAH	PEJABAT POST BER-GERAK	KUALA LIPIS	"	4,710/-	Pejabat Pos Mentakab di-perbaiki.
				15,000/-	Pejabat Pos Bergerak telah memulakan perkhidmatannya di-Kuala Lipis pada 10.7.1962.
BAHAGIAN TIMOR	WAKIL POST	BALOK SUNGAI KERTAM KAMPONG TEMAPOH SEGA KAMPONG TANJONG GENOK	"	500/- 500/- 500/- 500/- 500/-	Sa-buah Wakil Pos telah di-buka.
BAHAGIAN TENGAH	"	JERANTUT	"	"	"
JOHORE	"	"	"	"	"
BAHAGIAN TENGAH	WAKIL POS SUNGAI	"	"	\$9,000/1	Sa-buah Wakil Pos Bergerak telah di-buka.

BAHAGIAN	JENIS PERKHIDMATAN	TEMPAT	TAHUN	PERBELANJAAN	KENTATAAN	
BAHAGIAN TIMOR	PETI SURAT TIANG	GALING BESAR— KUANTAN KAMPONG BAHARU— KUANTAN TANAH PUTEH— KUANTAN TANJONG API— KUANTAN JALAN DATO WONG AH JANG-KUAN- TAN	1962	\$ 160/-	Sa-buah Peti Surat di-tepi jalan telah di-pasang.	
LESEN PENJUAL SETEM	KAMPOONG TENGAH— TEMERLOH	"	"	Sa-buah Peti Surat di-tepi jalan telah di-pasang.		
BAHAGIAN TENGAH	KAMPOONG JANDA BAIK—BENTONG	"	"	Satu Lesen Penjual Setem yang baharu telah di- kelarkan.		
BAHAGIAN TENGAH	PEJABAT POS	KUALA LIPIS TEMERLOH	1963	\$ 6,550/- 10,230/-	Satu Lesen Penjual Setem yang baharu telah di- kelarkan.	
BAHAGIAN TENGAH	PEJABAT POS BER- GERAK	TEMERLOH	"	15,000/-	Pejabat Pos Kuala Lipis di-perbaiki Pejabat Post Temerloh di-perbaiki.	
BAHAGIAN TENGAH	WAKIL POS	PULAU MANIS SUNGAI ULAR MANCHIS	"	500/- 500/-	Sa-buah Pejabat Pos Bergerak baharu telah me- mulakan perkhidmatan-nya pada 25.6.1963. Sa-buah Wakil Pos Baharu telah di-buka.	
BAHAGIAN TIMOR	WAKIL POS SUNGAI	SRI LUIT PEKAN	"	15,000/-	Sa-buah Wakil Pos Sungai yang baharu telah memulakan perkhidmatan-nya pada 3.7.1963.	
BAHAGIAN TIMOR	PETI SURAT TIANG	TANJONG SELANGOR —PEKAN	"	160/-	Sa-buah Peti Surat di-tepi jalan yang baharu telah di-pasang.	
BAHAGIAN TIMOR	KAMPONG SENTOL— KUANTAN	"	"	160/-	Sa-buah Peti Surat di-tepi jalan yang baharu telah di-pasang.	
BAHAGIAN TIMOR	KAMPONG SUNGAI KERTAM—KUAN- TAN	"	"	160/-	Sa-buah Peti Surat di-tepi jalan yang baharu telah di-pasang.	

BAHAGIAN	JENIS PERKHIDMATAN	TEMPAT	TAHUN	PERBELANJAAN	KENYATAAN
BAHAGIAN TIMOR		KAMPONG LUIT—KUANTAN	"	160/-	Sa-buah Peti Surat di-tepi' jalan yang baharu telah dipasang.
		KAMPONG SRI JAYA —KUANTAN	"	160/-	Sa-buah Peti Surat di-tepi' jalan yang baharu telah dipasang.
		KAMPONG SIMPANG, KUANTAN	"	160/-	Sa-buah Peti Surat di-tepi' jalan yang baharu telah dipasang.
LESEN PENJUAL SETEM		KAMPON SENTOL.—KUANTAN	"	Tiada	Satu Lesen Penjual Setem yang baharu telah di-kelarkan.
		BATU 8½ JALAN GAMBANG	"	"	Satu Lesen Penjual Setem yang baharu telah di-kelarkan.
		TG. SELANGOR—PEKAN	"	"	Satu Lesen Penjual Setem yang baharu telah di-kelarkan.
JOHORE		KG. AUR KERATONG —ROMPIN	"	"	Satu Lesen Penjual Setem yang baharu telah di-kelarkan.
		KAMPONG BOHOR, BAHARU—TEMERLOH	1963	Tiada	Satu Lesen Penjual Setem yang baharu telah di-kelarkan.
		BATU PAPAN, TEMERLOH	"	"	Satu Lesen Penjual Setem yang baharu telah di-kelarkan.
BAHAGIAN TENGAH		BRITISH CONVENT-SCENT HOSPITAL, TANAH RATA	"	"	Satu Lesen Penjual Setem yang baharu telah di-kelarkan.
	PEJABAT POS	PEKAN BENTONG	1964	\$66,536/-	Pejabat Pos baharu telah di-diri dan di-buka pada 31.5.1964. Di-perbaiki.
BAHAGIAN TIMOR	PEJABAT POS BERGERAK	FRASER'S HILL	"	17,500/-	"
BAHAGIAN TENGAH		JERANTUT	1964	5,800/-	"
				15,000/-	Sa-buah Pejabat Pos Bergerak baharu telah dibuka pada 15.9.1964.

BAHAGIAN	JENIS PERKHIDMATAN	TEMPAT	TAHUN	PERBELANJAAN	KENYATAAN
BAHAGIAN TIMOR	PEJABAT POS BERGERAK	PEKAN	"	15,000/-	Sa-buhuh Pejabat Pos Bergerak baharu telah dibuka pada 16.6.1964.
BAHAGIAN TIMOR	WAKIL POS	AYER PUTEH LAMIR PAYA BUNGOR TANJONG LUMPUR	"	500/- 500/- 500/- 500/-	Sa-buhuh Wakil Pos baharu telah di-buka.
BAHAGIAN TENGAH	"	BATU BALAI KAMPONG BENOM ULU TEMBILING	"	500/- 500/- 500/-	" " " " "
BAHAGIAN TIMOR	PETI SURAT TIANG	KAMPONG SEPAT, KUANTAN, KAMPONG SOI, KUANTAN, KAMPONG SUNGAI DUA—KUANTAN KAMPONG KUALA PENOR—KUANTAN KAMPONG KEMPA- DANG—KUANTAN KAMPONG SENGORA —KUANTAN	"	100/- 100/- 100/- 100/- 100/- 100/-	Sa-buhuh Peti Surat tiang yang baharu.
BAHAGIAN TENGAH	LESEN PENJUAL SETEM	KAMPON SERENDAH KAMPONG KUALA TRIANG	1964	100/-	" " " " "
BAHAGIAN TENGAH	PEJABAT POS	BENTA RINGLET	1965	Tiada	Satu Lesen Penjual Setem yang baharu telah di-kelurarkan.
PERAK	PEJABAT POS BER- GERAK	WAKIL POS	"	"	Satu Lesen Penjual Setem yang telah di-kelur- kan.
BAHAGIAN TIMOR	WAKIL POS	KUANTAN PASIR KEMUDI	"	\$15,000/-	Sa-buhuh Pejabat Pos Bergerak.
BAHAGIAN TIMOR	"	KRAMBIT KAMPONG KELOLA SUNGAI TEKAM	"	\$500/-	Tambahan sa-buhuh Pejabat Pos Bergerak.
				500/- 500/- 500/-	Sa-buhuh Wakil Pos akan di-buka tidak berapa lama lagi:

# **Perlaksanaan**

## **Bahasa**

## **Kebangsaan**

### **1. Minggu dan Bulan Bahasa**

Chara2 Kerajaan Pusat hendak meluas dan mengembangkan penggunaan Bahasa Kebangsaan ia-lah dengan mengadakan Minggu Bahasa dalam tahun 1960 dan Bulan Bahasa mulai tahun 1961 hingga sekarang ini telah di-jalankan mengikut jadual oleh Kerajaan Negeri. Semua seksi2 sama ada di-peringkat Negeri mahu pun peringkat Kebangsaan telah di-jalankan dengan lichin dan lancar di-seluruh Negeri dan sambutan dari orang ramai ada-lah memuaskan.

### **2. Sepandok Bahasa**

Papan2 Bahasa Kebangsaan Kekal telah di-pasang di-penjuru sempadan Negeri2 Selangor, Negeri Sembilan dan Trengganu dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya. Dan di-hadapan bangunan Majlis Bandaran, Kuantan pula suatu papan Bahasa Kebangsaan yang di-pasang dengan lampu2 berwarna warni telah di-buat oleh Jawatan Kuasa Kerja Negeri.

### **Papan Tanda Dalam Bahasa Kebangsaan**

Banyak kedai2 dan Sharikat2 Perniagaan Asing dalam Negeri ini telah menggunakan Bahasa Kebangsaan di-papan2 tanda di-hadapan bangunan mereka sa-bagai menyahut seruan Kerajaan untuk mengembangkan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Kerjasama yang di-beri oleh mereka sa-lama ini boleh di-katakan memuaskan pehak yang berkenaan.

### **Bilek Gerakkan Bahasa**

Untuk mengikuti dan mengkaji sa-jauh mana pengguna'an Bahasa Kebangsaan telah dapat di-laksanakan oleh Jabatan2 Kerajaan, Badan2 Perniagaan Asing, Majlis/Juma'ah Bandaran dan Tempatan maka sa-buah Bilek Gerakkan Bahasa Kebangsaan telah di-adakan di-bawah Jawatan Kuasa Perlaksanaan Bahasa Kebangsaan bagi menchatekkan sa-tiap kemajuan-nya. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan 'azam Kerajaan Negeri Pahang akan menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-penoh-nya sa-belum tahun 1967. Ini ada-lah berdasarkan atas kemajuan yang telah dapat di-chapai bahawa hampir semua Jabatan Kerajaan dalam Negeri ini telah mengutamakan Bahasa Kebangsaan dalam urusan hari2.

### **Kelas Bahasa Kebangsaan Pegawai2 Kerajaan**

Pegawai2 Kerajaan bukan Melayu sekarang ini ada-lah di-beri peluang untuk mempelajari Bahasa Kebangsaan perchuma di-sabelah petang waktu pejabat. Kelas ini telah pun di-mulakan sejak dari tahun 1965 lagi dan sambutan yang di-beri oleh mereka sangatlah memuaskan.

# **Bahasa Jiwa Bangsa**

## ***perusahaan pelanchongan***

---

**B**AGI menggalakan Perusahaan Pelanchongan Kerajaan Negeri telah pun menubohkan sa-buah Jabatan Pelanchongan semenjak bulan Mac 1960 yang menguruskan perkara2 yang berikut:—

- (a) memberi keterangan sa-chara terus kapada pelanchong2 mengenai pusat2 dan perkara2 yang menarik perhatian.
- (b) menolong pelanchong2 yang berkchendakan kenaikan, perumahan sementara, kesenian dan sa-bagai-nya.
- (c) menyiasat tempat2 yang indah di-seluroh Negeri Pahang untuk di-jadikan tempat yang akan menarik pelanchongan2.
- (d) mengkaji kedudukan dan persediaan perumahan dan pengangkutan.
- (e) mengkaji keadaan pusat2 pelanchongan yang sedia serta dengan persediaan yang bersangkutan dengan pengangkutan dan perumahan.
- (f) menghaskan kawasan2 yang indah untuk menjalankan rancangan2 penggalakan pelanchongan.
- (g) mendirikan pusat2 penghiboran
- (h) menyediakan risalah2 yang menerangkan persediaan2 bagi hiboran pelanchong2 sa-bagai galakan mereka bertemasha di-Pahang.
- (i) menghebahkan kechanteekkan negeri melalui penchiptaan risalah2 dan pesuratan.
- (j) menggalakan keluaran chendera mata.

Penyu telah menarik ramai pelanchong2 sama ada dari luar mahu pun dari dalam negeri. Gambar menunjukkan pelanchong2 sedang ashok memerhatikan sa-ekor penyu yang sedang bertelur di-Pantai Balok, Kuantan.



Pelanchong2 yang melawat ka-Negeri Pahang ini mengandungi dua bahagian ia-itu Pelanchong dari dalam Negeri, dan dari negera2 luar. Pelanchong2 ini sa-bagai manusia biasa masing2 mempunyai berbagai kesukaan. Mereka yang sudah jemukan bandar, akan tertarik ka-kampung dan mereka yang jemukan laut akan pula sukakan hutan. Daripada segi ini-lah maka siasatan telah pun di-jalankan untuk mengadakan serba anika hiboran dan berbagai2 persediaan untuk memenohi kesukaan dan kemahuan semua gulongan pelanchong. Ranchangan pelanchongan mesti-lah meliputi penghiboran di-laut, sungai dan darat.

Untuk menjalankan tugas2 itu satu Jawatan Kuasa Pelanchongan telah pun di-tubuhkan untuk menyiasat kawasan tanah sa-panjang Pantai Negeri Pahang untuk memileh kawasan yang sesuai untuk ranchangan peranginan Pelanchong. Lawatan2 ka-Pulau Tioman, Tasek Chini, dan ayer terjun melalui lima tengkakan bukit di-Ulu Sungai Berkelah, Kuantan, telah pun di-buat oleh Jawatan Kuasa tersebut.

## **Ranchangan2 Penarek**

Kemudahan2 yang telah menarek perhatian pelanchong2 yang datang melawat kaa-Negeri ini termasok-lah:-

- (a) Rumah Persinggahan Telok Chempedak, Kuantan.
- (b) Padang Golf, Kuantan.
- (c) Rumah Tukar Pakaian dan Restoran di-Telok Chempedak.
- (d) Rumb Berehat di-Pulau Ular.
- (e) Perusahaan anyaman di-Penor, Kempadang dan juga Kulit Kerang sa-bagai chendera mata di-Kampung Sungai Karang Darat.
- (f) Pusat Tenunan Songket di-Kampung Selamat, Kuantan.
- (g) Wayang Kulit di-Cherating, Kuantan.
- (h) Rodat di-Sungai Ular, Kuantan.
- (i) Olek Mayang di-Beserah, Kuantan.
- (j) Bersilat dan Main Gasing di-Lamir, Pekan.
- (k) Kawasan Penyu bertelor di-Chendor, Kuantan.



## **Penerangan**

Bagi menghebahkan kechanteakan Negeri Pahang ini, dua Badan Penchiptaan Luar Negeri ia-itu ASIA MAGAZINE dan TRAVEL THE ORIENT, telah datang ka-Kuantan untuk mengkaji keindahan alam dan mengambil gambar2 pertunjukan Gasing, Rodat, Wayang Kulit, Penyu dan pandangan pantai di-sulami dengan gambar gadis yang jelita.

Pelawat2 dari America telah mengambil gambar untuk di-tayangkan di-layar puteh negara itu, dan ada pula daripada-nya yang menggunakan lukisan2 sa-bagai saksi keindahan pantai timor kita ini.

Tentera Udara Di-Raja British telah juga menghebahkan keindahan Tasek Chini apabila mereka chuba menyiasat mengenai cherita Kota Perbekala yang tenggelam di dalam Tasek itu, tetapi malang-nya lumpur yang dalam telah menghalang penyiasatan tersebut.

Rombongan dari University Cambridge, United Kingdom telah juga menyiasat dan menulis buku mengenai Tasek Chini, dan kesenian2 asli di-Pahang.

Keluaran buku dan risalah2 ini ada-lah baik bagi Negeri Pahang kerana ini-lah chara mengenalkan Pahang kapada Dunia dan menggalakkan Pelanchong2 melawat negeri ini.

## **Pengeluaran Risalah dan Hasil-nya**

Sa-lain daripada itu 3 risalah telah juga di-terbitkan untuk menambahkan usaha2 memperkenalkan Negeri ini kepada pelanchong2. Risalah2 ini telah memberi nekmat kapada Pendudok2 Kampung Sungai Ular yang menjayakan perusahaan pengangkutannya dengan membawa pelanchong2 berkelah di-Pulau Ular. Mereka yang turut menek-mati wang pelanchong2 ia-lah penambang2 Tanjong Lumpur yang membawa pelanchong2 bersiar di-laut dan Sungai Kuantan sambil membito ketam, mengail ikan dan melihat buaya. Pusat2 perusahaan seperti pusat menenun kain songket, pertukangan kulit siput dan sa-bagai-nya telah menekmati banyak wang pelanchong2 kita.

Beribu2 orang telah pergi melihat penyu bertelor di-Chendor dan pemajak Penyu itu telah menerima kutipan wang daripada pelanchong2 itu. Di-dalam musim penyor bertelor pada tiap2 hari di-dapat berpuluhan2 kereta pergi berkelah di-sana, dan hari yang gumbira sa-kali bagi-nya ada-lah pada hari yang menerima 64 buah kereta pelanchong2 yang bersusun2 bertemasha di-pantai itu.


*Taman Kanak2 ada-lah sa-bahagian daripada kawasan Taman Sri Teruntum, Telok Chempedak, Kuantan. Gambar menunjukkan YAB Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri di-iringi oleh beberapa orang pegawai2 kanan sedang memerluka taman Kanak2 di-Taman Sri Teruntum yang indah itu.*

## **Rumah2 Tumpangan**

Tiga buah perumahan di-tepi laut telah di-dirikan dan telah di-gunakan dengan sa-penoh-nya oleh pelanchong2. Rumah2 ini ada-lah:—

- (a) 'Bunga Tanjong' di-Batu 8½, Jalan Kuantan/Kemaman.
- (b) 'Bunga Melati' di-Batu 9, Jalan Kuantan/Kemaman.
- (c) 'Kamar Kenangan' di-Batu 6½ Jalan Kuantan/Kemaman.

Pada tahun 1965, rumah2 ini, terutama sa-kali 'Bunga Tanjong' di-dapati telah di-'pinang' tiga bulan sa-belum rumah itu di-dudoki. Rumah2 Tompangan dan Rumah Persinggahan telah jua penoh tiap2 hari sa-hingga bulan Oktober, dan banyak permohonan terpaksa di-tolak.



*Padang Permainan Kanak2  
di-Taman Sri Teruntum  
Telok Chempedak, Kuan-  
tan.*

*Pantai Telok Chempedak,  
Kuantan yang indah tem-  
pat berkelah, berehat dan  
mandi.*





Menteri Perusahaan dan Perdagangan, YB Dr. Lim Swee Aun telah melawat Pejabat Pelancong, Kuantan. Gambar menunjukkan beliau sedang menelek dan amat tertarik kapada barang<sup>2</sup> perhiasan rumah yang di-perbuat daripada kulit kerang dan siput.

### Taman Sri Teruntum

Untuk mengindahkan bandar Kuantan dan menambahkan kemudahan pelancong Kerajaan Negeri sedang membina sa-buah Taman berdekatan dengan Rumah Persinggahan Telok Chempak Kuantan. Untuk permulaan-nya perbelanjaan sa-banyak \$50,000 telah pun di-belanjakan untuk ranchangan ini dan kawasan itu akan terus di-perbaiki dan di-perbesarkan di-dalam tahun 1966. Kawasan taman itu ia-lah sa-luas 136 ekar dan termasok Bukit Pelindong dari mana pelawat<sup>2</sup> akan dapat menekmati keadaan alam dan pelabuhan Kuantan dan juga Kampong Nelayan Tanjung Lumpur.

## **Ranchangan Gebeng dan lain2**

Kerajaan Negeri telah menyediakan satu kawasan di-Gebeng sa-luas 1,387 ekar untuk di-majukan sa-bagai kawasan bagi—

- (a) Rumah2 Tompangan, motel dan chalet (Perumahan).
- (b) Taman.
- (c) Padang Golf.
- (d) Kawasan Perkampongan.
- (e) Kawasan Perkhemahan.

Pokok2 jambu golok telah pun di-tanam di-kawasan ini untuk mendapatkan bayangan pohon2 itu supaya Gebeng tidak terdedah di-waktu panas terik.

Ranchangan yang lain yang sedang di-timbangkan ia-lah untuk memajukan Pulau Tioman dan Tasek Chini, Ayer Terjun di-Sungai Berkelah Kuantan sa-bagai Pusat2 yang menarek pelancong2. Ranchangan2 untuk memajukan Gua Kota Gelanggi di-Jerantut, kawasan ayer panas di-Bentong dan Perumahan Rakit di-Lipis, Lata Jarom, di-Raub dan pusat pertukangan di-Temerloh ada-lah maseh di-dalam timbangan Kerajaan.

*Rumah Tukar Pakaian dan Restoran di-Pantai Telok Chempedak, Kuantan.*



## ***talikom***

---

**S**A-IMBANG dengan kemajuan2 di-dalam bahagian pembangunan yang lain, kejayaan yang besar telah juga di-chapai di-dalam perkhidmatan talikom. Perkhidmatan yang telah di-beri kapada Awam dan juga Jabatan2 Kerajaan termasok-lah perkhidmatan talipon, Taligrap termasok Taliprinter, hubongan Radio termasok Set Country Radio, Radio Police, Radio Lapangan Terbang Awam, Radio Marine, Radio Taligrap (Kapal ka-Pantai), pemancaran Radio Malaysia, Radio Lembaga Letrik Kebangsaan, Radio Jabatan Kerja Raya dan perkhidmatan Radio Kastam.

### ***Ibusawat2 Country Satellite***

Untuk membolehkan penduduk2 di-Kampung2 yang terpencil mendapat perkhidmatan talipon dengan harga2 yang murah Ibusawat2 Counry Satellite telah di-atorkan. Semua-nya Ibusawat2 itu telah di-buka dan mula memberi perkhidmatan seperti berikut:—

*Bahagian dalam Pejabat Talikom. Di-sini dapat kita perhatikan betapa seboknya Juru2 Talipon (telephone operators) melayani beratus2 panggilan siang dan malam.*



<b>Nama C.S.X.</b>	<b>Tarikh</b>
Pantai Bilut	8. 2.1961
Cheroh	1. 7.1961
Ferry Jerantut	1.11.1961
Kampong Chenor	5. 3.1962
Nenasi	14. 4.1962
Kemayan	12.11.1962
Kuala Krau	28. 2.1963
Bukit Tinggi	27. 7.1963
Sungei Kertam	7. 8.1963

## **Ibusawat2 Bersendirian**

Ibusawat2 Bersendirian Luar Bandar yang berikut telah juga di-adakan sa-chara sambongan atau pertukaran, dengan memakan perbelanjaan yang berjumlah sa-banyak \$91,500/-.


Nama2 R.A.X.

Sungei Ruan  
Kampong Awah  
Sungei Lembing  
Kuala Lipis  
Maran  
Pekan  
Kuala Rompin  
Temerloh.

Penduduk2 Ganchong Ulu telah mendapat talipon dan ini bermulaan-lah mereka telah mendapat satu lagi kemudahan yang di-sampaikan oleh Kerajaan di-bawah Ranchangan P.L.B.



Pondok talipon Luar Bandar.



## Bilangan Talipon 2

Semenjak perlancaran Ranchangan Pembangunan 5 tahun yang kedua di-dalam tahun 1961 bilangan talipon di-dalam Negeri ini telah bertambah dari sa-tahun ka-sa-tahun. Di-dalam tahun 1961 bilangan-nya hanya sa-banyak 1,385 tetapi di-dalam tahun 1965 telah menengkat 1,975. Ini menunjukkan tambahan sa-banyak 50% di-dalam tempoh 5 tahun. Pechahan angka2 talipon mengikut tahunan ia-lah saperti berikut:—

### Tahun

1961  
1962  
1963  
1964  
1965

### Jumlah Talipon 2 Tidak Termasuk Cameron Highlands

1,385
1,700
1,846
1,931
1,978

## **Pondok2 Talipon (dalam Bandar)**

Pondok2 Talipon dalam Bandar telah juga bertambah daripada 34 di-dalam tahun 1961 menjadi 72 di-dalam tahun 1965. Pechahan-nya ia-lah saperiti berikut:-


Tahun	Jumlah Tidak Terasok Cameron Highlands
1961	34
1962	38
1963	39
1964	61
1965	72

## **Pondok2 Talipon Luar Bandar**

Daripada tahun 1961 hingga penghujung tahun 1964, 61 Pondok2 Talipon telah di-dirikan di-dalam Negeri Pahang ini yang semua-nya memakan belanja \$295,000/- . Dalam tahun 1965, 5 lagi Pondok2 Talipon Luar Bandar telah di-bena dan memakan perbelanjaan sa-banyak \$12,000/-. Angka2 ini menunjukan dengan tegas-nya bahawa Kerajaan ada-lah sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan Talipon ka-kawasan2 Luar Bandar.

*Pekerja2 Pejabat Talikom sedang menanamkan sa-batang tiang untuk menyambongkan dawai talipon ka-pondok talipon di-luar bandar.*





Dawai2 talipon sentiasa di-perek-sa untuk mengelakkan gangguan sa-barang panggilan yang di-buat oleh orang ramai.

## ***Hubongan Radio***

Sa-lain daripada perkhidmatan2 yang di atas Hubongan Radio telah juga di-adakan di-antara Kuantan dengan tempat2 yang berikut:—

- 5 Circuit GEC dengan Maran.
- 5 Circuit GEC dengan Sungai Lembing.
- 5 Circuit GEC dengan Bukit Ibam.

Radio Talipon dengan Pulau Tioman.  
Hubongan Radio ini telah membolehkan perkhidmatan talipon yang lebh chekap kapada pelanggan2 talipon di-tempat2 tersebut.

## ***Bangunan R.A.X***

Di-dalam masa 5 tahun yang lepas Bangunan R.A.X. di-Sungai Ruan dan Sungai Lembing telah juga di-dirikan.

Untuk memperbaiki lagi perkhidmatan talipon di-dalam Negeri ini kerja2 sedang di-jalankan untuk mendapat hubongan Microwave di-antara Kuala Lumpur dan Kuantan. Ada-lah di-jangka ini akan dapat di-siapkan dalam tahun 1967 dan apabila siap kelak ia-nya akan membolehkan penduduk2 Negeri Pahang mendapat panggilan jauh mereka dengan lebh chepat dan nilaiang panggilan yang lebh bermutu tinggi. Ia-nya juga akan membolehkan Siaran2 Taliveshen di-sampaikan ka-Kuantan.

## ***jabatan ukor***

---

**J**ABATAN Ukor Negeri Pahang telah siap mengukor 4 jenis ranchangan tanah dalam tahun 1961 hingga tahun 1965. Ranchangan2 tanah itu ada-lah saperti berikut:—

1. Ranchangan Tanah Tanaman Baharu.
2. Ranchangan Tanah Pinggiran.
3. Ranchangan Tanah Berkawal.
4. Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Sa-jumlah 206 buah ranchangan telah siap di-ukor bagi (i)-(iii) dan 8 buah ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dalam 5 tahun ini yang meliputi sa-luas 105,191 ekar. Berikut menunjukan pecahan ranchangan mengikut daerah:—

*Pasokan Ukor sedang mengukur kawasan sa-buah kampong.*



Daerah	Ranchangan Tanah						Ranchangan Lembaga Tanah Persekutuan				
	Tanaman Baharu			Pinggir		Berkawal					
	Bil.	Lot2.	Luas (Ekar)	Bil.	Lot2.	Luas (Ekar)	Bil.	Lot2.	Luas (Ekar)	Bil.	Luas (Ekar)
Lipis	3	185	1,223	26	960	6,354	6	225	1,846	—	—
Jerantut	4	194	1,149	24	1,169	7,557	4	179	1,346	1	4,737
Raub	3	194	1,241	15	679	4,352	5	323	1,868	1	4,479
Bentong	2	157	1,025	11	870	5,092	2	246	1,798	1	3,515
Temerloh	7	417	2,827	33	2,440	16,056	6	552	4,198	4	16,145
Pekan	5	94	815	18	1,414	7,393	7	359	1,389	1	2,678
Kuantan	2	140	963	16	686	4,018	6	326	1,035	—	—
Cameron Highlands	—	—	—	1	10	92	—	—	—	—	—
JUMLAH	26	1,381	9,243	144	8,228	50,914	36	2,210	13,480	8	31,554



Merantai jarak satu sempadan dalam satu ranchangan tanah yang hendak di-buka.





Satu pasukan Ukor kelihatan sedang menjalankan tugas mengukur kawasan hutan yang hendak dibuka untuk ranchangan kemajuan tanah.


Mengukur kawasan perumahan di-ranchangan kemajuan tanah.





Rumah2 untuk kaki-tangan Pejabat Ukor Negeri  
di-Kuantan sa-banyak 30 pintu.

Bangunan baharu Pejabat Ukor di-Alor Akar, Kuantan. Bangunan ini telah  
di-rasmikan pembukaan-nya oleh Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, YB  
Enche' Abdul Rahman bin Ya'akob pada 17.9.65.





*Mengukor ladang baru.*

Melihat berapa pentingnya bagi merapatkan lagi perhubungan dengan Jabatan2 Kerajaan yang lain, serta menambahkan lichin jalan-nya untuk memajukan arahan2 yang terkandong di-dalam Buku Merah, maka Ibu Pejabat Ukor Negeri di-Kuala Lipis telah di-pindahkan ka-Ibu Kota Negeri, Kuantan, dalam tahun 1965 dengan menempatkan Ibu Pejabat ini, aman sempurna-nya, di-satu bagunan empat tingkat di-Alor Akor yang melanjut belanja \$450,000 dan di-rasmikan pembukaan-nya oleh Yang Berhormat Enche Abdul-Rahman bin Ya'kub, Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, pada 17.9.65.

# **bomba**

---

## **Keterangan 'Am**

"Perkhidmatan Bomba" telah mengalami kachau bilau semenjak 1945. Mula2 sa-lepas peperangan, tertuboh-nya "Malayan Union Fire Services" dan sabelum perkhid-matan ini dapat dudok dengan tetap dan maju maka di-dapati kedudukan-nya itu telah salah mengikut Pentadbiran Negeri. Maka balek-lah pula pasokkan Bomba kepada per-khidmatan Majlis Bandaran "Town Board" mengikut pertukaran "Malayan Union" kapada "Federation of Malaya" dalam tahun 1948. Daripada tahun 1952, Ketua Merinyu Perkhidmatan Bomba, Persekutuan Tanah Melayu telah membuat "survey" untuk mema-jukan Perkhidmatan Bomba seluroh Tanah Melayu. Pada tahun 1958 Ketua Merinyu dengan kehendak Kerajaan Negeri Pahang telah membuat satu penyata yang khas untuk membutulkan kesusah2an yang di-hadapi oleh "Perkhidmatan Bomba." Jawatan Kuasa Kerja Kerajaan Negeri Pahang "Ex. Co" telah menerima penyata Ketua "Perkhidmatan Bomba" yang mana dia telah menerang ia-itu kedudukan "Perkhidmatan Bomba" di-bawah Majlis Bandaran "Town Board dan Town Council" itu tidak betul dan hendak-lah di-betulkan.




Gambar ini menunjukkan tiga buah kereta Bomba di-beli dengan harga \$54,000 pada tahun 1966. Pada akhir2 ini Balai Bomba Kuantan telah bertambah besar dan bertambah ramai Ahli2nya dengan alat2 perkakas dan kereta yang modern sesuai dengan keadaan sekarang di-bandar dan daerah Kuantan.

Dari itu mula 1.2.60 semua Perkhidmatan Bomba yang berselerak di-bawah jagaan Pegawai Daerah telah di-alehkan daripada tanggong-jawab mereka itu dan di-jadikan satu Perkhidmatan yang baharu dan berasingan—Perkhidmatan Bomba Negeri Pahang. Pertukaran ini mengikut pertukaran Pentadbiran sa-macham mana—susunan “Pentadbiran Merdeka”—Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.



Kelihatan DYMM Sultan berpakaian uniform Ashkar Melayu Di-Raja menyandang pangkat Kenel sedang memotong tali peta bagi meresmikan pembukaan Balai Bomba, Temerloh.



Balai Bomba Temerloh yang menelan belanja sa-banyak \$63,752.00.

Sa-telah Jabatan Bomba Negeri Pahang di-asingkan dan berdiri dengan sendiri-nya maka Pegawai Bomba Negeri telah di-arahkan membuat "survey" untuk mengadakan satu penyata supaya dapat Kerajaan Negeri memajukan Jabatan Bomba yang telah mundur di-dalam serba serbi-nya. Dari itu di-dalam Ranchangan Kemajuan Kerajaan Negeri yang ke-dua bagi tahun 1961-1965 satu chadangan untuk meminjam wang sa-banyak \$1,000,000/- daripada Kerajaan Persekutuan telah di-bentangkan tetapi Kerajaan Persekutuan tidak dapat memberi pinjaman itu. Dalam tahun 1961 Jawatan Kuasa Iktisad Negeri telah membincangkan kedudukan "Perkhidmatan Bomba" di-sebabkan tidak berhasil-nya chadangan meminjam daripada Kerajaan Persekutuan. Keputusan-nya ia-lah Kerajaan Negeri akan mengadakan wang sa-banyak \$1,000,000/- untuk memajukan Perkhidmatan Bomba di-dalam ranchangan kemajuan 1961-1965.

Butir2 yang di-chapai dalam tahun 1961 hingga 1965 ada-lah saperti di-bawah:

### **Kemajuan yang di-perolehi di-dalam tahun 1961-1965**

#### **Jabatan Bomba**

##### **(i) Bangunan2 Bomba**

Cameron Highlands	...	...	...	...	...	...	\$ 83,900.00
Bentong	...	...	...	...	...	...	185,531.72
Pekan	...	...	...	...	...	...	121,830.00
Temerloh	...	...	...	...	...	...	63,752.00
K. Lipis	...	...	...	...	...	...	37,400.00
Rompin	...	...	...	...	...	...	11,500.00
Triang	...	...	...	...	...	...	11,000.00
JUMLAH:							\$514,913.72



DYMM Sultan Pahang sedang bertitah sa-belum ba-ginda meresmikan pembukaan Balai Bomba Teriang, Temerloh.

(ii) Jentera2 dan alatan2 Bomba

1961	3 buah jentera bomba yang memakan belanja sa-							\$ 54,000.00
1962	9 buah jentera bomba yang memakan belanja sa-							269,372.00
1963	4 foam trailer dan alatan-nya memakan belanja sa-							41,717.00
1964	4 buah jentera bomba yang memakan belanja sa-							144,631.00
								<hr/> \$509,720.00

(iii) Tambahan Jawatan Bomba daripada 1961–1965 Mengikut Kemajuan Balai-Balai dan Jentera2, Bomba.

1	Pegawai Bomba
6	Pegawai Rendah Bomba
16	Ahli Bomba Kanan
30	Ahli Bomba
1	Kerani bahagian rendah.
<hr/>	
54	

Semenjak daripada tarikh perolehan pentadbiran, Perkhidmatan Bomba telah berubah chorak dalam segala segi. Kaki-tangan2 Bomba telah di-tambah dan jentera burok di-ganti baharu. Maka dengan ini tidak shak lagi bahawa Perkhidmatan ini telah menchapai mutlamat yang gemilang ya'ani 100% kejayaan.



DYMM Sultan Pahang sedang memeriksa barisan kehormatan terdiri daripada ahli2 Bomba dan sa-lepas itu baginda membuka dengan resmi-nya Balai Bomba Bentong.

# **—kerajaan tempatan—**

## **Majlis Juma'ah Bandaran**

Dari tahun 1961 hingga tahun 1965, Negeri Pahang mempunyai 5 buah Majlis Bandaran dan 3 buah Juma'ah Bandaran tempat2-nya ada-lah saperti berikut:—

<b>Majlis Bandaran</b>	<b>Juma'ah Bandaran</b>
1. Kuantan	Pekan
2. Temerloh/Mentakab	Jerantut
3. Bentong	Cameron Highlands
4. Raub	
5. Kuala Lipis	

Majlis Bandaran Kuala Lipis telah di-Pengerusikan oleh Pegawai Daerah Lipis sa-hingga akhir tahun 1965 dan mulai dari 1.1.66 sa-orang Yang di-Pertua dan Naib Yang di-Pertua telah di-lantek dari Ahli2 yang di-pileh untuk menguruskan pentadbiran Majlis ini.

Majlis/Juma'ah Bandaran ini ka-semua-nya bersendirian dalam hal kewangan-nya (Financial Autonomous) dan Kerajaan Negeri memberi bantuan dengan sa-chara (i) Bantuan kerana chukai Tempatan (ii) Bantuan untuk Jalan2 Raya Majlis2 Bandaran dan Juma'ah Bandaran.

Dalam tahun 1961 hingga 1965 Kerajaan Negeri telah pun memberi pinjaman wang saperti berikut:—

<b>Majlis/Juma'ah Bandaran</b>	<b>Pinjaman</b>	<b>Kegunaan</b>
Temerloh/Mentakab	\$75,000/-	Bangunan Pejabat 3 tingkat bagi Majlis Bandaran Temerloh di-Temerloh.
Raub	\$70,000/-	Bangunan Pejabat (Dewan Jubilee) bagi Majlis Bandaran Raub.
Pekan	\$15,000/-	Membeli sa-buah lori bagi kegunaan Juma'ah Pekan.

Sa-lain daripada pengeluaran wang yang tersebut di atas pemberian juga di-terima dari Kerajaan Pusat kerana membantu Majlis Bandaran dan Juma'ah Bandaran mem-bina, memperbesarkan dan memperbaikki parit2, longkang2 dan tandas2 orang ramai di-kawasan2 bandar.

## **Majlis Tempatan**

Pejabat Kerajaan Tempatan mengelolakan 27 buah Majlis Tempatan dalam Negeri ini, tetapi dalam tahun 1964 sa-buah Majlis Tempatan di-Tanjong Lumpur daerah Kuantan telah di-bubarkan. Kerajaan Negeri memberi bantuan kapada Majlis Tempatan ini dengan chara bantuan dan pemberian, ia-itu saperti berikut:—

- (i) Batuan kerana chukai Tempatan.
- (ii) Pemberian bantuan.
- (iii) Pemberian untuk kerja pembangunan.

Semenjak tahun 1961 hingga tahun 1965 Kerajaan Negeri telah menyampaikan wang pemberian untuk kerja pembangunan bagi ka-semua Majlis Tempatan dan wang pemberian itu ada-lah saperti berikut:—

Daerah	JUMLAH			
	1961	1962	1963	1964
Kuantan	16,881.00	16,136.00	13,695.00	16,290.00
Pekan	1,897.00	2,129.00	2,129.00	1,817.00
Temerloh	61,687.00	70,760.00	73,857.00	73,706.00
Bentong	—	34,758.00	36,338.00	36,809.00
Raub	25,022.00	17,545.00	26,295.00	22,616.00
Kuala Lipis	13,226.00	16,243.00	14,446.00	14,419.00
Cameron Highlands	3,743.00	4,392.00	5,008.00	5,673.00
				4,242.00

Wang pemberian ini telah di-gunakan bagi projek2 yang telah di-ator oleh tiap2 Majlis Tempatan sa-sudah di-sokong oleh Pegawai2 Daerah dan di-luluskan oleh Kerajaan Negeri sa-umpama mendirikan rumah2 injin, tembok batu, pagar dawai, perigi, membaikki rumah2 buroh, membuat longkang dan pembetong dan lain2.

Sa-bagaimana yang biasa di-alami, banyak Majlis Tempatan menanggong kesulitan dan kekurangan wang tetapi pada keselurohan-nya boleh-lah di-katakan Majlis Tempatan di-Negeri ini berjalan di-dalam keadaan yang memuaskan. Mengikut dari laporan2 odit di-atas sebab2 kekurangan wang bagi kebanyakan Majlis Tempatan ia-lah dari kelemahan Majlis Tempatan itu mengutip hasil2 dan hutang2.

Bagi membantu Majlis2 Tempatan dalam melaksanakan kerja2 besar, Kerajaan Persekutuan telah pun membantu dengan melalui Pembangunan Luar Bandar.

Satu Surohanjaya Penyiasat yang telah di-lantek untuk menyiasat dan mengkaji perjalanan dan kesulitan Majlis Tempatan akan melawat Negeri ini dalam tahun 1966 dan di-harap Surohanjaya ini dapat mengeluarkan laporan-nya dengan sa-berapa segera.

## Perumahan

Kerja2 di-bahagian perumahan belum berapa pesat lagi di-jalankan dalam Negeri ini. Dalam tempoh lima tahun ini chuma 150 buah rumah murah sahaja yang dapat di-siapkan. 50 buah rumah khas untuk orang2 Melayu di-Kampung Baru Bentong dan 100 buah untuk segala bangsa di-Tanah Puteh, Kuantan. Kesemua rumah2 ini telah di-duduki. Pada masa ini ada tiga projek yang sedang di-selenggarakan, projek2 itu ada-lah:—

- (i) Lembah Jasas, Cameron Highlands bagi semua bangsa — 30 buah
- (ii) Perkampungan bagi nelayan2 di-Kuala Pahang — 113 buah
- (iii) Tanah Puteh Kuantan bagi orang2 Melayu — 24 buah

## **PENTADBIRAN SECHARA BERJAWATAN KUASA**

**D**ALAM tahun 1965 Kerajaan Negeri Pahang telah memulakan Pentadbiran Sa-chara Berjawatan Kuasa. Pentadbiran ini ada-lah bertujuan:—

1. Bagi mensesuaikan dengan keadaan kehendak politik Negeri ini.
  2. Bagi mewujudkan satu perhubungan di-antara Ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan dengan Ketua2 Jabatan dan membolehkan ahli2 memberi ketetapan atas perkara2 yang telah di-persetujukan dengan tidak payah di-bawa ka-Majlis Meshuarat Kerajaan;
  3. Bagi melancarkan perjalanan sekalian pentadbiran Negeri;
  4. Bagi memahirkan ahli2 dengan chara pentadbiran oleh sebab dalam Meshuarat Undangan, Ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan di-kehendaki memberi jawapan berkenaan dengan tegoran2 yang di-buat oleh Ahli2 Dewan.
2. Susunan Pentadbiran Sa-chara Berjawatan Kuasa ini di-bahagikan kepada 4 buah Jawatan Kuasa yang mempunyai tugas2 dan kewajipan saperti berikut:—

- (a) **Jawatan Kuasa Hasil Bumi**
  - (i) Tanah dan Lombong;
  - (ii) Sukat;
  - (iii) Kehutanan;
  - (iv) Jabatan Mergasetua;
  - (v) Lain2 perkara yang tidak termasuk di-bawah tanggongan mana2 satu jawatan kuasa yang lain yang di-bawah Kerajaan Pusat tetapi ada hubungan rapat dengan Negeri.
- (b) **Jawatan Kuasa Pertanian**
  - (i) Haiwan
  - (ii) Perikanan
  - (iii) Parit dan Taliayer
  - (iv) Sharikat Kerjasama
  - (v) Pertanian.
- (c) **Jawatan Kuasa Kerajaan Tempatan**
  - (i) Kerajaan Tempatan
  - (ii) Perumahan dan Perancang Bandar
  - (iii) Perkhidmatan Bomba
  - (iv) Jabatan Kerja Raya.
- (d) **Jawatan Kuasa Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan Masharakat**
  - (i) Jabatan Ugama
  - (ii) Jabatan Kebajikan Masharakat
  - (iii) Pelajaran
  - (iv) Orang Asli
  - (v) Pelanchong
  - (vi) Bukit Peranginan
  - (vii) Timbang dan Berat.

Ahli2 Jawatan Kuasa dalam Pentadbiran Sa-chara Berjawatan Kuasa ini di-khas-kan kapada Ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan sahaja. Ketua2 Pejabat boleh di-panggil hadzir apabila membincangkan perkara2 berkenaan dengan Pejabat-nya. Setia Usaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri dengan sendiri-nya menjadi ahli dalam tiap2 Jawatan Kuasa dan Penasihat Undang2 menjadi ahli apabila satu perkara Meshuarat ada berkenaan dengan Undang2.

3. Tugas2 tiap2 Jawatan Kuasa sa-bagaimana yang di-persetujukan oleh Raja dalam Meshuarat ada-lah saperti di-bawah ini.

1. Menimbangkan dan bagi menyumpernakan maksud itu menyiasat dan menda-patkan ma'alamat2 terhadap semua perkara2 yang berbangkit daripada per-jalan kerja2 bagi Jabatan2 yang berkenaan dan membuat shor2 pada Majlis Meshuarat Kerajaan berkenaan dengan:—
  - (a) Dasar yang sudah memang sedia ada atau sa-barang penambahan dalam dasar itu atau sa-barang dasar baharu bagi mana2 Pejabat2 yang tersebut itu.
  - (b) Semua perkara2 yang berkenaan dengan perpaduan di-antara pejabat.
2. Utok menentukan dasar berkenaan dengan Jabatan termasok-lah soal estimate.
3. Menentukan kerja2 yang patut di-utamakan mana2 yang boleh serta chara2 me-njerjakan-nya yang sa-baik2-nya; Sa-kira-nya Majlis Meshuarat Kerajaan men-dapati mustahak maka boleh-lah Majlis itu mewakilkan sa-bahagian daripada kuasa-nya kapada Jawatan Kuasa itu.
4. Jawatan Kuasa2 ini ia-lah Jawatan Kuasa Majlis Meshuarat Kerajaan dan mem-punyai kuasa2 tertentu ya'ani boleh membuat rayuan2 dan shor2 kapada Majlis Meshua-rat itu. Dengan lain2 perkataan Jawatan Kuasa ini ada-lah menjadi saloran di-mana per-kara dasar yang hendak di-bawa ka-Majlis Meshuarat Kerajaan di-bawa menerusi-nya dahulu.

# Kuantan

## MASJID

DALAM tempoh 5 tahun yang lepas (1961–1965) sa-banyak 7 buah Masjid baharu telah di-bina dan 5 buah di-perbaikki dengan perbelanjaan yang berjumlah \$181,792.50. Penduduk2 kampong sangat2-lah berbesar hati dan menguchapkan shukor kapada Kerajaan yang telah mengadakan kemudahan2 ini kerana dengan ada-nya bangunan2 ini, maka dapat-lah mereka itu menuaikan Fardhu2 Juma'at dalam bangunan yang lebuh chantek dan sempurna.

## Surau

16 buah Surau baharu telah di-bina dan 10 buah pula yang lama telah di-perbaikki dengan memakan belanja sa-banyak \$100,378.28 dan ini termasok-lah mengadakan alatan seperti tikar2, sejadar2, lampu2 gas, periok dan pinggan mangkok. Sa-buah dari Surau2 ini ia-lah di-bina dalam Kawasan Polis di-Lapangan Besar, Kuantan, khas bagi kegunaan anggota2 Polis di-situ.

## Sekolah Ugama

Sa-banyak \$50,000.00 telah di-belanjakan bagi membina Sekolah Ugama Madrasah-tul Ihsan, di-Kampong Selamat, Kuantan. Sekolah ini telah siap dalam tahun 1964.

## Balai2 Raya

26 buah Balai Raya telah di-bina dengan jumlah perbelanjaan \$157,304.00. Balai2 Raya ini telah juga di-bekalkan dengan kelengkapan saperti kerusi, meja dan notis2 board.

Faedah dari pembinaan Balai2 Raya ini sa-memang-lah banyak kerana bangunan2 ini telah di-gunakan bukan sahaja kerana meshuarat Jawatan Kuasa Kemajuan Kampong dan Kelas2 Dewasa bahkan di-masa Dharurat ini bangunan2 ini juga di-gunakan sa-bagai Pusat2 Kawalan Kampong.

## Jalan2 Kampong, Jambatan dan Pemetong

Sa-jumlah \$270,482.40 telah di-belanjakan untuk membina jalan2 baharu dan juga membaiki jalan2 yang lama. Sa-lain dari itu, sa-jumlah \$60,508.60 telah di-belanjakan kerana membina dan membaiki jambatan, dan \$8,337.00 kerana membuat 10 biji pemetong.

Sa-umpama urat2-sarap yang membawa zat2 makanan ka-seluroh anggota dalam tuboh badan ma'nusia maka jalan2 di-Kampong ini ada-lah membawakan kemudahan dan kebahgian kepada penduduk2 di-kawasan luar bandar oleh kerana dengan ada-nya jalan2 ini mereka dapat-lah mengeluarkan hasil-mahsul-nya ka-pasar dengan lebuh senang lagi, dan ini menambahkan pendapatan mereka.

## Pekan Sahari

Sa-buah Pekan Sari di-dalam Bandar Kuantan telah di-bina dalam tahun 1963/1964 dengan perbelanjaan sa-banyak \$50,000.00. Sunggoh pun di-panggil sa-buah Pekan Sari tetapi perniagaan-nya berjalan sa-tiap hari dan pembinaan Pekan ini ada-lah mendatangkan satu manfa'a't yang besar kepada Bumiputra yang dapat mengambil peranan dalam bidang perniagaan dalam Bandar Kuantan. Perniagaan Pekan Sari ini berjalan dengan baik-nya.

## **Perigi dan Bekalan Ayer**

120 buah perigi telah di-bena dan di-perbaikki dengan perbelanjaan-nya sa-banyak \$64,842.05. Pembinaan perigi2 di-segenap cherok-rantau di-Kampong2 ada-lah mendatangkan satu nikmat yang besar dan juga kesenangan kapada penduduk2 di-Luar Bandar, yang mana sa-belum ada-nya perigi2 ini telah menggunakan anak2 sungai dan perigi2 yang tidak begitu sempurna sa-bagai puncha bekalan ayer. Ini berma'ana-lah kesihatan mereka bertambah terjamin lagi dari masa dahulu.

## **Pengkalan atau Jetti**

9 buah jetti telah di-bena dalam tempoh 5 tahun ini dengan memakan belanja sa-banyak \$31,244.00. Dengan ada-nya pengkalan2 ini, penduduk2 luar bandar mendapat kemudahan yang besar apabila memungkah hasil-mahsul mereka ka-dalam perahu dan menyeberang sungai.

## **Padang permainan dan padang kanak2**

Untuk menjamin kesehatan ra'ayat, Kerajaan telah membena 14 buah Padang Permainan dan 3 buah Padang Kanak2 dengan jumlah perbelanjaan sa-banyak \$57,283.00. Perbelanjaan ini termasuklah membaikki 2 buah Padang Permainan.

## **Ranchangan2 dalam Majlis Tempatan**

Kerajaan tidak juga tinggal memberi kemudahan2 kapada penduduk2 dalam kawasan2 Majlis Tempatan di-Daerah ini. Dalam tempoh 5 tahun, Kerajaan telah juga mengadakan longkang2, padang2 kanak2, tempat membakar sampah, tandas, dan sa-buah pasar di-Gambang.

## **KUANTAN**

### **Balai Raya**

<b>1961</b>	1. Kampong Penor	...	...	...	...	...	...	...	\$ 4,900.00
	2. Tanjung Lumpur	...	...	...	...	...	...	...	4,700.00
<b>1962</b>	3. Kampong Nadak	...	...	...	...	...	...	...	5,250.00
	4. Sungai Lembing	...	...	...	...	...	...	...	8,285.00
	5. Beserah	...	...	...	...	...	...	...	8,793.00
	6. Kampong Sepat	...	...	...	...	...	...	...	5,350.00
	7. Cherok Paloh	...	...	...	...	...	...	...	5,050.00
	8. MembaiKKi—Sungai Soi	...	...	...	...	...	...	...	295.00
	9. MembaiKKi—Paya Bungor	...	...	...	...	...	...	...	600.00
	10. MembaiKKi—Cherating	...	...	...	...	...	...	...	490.00
	11. MembaiKKi—Batu 8 Jalan Gambang	...	...	...	...	...	...	...	295.00
	12. MembaiKKi—Kampong Ubai	...	...	...	...	...	...	...	300.00
	13. Alat-Perkakas	...	...	...	...	...	...	...	2,708.00
<b>1963</b>	14. Sungai Belat	...	...	...	...	...	...	...	5,668.00
	15. Kampong Mayah	...	...	...	...	...	...	...	5,723.00
	16. Kuala Kenau	...	...	...	...	...	...	...	5,673.00
	17. Kampong Peramu	...	...	...	...	...	...	...	5,723.00
	18. Kampong Anak Ayer	...	...	...	...	...	...	...	5,597.00
	19. Kampong Baru Cherating	...	...	...	...	...	...	...	5,752.00
	20. Kampong Baru Panching	...	...	...	...	...	...	...	5,573.00
	21. Gabling—MembaiKKi	...	...	...	...	...	...	...	4,875.00

<b>1964</b>	22. Kampong Kempadang )	36,000.00
	23. Kampong Batu Hitam )	
	24. Kampong Paya Rambutan )	
	25. Kampong Belukar )	
	26. Kampong Seberang )	
	27. Batu 11 Jalan Pekan )	
<b>1965</b>	28. Kampong Darat Makbar )	24,000.00
	29. Kampong Soi )	
	30. Kampong Tanah Puteh )	
	31. Kampong Seberang S.L. )	

#### Padang Permainan

<b>1963</b>	1. Kampong Soi (MembaiKKi) ...	260.00
	2. Batu 6 Jalan Gambang (MembaiKKi) ...	740.00
	3. Kampong Cherating ...	4,000.00
	4. Kampong Sungai Ular ...	2,998.00
	5. Baikki—Tanjong Lumpur ...	2,990.00
<b>1964</b>	6. Paya Bungor ...	3,000.00
	7. Kampong Alor Batu ...	3,000.00
	8. Kampong Cherok Paloh ...	2,947.00
	9. Kuala Penor ...	3,000.00
	10. Kampong Kempadang ...	2,890.00
	11. Kampong Peramu ...	2,850.00
	12. Kampong Che' Leman ...	2,995.00
	13. Kampong Panching ...	3,000.00
	14. Sungai Karang Pantai ...	4,900.00
	15. Kampong Jaya Gading ...	
<b>1965</b>	16. MembaiKKi/Memperbesar—Kuala Penor ...	1,000.00

#### Padang Kanak2

<b>1963</b>	1. Gambang ...	6,850.00
<b>1964</b>	2. Tanjung Lumpur ...	3,988.00
	3. Beserah ...	3,985.00

#### Tempat Bakar Sampah

<b>1963</b>	1. Gambang ...	\$ 1,942.50
	2. Padang Geroda ...	1,952.50
<b>1964</b>	3. Beserah ...	2,000.00

#### Tandas

<b>1963</b>	1. 2 buah—Masjid Ubai ...	2,500.00
	2. 2 buah—Tanjong Lumpur ...	1,590.00

#### Paga Kubor

<b>1963</b>	1. Tanah Perkuboran Bk. Ubi ...	1,500.00
-------------	---------------------------------	----------

#### Pekan Sari

<b>1961</b>	1. Tanjung Lumpur ...	400.00
<b>1963</b>	2. Bandar Kuantan ...	50,000.00

#### Pasar

<b>1964</b>	1. Gambang ...	19,950.00
-------------	----------------	-----------

**Longkang**

<b>1962</b>	1. Jalan Gambang	...	...	...	...	...	...	...	800.00
<b>1963</b>	2. Beserah	...	...	...	...	...	...	...	1,470.00
<b>1964</b>	3. Gambang	...	...	...	...	...	...	...	1,995.00
	4. Jalan Masjid Beserah	...	...	...	...	...	...	...	1,998.50
<b>1965</b>	5. Gambang	...	...	...	...	...	...	...	5,000.00

**Perahu**

<b>1963</b>	1. Kuala Penor—Saguhati	...	...	...	...	...	...	...	240.00
<b>1964</b>	2. Kuala Penor—Saguhati	...	...	...	...	...	...	...	240.00
<b>1965</b>	3. Kuala Penor—Saguhati	...	...	...	...	...	...	...	240.00

**Jalan Kampong**

<b>1961</b>	1. Lepar	...	...	...	...	...	...	...	3,000.00
	2. Tanjung Lumpur	...	...	...	...	...	...	...	150.00
	3. Chendor	...	...	...	...	...	...	...	56.00
	4. Ubai	...	...	...	...	...	...	...	67.00
	5. Cheroh Paloh	...	...	...	...	...	...	...	691.00
	6. Bukit Gelugor	...	...	...	...	...	...	...	200.00
	7. Tanjong Putus	...	...	...	...	...	...	...	350.00
	8. Kampong Belukar	...	...	...	...	...	...	...	150.00
	9. Beserah	...	...	...	...	...	...	...	200.00
<b>1962</b>	10. Sungai Belat	...	...	...	...	...	...	...	495.00
	11. Sungai Karang	...	...	...	...	...	...	...	1,900.00
	12. Permatang Besar	...	...	...	...	...	...	...	300.00
	13. Chendor	...	...	...	...	...	...	...	160.00
	14. Cherok Paloh	...	...	...	...	...	...	...	750.00
	15. Sungai Belat	...	...	...	...	...	...	...	75.00
	16. Kampong Jarau	...	...	...	...	...	...	...	250.00
	17. Penor	...	...	...	...	...	...	...	300.00
	18. Kampong Gelugor	...	...	...	...	...	...	...	340.00
<b>1963</b>	19. Cherok Paloh	...	...	...	...	...	...	...	200.00
	20. Kampong Semangat	...	...	...	...	...	...	...	300.00
	21. Sungai Ular	...	...	...	...	...	...	...	949.25
	22. Sungai Karang	...	...	...	...	...	...	...	1,076.40
	23. Kampong Cherating	...	...	...	...	...	...	...	2,363.00
	24. Balok Pantai	...	...	...	...	...	...	...	4,250.00
	25. Paya Bungor Kiri	...	...	...	...	...	...	...	450.00
	26. Paya Rambutan	...	...	...	...	...	...	...	3,700.00
	27. Paya Soi	...	...	...	...	...	...	...	1,000.00
	28. Kampong Chendor	...	...	...	...	...	...	...	6,125.00
	29. Chengal Lempong	...	...	...	...	...	...	...	3,998.00
	30. Bukit Gepu	...	...	...	...	...	...	...	3,995.00
	31. Batu Hitam	...	...	...	...	...	...	...	2,600.00
	32. Kampong Nadak	...	...	...	...	...	...	...	4,850.00
	33. Kampong Kolek	...	...	...	...	...	...	...	1,600.00
	34. Kampong Jambu	...	...	...	...	...	...	...	1,200.00
	35. Ranchangan Permatang Besar	...	...	...	...	...	...	...	19,446.50
	36. Ranchangan Sungai Belat	...	...	...	...	...	...	...	7,975.25
	37. Ranchangan Batu 10	...	...	...	...	...	...	...	900.00
	38. Ranchangan Kampong Che' Leman	...	...	...	...	...	...	...	1,200.00
	39. Ranchangan Pasir Kemudi	...	...	...	...	...	...	...	1,200.00
	40. Ranchangan Chendor	...	...	...	...	...	...	...	300.00
	41. Ranchangan Batu 15	...	...	...	...	...	...	...	6,000.00
	42. Ranchangan Tanah Merah Sg. Karang	...	...	...	...	...	...	...	13,400.00
	43. Kampong Ayer Jerneh	...	...	...	...	...	...	...	5,990.00

1964	44.	Kampong Chendor	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	300.00		
	45.	Kampong Padang	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	800.00		
	46.	Kampong Permatang Badak	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	80.00		
	47.	Kampong Sungai Soi	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	1,000.00		
	48.	Sungai Karang Darat	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	100.00		
	49.	Kampong Hijrah	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	200.00		
	50.	Pengkalan Kuala Penor	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	2,000.00		
	51.	Sekolah Sg. Karang Darat	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	660.00		
	52.	Sungai Ular	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	500.00		
	53.	Tanjong Putus	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	3,200.00		
	54.	Sungai Soi	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	1,600.00		
	55.	Kampong Semangat	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	2,500.00		
	56.	Pantai Balok	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	1,920.00		
	57.	Batu 10 Ubai	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	2,000.00		
	58.	Kampong Tok Salang	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	1,500.00		
	59.	Panching	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	3,700.00		
	60.	Kampong Kempadang Baru	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	4,000.00		
	61.	Kampong Sungai Belat	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	150.00		
	62.	Kampong Jarau	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	390.00		
	63.	Tanah Merah Sungai Karang	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	50.00		
	64.	Kampong Semangat	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	200.00		
	65.	Kampong Jaya Gading	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	19,700.00		
	66.	Kampong Alor Batu/Jeram Estate	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	7,450.00		
	67.	Kampong Kuala Penor	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	11,480.00		
	68.	Kampong Anak Ayer/Tanjong Lumpur	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	6,700.00		
	69.	Kampong Ubai	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	6,400.00		
	70.	Kampong Cherok Paloh	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	1,900.00		
	71.	Batu 4½ J. Gbg./Tanjong Putus	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	20,000.00		
	72.	Kampong Darat Sungai Karang	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	4,000.00		
	73.	Batu 9 Sg. Karang/Paya Empang	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	2,500.00		
	74.	Kampong Gelugor	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	4,000.00		
1965	75.	Kg. Cherating/Bkt. Palas	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	8,700.00		
	76.	Kampong Ubai	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	3,200.00		
	77.	Kampong Gelugor	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	2,764.50		
	78.	Ranchangan Tanah Merah S.K.	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	9,000.00		
	79.	Ranchangan Batu 15	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	7,620.00		
1965	80.	Ranchangan Chendor	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	1,850.00		
	81.	Ranchangan Pasir Kemudi	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	1,295.00		
	82.	Ranchangan Batu Sawar	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	1,400.00		
	83.	Ranchangan Sungai Belat	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	1,800.00		
	84.	Jalan P/Bungor/Paya Rambutan	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	4,000.00		
	85.	Jalan Kg. Cherating/Bt. Palas	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	10,000.00		
	86.	Jambatan Paya Nyoknyak	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	4,000.00		
	87.	Jalan Kg. Ubai	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	5,600.00		
	88.	Jalan Kg. Gelugor	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	6,400.00		

### Jambatan Kampong

1961	1.	Kampong Cherating	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	110.00	
	2.	Sungai Soi	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	2,00.00	
	3.	Paya Bungor	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	3,200.00	
	4.	Permatang Besar	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	950.00	
	5.	Sungai Baru	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	750.00	
	6.	Sungai Nibong	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	319.00	
	7.	Sungai Kakap	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	319.00	
	8.	Kampong Kempadang	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	250.00	
	9.	Sungai Nyior	...	...	...	...	...	...	...	...	...	...	150.00	

	10.	Sungai Soi	...	...	...	...	...	...	...	...	288.00
	11.	Sungai Sepat	...	...	...	...	...	...	...	...	1,200.00
	12.	Sungai Cherating	...	...	...	...	...	...	...	...	160.00
